

MAJALAH KORPORAT RASMI • PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

# QIADAH

[www.pmbk.gov.my](http://www.pmbk.gov.my)**FOKUS**Tragedi Ini Menyatukan Kita,  
Musibah Bencana Bah**DESTINASI**

Sungai Kenerong, Dabong

**PEMIMPIN**

Mumtaz Md Nawi

# Bah Kuning Tsunami Kecil

ISSN 2267-5416



1 972261 541000

MERAKYATKAN MEMBANGUN BERSAMA ISLAM | KELANTAN MENERAJUI PERUBAHAN

Lokasi : Bandar Tanah Merah

# AL-FATIHAH



*"Teruskan Perjuangan Saya  
Selepas Saya Tiada"*

ALLAHYARHAM  
TUAN GURU DATO' BENTARA SETIA  
HJ. NIK ABDUL AZIZ NIK MAT

DARIPADA  
PENGERUSI JAWATANKUASA PENASIHAT, KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN,  
KETUA PEGAWAI OPERASI & KAKITANGAN PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN  
BERSAMA ANAK SYARIKAT





# بازر تو گورو

## BAZAR TOK GURU



**KEDAI UNTUK  
DISEWA**  
**RM159**  
**SEBULAN**



### TINGKAT 3

- Jualan Makanan Kering
- Ruang Pejabat
- Barangan Plastik
- Kaligrafi Khat

- Barangan Pengantin
- Spa Kecantikan & Kesihatan
- Barangan Borong (bundle)

SILA KUNJUNGI PUSAT JUALAN KAMI  
**DI BAZAR TOK GURU, B002**  
(Bersebelahan mesin ATM & CDM Bank Muamalat)

atau  
hubung

• 09-747 4545 • 09-747 4082  
• 014-507 9001 (PN. GEE)  
• 013-901 6532 (PN. JUE)



**LOKASI STRATEGIK**  
Pusat Bandar  
Kota Bharu



**LALUAN UTAMA**  
Jalan Sultan Ibrahim



**PARKIR KERETA**  
Semi basemen



**KEMUDAHAN LIF**  
Untuk para pengunjung  
dan peniaga



**KEMUDAHAN PERBANKAN**  
Mesin ATM dan CDM



**KEMUDAHAN PRASARANA**  
Akses ke pejabat-pejabat berdekatan

**Ketua Editor**

**Hj Ahmad Zakie Ahmad Shariff**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Setiausaha Jawatankuasa Editorial**

**Mohd Haikal Rozaini**  
Eksekutif Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Jawatankuasa Editorial**

**Muhammad Najid Abdullah**  
Eksekutif Pembangunan Rohani  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penyelaras Editorial**

**Shariah Derahman**  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Pembantu Penyelaras Editorial**

**Siti Norazami Mohd Anuar**  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Penulis**

Che Shamsudin Othman (Dinsman)  
Mazlan Jusoh

**Penulis Bersama**

Kassim Muhammad | M Faqih | Sayuti Omar  
Muhammad Ismail Ibrahim | Wan A. Rafar  
Zanazanzaly | Muh Na Abdullah | Salmah Husain  
Tuan Mohd Nor Tuan Yahya | Nurul Dayanna Norji  
Muhammad Yusri Amin | Mohd Asri Mat Daud  
Siti Norazami Mohd Anuar | Shariah Derahman

**Pereka Grafik & Layout**

**Muhd Shakirin Naim Mohammed Yazid**  
Pembantu Tadbir Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Jurugambar**

**Ahmad Nai'me Muhammad**  
Pegawai Komunikasi Korporat  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan

**Jurugambar Bersama**

Zamani Mohd Zain | Muhammad Ismail Ibrahim  
Muhammad Ridhwan Ab Rahim | Rizal Tahir  
Mat Ghie

**Pengiklanan, Pemasaran & Promosi**

**Jabatan Komunikasi Korporat**  
Perbadanan Menteri Besar Kelantan  
Tel: 09-747 4082

**Diterbitkan oleh**

**Perbadanan Menteri Besar Kelantan**  
Tingkat 6, Bangunan PMBK  
Jalan Kuala Krai, 15150, Kota Bharu,  
Kelantan, Malaysia  
Tel: 09-747 4082  
Fax: 09-747 7815  
Laman sesawang: www.pmbk.gov.my

**Dicetak oleh**

**Darul Digital Multimedia Solutions Sdn Bhd**  
Tingkat 3, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah, 15050  
Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-747 3800

Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau pun tidak langsung dalam penerbitan dan pagedaran majalah ini.



Muat turun  
aplikasi QR Code  
dan imbas  
E-Qiadah

# Bah Kuning Tsunami Kecil

## CIRCULATION LIST

Tourist Information Centre | Kelantan State Information Secretariat | Government Department and Agencies | Government Link Companies | State Museums | Kota Bharu Municipal Council - Islamic City | Selected Privates Companies | Selected Hotels and Travel Agencies | Selected Malaysian Embassies and High Commissions | Selected Foreign Embassies | Selected Higher Learning Institutions and Student Council | Persatuan Anak Kelantan Di Perantauan | Sultan Ismail Petra Airport

No part of this magazine may be reproduced without the written permission of Kelantan Chief Minister Incorporated (PMBK). All rights reserved. Copyright 2009 by PMBK. Opinion Express in Qiadah are writers' and not necessarily endorsed by PMBK. PMBK and the producer are not responsible or liable in any way for the content in any of the advertisements, articles, photos or illustrations contained in this publication. Editorial inquiries and inquiries concerning advertising and circulation should be address to PMBK. PMBK accept no responsibility for unsolicited manuscript, photography, illustration and other editorial material. The editorial team reserves the rights to edit and/or rewrite all materials according to the needs of the publication upon usage.



**PMBK SAWIT SDN. BHD.**  
 PT3289, Jalan Chengal, Bandar Utama, 18300 Gua Musang, Kelantan  
 Tel: 09 9120710 Faks: 09 9120711 Email: pmbksawitsdnbhd@gmail.com



# DARUL DIGITAL STOP TRAINING CENTRE

Penyedia  
 Latihan  
 PSMB  
 Kategori A



Pusat Bertauliah  
 GPK (Sijil  
 Kemahiran  
 Malaysia)



PSMB

SKM




### PERKHIDMATAN LAIN :

- Rakaman dan suntingan video
- Rekabentuk grafik & percetakan
- Penerbitan video korporat/ montaj / klip
- Sokongan teknikal IT
- Pembangunan laman web dan sistem serta pentadbiran server.



Maklumat lanjut, hubungi :

Darul Digital Multimedia Solutions Sdn Bhd,  
 Lot 3-14, Tingkat 3, KB Cyber Plaza, Jalan Hamzah,  
 15150 Kota Bharu, Kelantan  
 Tel : 09-747 3800 | Faks : 09-747 3801  
 Laman web : www.daruldigital.com.my



MUKA HADAPAN :  
**BAH KUNING  
TSUNAMI KECIL**

MAJALAH KORPORAT RASMI

# QIADAH

PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

قِرْدَانِ مَنْتَرِي بَسَرِ كَلَنْتَانِ

Gambar di muka hadapan (diambil oleh Rizal Tahir), memperlihatkan untuk sekian kalinya negeri Kelantan dilanda banjir besar sehingga hampir keseluruhan bandar Tanah Merah dan bandar-bandar utama lain lumpuh dari segi aliran pengangkutan dan ekonomi. Sempena penerbitan Qiadah 15 kali ini, krew Qiadah mengambil kesempatan membukukan pelbagai penceritaan berkaitan bencana banjir 2014 di Kelantan sebagai kenangan, peringatan, pengajaran dan bahan rujukan untuk kemudian hari. Bencana banjir 2014 di Kelantan boleh diistilahkan dengan gelaran "Bah Kuning, Tsunami Kecil"

**SEMBAWANG KPEK**

**08** PMBK 'TRANSFORM'

**FOKUS**

**12** BAH KUNING  
TSUNAMI KECIL  
KELANTAN 2014

**VARIASI**

**20** CABARAN,  
UJIAN ALLAH DAN  
PENGAJARAN

**VARIASI**

**23** DAMPAK  
BAH KUNING  
DI RANTAU PANJANG

**VARIASI**

**28** MUSIBAH  
AIR BAH

**VARIASI**

**32** ALLAH HIDUP  
DAN TIDAK MATI

**VARIASI**

**36** IKTIBAR DARI  
TIGA BENCANA

**VARIASI**

**39** BANJIR 2014:  
SATU PENGALAMAN

**PEMIMPIN**

**42** HJH. MUMTAZ  
MD NAWI


**WARISAN**

**50** ZUTAH  
INDUSTRIES

**TOKOH**

**56** MANTAN  
MENTERI BESAR  
KELANTAN

DESTINASI



62

SUNGAI KENERONG

MAKANAN



66

SANG GUPAL

JENAMA KELANTAN



69

NASI AIR DINGIN

KELANTAN SANA-SINI



72

SYARIKAT MUDA OSMAN

FOKUS PMBK



77

SKUAD SUKARELAWAN MAHABBAH PMBK

AKTIVITI PMBK



80

MAJLIS PERASMIAN PROJEK RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN

AKTIVITI PMBK



82

PROGRAM MAHABBAH BUBUR ASYURA 1436H

AKTIVITI PMBK



84

KARNIVAL JUALAN BARANGAN TERPAKAI

AKTIVITI PMBK



86

OIC WORLDBIZ 2014

AKTIVITI PMBK



88

MAJLIS UCAPTAMA

AKTIVITI PMBK



90

SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI 2015

TEROWONG MASA



92

BANJIR 1967 & 2014

KELANTAN ENCYCLOPEDIA



94

KELANTAN ENCYCLOPEDIA

# TRANSFORMASI PMBK

## Berteraskan UMI Berprinsipkan PEPSI



### Productivity of Resources

Optimize available resource to generate positive returns.

Prinsip ini diterjemah sebagai mengoptimumkan sumber pendapatan untuk menghasilkan pulangan yang positif.



### Expansion of Business

Develop new market and products to ensure long term sustainability.

Membangunkan potensi baru produktiviti untuk menjamin kelangsungan hayat perniagaan.



### People & Organizational Development

Developing talents to support group objectives.

Membangunkan modal insan selaras dengan kemahuan dan objektif syarikat.



## System & Processes

Continuous improvements in the way we do business.

Kesinambungan kepada kelangsungan sistem dan prosedur dalam menjalankan tugas-tugas syarikat.



## Image & Perception

Cultivate a positive image of the group as a shariah compliant business unit.

Memupuk imej positif ke arah menjayakan misi patuh syariah dalam urusan perniagaan.

**U**

### **UBUDIYYAH PENGABDIAN**

Konsep ini berkaitan dengan soal Iman (Akidah), yakni merujuk kepada kedudukan manusia sebagai hamba Allah SWT yang diciptakan semata-mata untuk beribadat kepada-Nya. Ia memberi signifikan dari sudut sifat dirinya, tujuan hidupnya serta cara aktiviti.

**M**

### **MAS'ULIYYAH KEBERTANGGUNGJAWABAN**

Konsep ini berkaitan dengan soal Amal (Syariat), yakni pertanggungjawaban (akauntibiliti) yang merujuk kepada sifat kerja seseorang yang berkaitan dengan kedudukan Allah SWT sebagai pemberi tanggungjawab. Segala kerja (tanggungjawab) akan dipersoalkan oleh Allah SWT untuk pengadilan.

**I**

### **ITQAN KESUNGGUHAN**

Konsep ini berkaitan dengan soal nilai (Akhlah), yakni merujuk kepada kualiti kerja yang boleh diterjemahkan sebagai ketekunan, komitmen dan kesungguhan serta disusuli dengan fokus dalam melakukan kerja. Ia juga bermaksud amal yang berterusan dengan tidak memberi ruang berlakunya penyelewengan atau sikap sambil lewa.



## Bersabarlah dengan dugaan

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Firman Allah Taala:

Maksudnya: *Demi sesungguhnya, Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut, kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman, dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.* (Al-Baqarah: 155)

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT yang mengizinkan penerbitan Qiadah bagi siri ke-15. Fokus pada kali ini ialah berkenaan musibah banjir yang telah melanda negeri Kelantan pada akhir tahun 2014. Di sini saya ingin mengutarakan peranan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri khususnya dalam mengurus kesan bencana tersebut. Pengurusan bencana ini sememangnya memerlukan kecekapan untuk menggembeling serta menyelaraskan keperluan rakyat yang menjadi mangsa banjir. Sudah tentu ia memerlukan jangka masa yang panjang untuk diselesaikan.

Jika kita merujuk ilmu Islam, al-Quran telah memaparkan bagaimana kuasa hujan boleh mengakibatkan air yang besar dan deras. Allah menyebut dalam Quran perkataan *biqadarin* pada surah Al-Mukminun ayat 18 yang bermaksud: *Dan Kami turunkan air dari langit menurut suatu ukuran, lalu Kami jadikan air itu menetap di bumi.*

Istilah *biqadarin* bermaksud saiz atau diameter titisan air hujan yang agak banyak turun ke bumi dan ini sebagaimana pandangan kebanyakan ulama tafsir. Sememangnya banjir yang berlaku baru-baru ini amat berkait dengan taburan

hujan yang tinggi pada 21 hingga 23 Disember 2014. Taburan hujan 3 hari berturut-turut pada kadar 1,295mm atau bersamaan jumlah bagi 64 hari ini menyebabkan peningkatan mendadak paras air sungai. Hujan yang turun inilah menjadi air larian permukaan dan meningkatkan isipadu air banjir di negeri Kelantan.

Kerajaan negeri semasa banjir lagi telah melakukan langkah segera dan membuat pengumuman-pengumuman segera seperti peruntukan kepada wakil rakyat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bantuan persekolahan melalui Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN). Kerajaan negeri juga telah melancarkan Tabung Amanah Bencana Banjir semasa bencana ini masih berlaku iaitu pada tarikh 29 Disember 2014 dan kita telah membuat pelancaran secara rasmi di Kuala Lumpur pada 18 Januari 2015 dengan pungutan pada malam itu sebanyak 8.1 juta ringgit, Alhamdulillah.

Dalam menangani isu banjir besar ini, kerajaan negeri telah bertindak segera dengan menubuhkan Pengkalan Hadapan seawal 18 Disember lagi dan telah menggerakkan bantuan sejak tarikh tersebut ke semua jajahan terjejas di Rantau Panjang, Pasir Mas, Kuala Krai, Machang, juga Tumpat. Bantuan ini digerakkan melalui agensi kerajaan negeri seperti Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Sukarelawan MeSRA, Nisa', dan Jabatan Amal semuanya turun ke lokasi banjir.

Saya sendiri telah mengarahkan semua pihak menganjurkan solat hajat segera pada 23 Disember 2014 dan pada 24 Disember saya telah membuat kenyataan mengarahkan semua agensi, pasukan penyelamat supaya memindahkan penduduk yang tinggal berhampiran dengan sungai sebelum maghrib pada hari tersebut. Bantuan melalui 40 buah dapur rakyat digerakkan ke semua tempat pemindahan. Program-program pemulihan bagi pembinaan rumah kekal mangsa banjir telah lama diusahakan oleh pihak kerajaan negeri iaitu bermula 13 Januari 2015 lepas. Kini, pembinaan rumah kekal rancak berjalan sebagaimana jadual yang ditetapkan dan beberapa unit rumah telah siap dibina manakala majlis penyerahan kunci seperti di Berangan Mek Nab (Machang), di Kolam Mas (Gua Musang), dan Kuala Pertang (Kuala Krai) telah pun dibuat termasuklah di beberapa tempat lain.

Sama-samalah kita doakan agar rakyat negeri ini yang menjadi mangsa bah kuning dapat kembali hidup sebagaimana sebelum ini dan bersabarlah dengan dugaan ini yang Insha-Allah akan dipermudahkan segala urusan nanti. Berbanyak terima kasih saya rakamkan kepada semua sukarelawan dan petugas-petugas dari dalam negeri dan luar yang tidak putus-putus datang membantu sehingga ke hari ini. Semoga Allah jua yang membalasnya dan mengganjari pahala yang berlipat ganda.

Sekian, Wassalam.

**USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB,  
S.J.M.K., D.J.M.K., J.P, S.M.K (Kelantan)**  
Menteri Besar Kelantan



## Membanting Tulang, Menyusur Doa

Jika anda berada di Kg Laut, Tumpat atau Dabong dan Manek Urai, Kuala Krai, atau juga berada di mana-mana kawasan Gua Musang pada Januari 2015; pasti anda akan terpaku diam. Hanya air mata yang tanpa sedar mampu dialirkan. Tidak ada patah kalimah yang mampu diungkapkan melainkan hanya mampu berkata "Masya-Allah".

Semua tahu yang saya bukanlah anak kelahiran negeri ini tetapi sisi lain yang tidak diketahui, saya pernah bersekolah rendah di Kota Bharu. Allah takdirkan saya bermertuakan orang Kelantan dan saya juga tidak perlu nafikan ada sentimen kecil dalam diri melihat kesusahan rakyat negeri ini yang ditimpa bencana.

Barangkali sesiapa sahaja tidaklah perlu menjadi orang Kelantan untuk menangis melihat tragedi banjir yang berlaku. Cukuplah kiranya anda punyai belas ihsan dan naluri kemanusiaan untuk sedar membantu mereka yang dalam kesusahan. Kesengsaraan ini perlu dikongsi bersama dalam bentuk yang variasi.

Saya berada di Kuala Krai mengiringi delegasi tetamu Kerajaan Negeri Kelantan daripada kedutaan Amerika Syarikat dan Malaysian Medical Relief Society (MERCY) pada 15 Januari 2015. Lawatan itu amat menginsafkan. Sebagaimana saya sebut bahawa tiada kata yang mampu diucap melihatkan kepada kesan banjir yang berlaku dan ia harus dikenang sebagai tragedi bah yang dahsyat.

Lebih kehadapan dari itu, segala usaha telah digiatkan. Semua pihak memberikan bantuan. Pihak kerajaan semestinya dan paling menyentuh perasaan adalah jiwa-jiwa sukarelawan yang menyalurkan bantuan tanpa mengenal erti lelah. Ia suatu kredit penghargaan yang seharusnya tidak dilupakan. Segala jerih tenaga dan wang ringgit diusahakan membantu sedaya yang ada.

PMBK juga tidak ketinggalan. Menampung sisi-sisi lompong kesusahan dengan pelbagai bantuan. Sedari awal kepungan banjir dimaklumkan, sejumlah 30 kakitangan memberikan kesanggupan turun berkampung sebagai sukarelawan.

Ada gusar kebimbangan terpamer di wajah-wajah mereka tetapi kekuatan semangat yang lahir untuk memberikan bantuan sedayanya telah menenggelamkan ketakutan. Saya dimaklumkan ada kakitangan PMBK dan Kumpulan bertarung dengan tragedi banjir dan ada yang terkepung meninggalkan juga keluarga lalu tekad menyertai sukarelawan mengangkat barangan dan mengagihkan kepada yang memerlukan.

Saya difahamkan semasa puncak banjir menenggelamkan Kuala Krai dan Kota Bharu; semasa air bah tidak lagi mengenal kawan mahupun lawan, ada kakitangan yang bergadai nyawa menghantarkan bantuan ke tempat-tempat yang memerlukan.

Semangat seperti ini pada saya perlu diberi pujian. Semua yang membantu perlu diberikan penghargaan. Sukarelawan, pegawai-pegawai kerajaan dan individu anak-anak Kelantan mahupun luar Kelantan yang telah menyumbang harusnya dirakamkan apresiasi ucapan terima kasih atas jasa dan sumbangan.

Saya doakan segala usaha dan keringat yang disalurkan dipandang sebagai pahala di akhirat nanti. Hanya Allah jua yang layak membalasnya. Insyaa-Allah.

Salam hormat,

**HJ AHMAD ZAKIE HJ AHMAD SHARIFF**  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK



# BAH KUNING: Tsunami Kecil Kelantan 2014

Oleh Kassim Muhamad Foto Ahmad Naime & Zamani Mohd Zain

*"Isteri Rahmat tidak tahu anak mana yang mana hendak diselamatkan-nya. Ia tidak dapat memutuskan fikiran-nya; ia telah menjadi seperti orang gila. Akhir-nya ia pun menengadahkan ka-langit dan dengan mengalir ayer mata-nya ia pun berseru kepada tuhan kata-nya, "Ya Allah, selamatkan hamba bertiga ini atau tolong-lah beri tahu hamba anak yang mana hendak hamba bersama-sama hamba?"*

Ahmad Murad bin Nasruddin, *Tangga Bacaan*, Art Printing Works, Kuala Lumpur, 1956:169 dalam kisah "Bah Besar di Pahang" 164-174.

Peristiwa tahun 1926 di negeri Pahang di atas mengisahkan keserbasalahan seorang ibu pada saat-saat yang amat genting dalam hidupnya; dilemanya membuat pilihan yang amat sukar – anak yang mana satukah – yang mahu dibawa bersamanya. Tatkala itu paras air dalam rumah mereka di tebing Sungai Jelai, kira-kira lima batu dari Kuala Lipis, Pahang, sudah pun mencapai aras bumbung. Nyawa mereka

sudah pun terancam. Pada perkiraan si ibu tidak mungkin dia berenang dengan selamat sekiranya kedua-dua anaknya dibawa bersama-samanya. Dia terpaksa membuat pilihan yang sukar. Maka sang ibu yang dilanda dilema itupun menadah tangan seraya memanjatkan doa kepada maha Pencipta.

Sebenarnya bah besar tahun 1926 itu bukan saja melanda negeri Pahang. Negeri Kelantan juga turut dilanda banjir besar. Mengikut rekod, tahun-tahun 1926, 1967, 2004 dan 2014 adalah tahun-tahun banjir besar melanda negeri Kelantan. Jika diambil tahun 1926 sebagai rujukan atau patokan, kita dapat lihat bahawasanya jeda masa di antara satu banjir besar ke satu banjir besar yang lain, masing-masing ialah selama 41, 37 dan 10 tahun.

Angka-angka 41, 37 dan 10 tahun seolah-olah menunjukkan wujud semacam kecenderungan bahawa jeda masa di antara satu banjir besar ke banjir besar yang kemudiannya



*Lembah Sireh*

kian mengecil. Jika trend ini 'benar' dan boleh dijadikan asas, maka banjir besar Kelantan berikutnya akan muncul lebih cepat iaitu kurang daripada 10 tahun! Apakah ramalan ini 'benar dan tepat' jika dibaca dari sudut ilmu statistik dengan segala kebarangkaliannya? Apa pun, kita tentu amat bimbang dengan kemungkinan negeri Kelantan dilanda banjir besar sekali dalam tempoh masa kurang 10 tahun. Mungkin para pakar hidrologi kita dapat membetulkan dan memberikan pencerahan yang lebih mantap.

## **2.0 Rupa muka bumi Kelantan, banjir dan angin Monsun Timur Laut**

Negeri Kelantan yang seluas 15,105 kilometer persegi terletak di timur laut Semenanjung Malaysia iaitu di antara latitud  $4^{\circ} 30'$  -  $6^{\circ} 15'$  dan longitud  $101^{\circ}$  -  $102^{\circ} 45'$  Timur, adalah negeri keenam terbesar di Malaysia dan keempat terbesar di Semenanjung Malaysia.

Sebagai sebuah negeri yang terletak dalam kawasan monsun tropika, Kelantan mengalami musim hujan lebat

yang berterusan di antara bulan November, Disember dan Januari (musim tengkujuh) sementara suhunya di antara  $21^{\circ}$  C hingga  $32^{\circ}$  C.

Jaringan sungai, nadi saliran semula jadi sesebuah kawasan tadahan boleh kita ibaratkan sebagai jaringan pembuluh atau arteri yang mengalirkan darah dalam seluruh tubuh manusia. Dalam konteks perbandingan ini, sungai itu arteri, sementara kawasan tadahan adalah tubuh manusia. Jika arteri ini disumbat oleh lemak-lemak yang jahat, maka lambat-laun lumpuhlah tubuh badan diserang penyakit jantung. Demikian juga keadaannya dengan sungai, jika ia ditambah-kecilkan misalnya untuk membina kompleks pasar raya mega yang bakal menderita dan menjadi mangsa ialah proses saliran semula jadinya; air tertahan dan tersekat untuk memasuki kuala sehingga menyebabkan banjir.

Siapa yang tidak tahu bahawa sungai berperanan menyalirkan air dari pergunungan ke laut? Di Kelantan nadi utama saliran menyalirkan 6/8 kawasan tadahan - iaitu Sungai Kelantan, yang ketiga terpanjang di Semenanjung Malaysia. Sungai-sungai Galas dan Lebir adalah cabang-cabangnya. Sebuah lagi sungai yang bersempadan dengan Negeri Thai ialah Sungai Golok. Ia menyalirkan 1/8 daripada kawasan tadahan negeri.

### **3.0 Banjir: Produk hujan keamatan tinggi – maximum rainfall intensity (dan juga produk tangan-tangan manusia?)**

Ada soalan yang boleh dijawab dengan agak mudah, namun ada juga soalan yang sukar dijawab. Walaupun soalan-soalan yang sukar dijawab itu boleh dianyam-belit lewat jawapan politik, isu pokoknya belum tentu dapat terjawab. Kita mulakan dengan soalan yang senang-senang:

Ada beberapa soalan yang sering ditanya berhubung banjir, Bah Kuning atau tsunami kecil Kelantan 2014; antara lain misalnya apa yang menyebabkan banjir skala sedemikian besar? Sehubungan itu, ada beberapa parameter yang boleh diteliti:

1) Untuk tempoh 10 hari dalam bulan Disember 2014, jumlah hujan yang turun ialah sebanyak 850mm. Inilah jumlah hujan yang turun dalam kawasan tadahan Sungai Kelantan - 3/4 kawasan tadahan negeri Kelantan. Dan dalam tempoh yang sama (juga 10 hari) pada bulan Disember tahun 2004, jumlah hujan yang dicatat ialah 330mm. Ini bermakna hujan bulan Disember tahun 2014 itu 2.5 kali ganda lebih besar jika dibandingkan dengan hujan pada Disember 2004.

2) Mengikut sumber Bahagian Hidrologi JPS Malaysia, pada bulan Disember 2014, stesen hujan Gunung Gagau-Sg. Lebir telah mencatat jumlah hujan ekstrem. Sila rujuk Rajah 1 di sebelah. Untuk makluman, 'sesuatu hujan' itu ditakrifkan sebagai ekstrem atau melampau apabila 50% daripada jumlah hujan tahunan turun dalam tempoh 10 hari dalam tahun yang sama. Jumlah hujan tahunan yang dicatat stesen di atas, Disember 2014 ialah sebesar 4000mm, sementara jumlah hujan yang turun dalam tempoh 10 hari dalam tempoh yang sama ialah sebesar 1898mm. Hujan lebat ekstrem di kawasan tanah tinggi sudah pasti membawa padah.

**Rajah 1:** Stesen hujan Gunung Gagau-Sg. Lebir mencatatkan jumlah hujan ekstrem (50% jumlah hujan tahunan turun dalam tempoh 10 hari)

Nama Stesen	Stesen Gagau	
	10 hari	365 hari (tahun)
Tempoh Hujan (hari)	10 hari	365 hari (tahun)
Jumlah Hujan (mm)	<b>1898</b>	4000
Perbandingan dengan purata hujan tahunan	50% Jumlah hujan tahunan	

Tidak syak lagi, jumlah air yang sedemikian besar dan terkumpul pula dalam tempoh yang sangat pendek di kawasan yang tinggi iaitu di kawasan pergunungan, maka kesannya – apabila ia terjun dan meluru, menghala ke laut, begitu amat menggerunkan sekali! Apakah ia bukan peluru gunung-gunung air yang datang bertubi-tubi melanggar apa saja yang ada di depannya?

Memang benar, di sana ada unsur-unsur isi padu air yang cukup besar, kelajuan yang cukup tinggi pula (kerana datangnya dari tempat yang jauh lebih tinggi), maka momentumnya air bah itu (momentum='berat' dikali dengan 'kelajuan') begitu merosakkan sekali! Oleh itu tidak hairanlah jika ada yang menggelarnya sebagai tsunami kecil.

Selain hujan yang tersangat lebat dalam tempoh yang tersangat pendek pula sehingga mengakibatkan banjir terburuk dalam sejarah Kelantan, kita tentu bertanya kenapakah bahnnya 'kuning'? Atau lebih khusus lagi, kenapakah air yang datang dari kawasan tadahan Sungai Kelantan itu kuning dan membawa lumpur bersamanya? Kenapakah air Sungai Golok yang datang dari kawasan tadahan yang berbeza, airnya jernih?

Dalam budaya Melayu terdapat sebuah peribahasa yang sangat menarik untuk diteliti: Keruh air di hulu maka keruhlah air di hilir. Bukankah apa yang diperlakukan di hulu itu akan ditanggung segala akibatnya oleh yang di hilir?

#### 4.0 Impak Bah Kuning: Ia berlaku begitu cepat!

Mereka sedang bermesyuarat di JKR 10 apabila mendapat berita bahawa air sudah naik mendadak di Rantau Panjang dan jumlah yang terlibat telah meningkat ke lima ribu orang dalam tempoh tidak sampai 24 jam! Ini sesuatu yang belum pernah terjadi sebelumnya. Katanya dia mengambil keputusan menanggung mesyuarat untuk bergegas ke Rantau Panjang. Begitu, intisari penjelasan YB Hajah Mumtaz Md Nawi tentang kejutan pertama Bah Kuning.

Mungkin kesan dan impak Bah Kuning dapat dijelaskan dengan mengamati Rajah 2 di muka surat 15.

Soalannya, apakah yang dapat kita baca dari hidrograf di sebelah? Mungkin perkara-perkara berikut:

1) Ketika bacaan aras Sungai Kelantan di Kuala Krai mula disurui jam 8:10 pagi, pada 16 Disember 2014 (hari Selasa),

aras air sungai sudah pun berada di atas paras normal (garisan hijau), ia sudah hampir mencecah aras berjaga-jaga (berwarna ungu). Sayugia dijelaskan inilah cara dan kaedahnya Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS) mengelaskan ketinggian aras air sungai dalam mengurus sistem amaran banjir.

Barangkali tatkala itu sudah ramai penduduk Kuala Krai keluar dari rumah masing-masing untuk ke tempat kerja. Mungkin. Atau sedang hujan mencurah-curah di Kuala Krai, sudah berpundi-pundi air mata gugur berderai-derai? Atau ramai yang sekadar merasakan bahawa mereka terperangkap dalam hujan yang lebat? Sesuatu yang biasa pada musim tengkujuh di Kelantan. Mereka belum melihat kejutannya.

2) Dalam tempoh beberapa jam sahaja (kira-kira 9 jam) iaitu mulai pukul 12:30 malam pada 17 Disember 2014 (hari Rabu) hingga pukul 9:10 pagi, 18 Disember 2014 (hari Khamis), aras air Sungai Kelantan telah pun mencanak naik – kira-kira 9 meter, iaitu dari aras 18 meter kepada 27 meter! Satu ketinggian yang menenggelamkan pokok-pokok kelapa! Bayangkanlah.

Apakah ketika itu para penduduk Kuala Krai telah pun bertempiran mencari tempat-tempat yang selamat? Meraba-raba dalam malam yang gelap gelita? Atau air telah pun melimpahi seluruh Kuala Krai?

Inilah yang mereka namakan Bah Kuning gelombang pertama. Ini belum seberapa. Mereka belum lihat serangan banjir yang jauh lebih buruk, iaitu Bah Kuning gelombang kedua.

3) Untuk tempoh tiga hari iaitu mulai 18 Disember 2014 ke 21 Disember 2014, aras air Sungai Kelantan di Kuala Krai surut buat seketika; seolah-olah sungai utama negeri Cik Siti Wan Kembang itu sedang menarik nafas untuk memulakan fasa berikutnya, iaitu gelombang kedua. Dan gelombang ini lebih menggerunkan. Arasnya jauh melampaui aras bahaya (27 meter). Ia mencecah aras **36 meter!**

#### 4.1 Rekod pemindahan banjir terbesar


Satu lagi rekod yang dapat memberikan gambaran tentang Bah Kuning ialah jumlah rakyat Kelantan yang terpaksa berpindah atau dipindahkan ke tempat-tempat pemindahan.

Pemerhatian pertama dan yang paling menyolok ialah hakikat besarnya jumlah mereka yang terlibat – **339,000** orang, kurang sedikit mencecah setengah juta! Satu jumlah yang belum pernah dialami dalam sejarah pengurusan banjir di Kelantan. Sebelum ini dalam sejarah urusan pemindahan mangsa, angka yang tertinggi ialah **13,000** orang, iaitu dalam tahun 2012. Peningkatan jumlah mangsa berlipat ganda sebanyak 26 kali ganda!

Bagaimana penderitaannya jika kita membaca rekod mereka yang terlibat dalam perpindahan? Mungkinkah ini cerita yang kita perolehi dari jadual berikut -



## HYDROGRAPH FOR SUNGAI KELANTAN AT KUALA KRAI (KEL)



**Rajah 2:** Hidrograf (graf menunjukkan ketinggian ARAS AIR — di paksi Y — pada MASA-MASA tertentu — di paksi X) yang menunjukkan kenaikan aras air Sungai Kelantan di Kuala Krai dalam tempoh 16 hari iaitu mulai jam 8:10 pagi pada 16 Disember 2014 sehingga jam 3:10 minit petang pada 1 Januari 2015. [iaitu jeda masa di antara (31-16) Disember 2014 + 1 Januari 2015].

**Rajah 3: JUMLAH MANGSA YANG BERPINDAH KE TEMPAT PEMINDAHAN BAGI TAHUN 2008 – 2014/2015 (ORANG)**

BIL.	JAJAHAN	JUMLAH MANGSA PERPINDAHAN 2008-2014/2015						
		2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014/15
1	KOTA BHARU	65	170	456	507	243	0	72,818
2	PASIR MAS	2,183	4,456	3,213	2,394	7,124	5,047	52,973
3	KUALA KRAI	626	1980	16	416	1,717	762	70,035
4	TANAH MERAH	409	1,236	90	180	793	628	64,788
5	JELI	2,798	325	0	67	74	1,041	3,268
6	TUMPAT	724	2,122	1,455	517	3,147	13	40,102
7	BACHOK	0	82	65	67	55	0	61
8	PASIR PUTEH	41	84	16	282	401	225	778
9	MACHANG	0	570	0	95	104	238	17,419
10	GUA MUSANG	0	0	0	0	0	0	17,460
<b>JUMLAH</b>		<b>6,846</b>	<b>11,025</b>	<b>5,311</b>	<b>4,525</b>	<b>13,658</b>	<b>7,954</b>	<b>339,702</b>

#### 4.2 Rekod keamatan tertinggi hujan (maximum rainfall intensity)

##### KEAMATAN NEGERI KELANTAN

TAHUN	JUMLAH PURATA HUJAN TAHUNAN (mm)	KEAMATAN TERTINGGI DI GUNUNG GAGAU (mm/hari)
2014	3,495.25	507.0
2013	2,882.08	377.0
2012	2,983.83	269.0
2011	3,458.88	154.5
2010	2,369.42	99.5
2009	3,688.79	323.5
2008	3,335.58	165.5
2007	3,122.96	68.0
2006	2,679.13	241.0
2005	2,665.21	129.0
2004	2,492.75	221.0
2003	2,659.04	167.0
2002	2,263.88	85.0
2001	3,072.79	59.5

**Rajah 4: Rekod keamatan tertinggi hujan di Kelantan dan khususnya di Gunung Gagau, 2014-2001.**

Rekod keamatan tertinggi hujan untuk stesen Gunung Gagau selama 14 tahun, iaitu semenjak tahun 2001 hingga 2014, menunjukkan perbandingan yang jelas perihal keamatan tertinggi hujan yang dialami dalam tempoh malapetaka itu. Di antara aspek-aspek yang dapat kita baca dari rekod ialah:

Bahawa dari tahun ke tahun ada semacam kecenderungan (trend) peningkatan keamatan tertinggi hujan di Gunung Gagau, walaupun jumlah purata hujan untuk negeri Kelantan tidak menunjukkan trend yang sedemikian. Apakah awan-awan hujan yang berarak ke Gunung Gagau itu akan terus meningkat setiap tahun? Jika ya, apakah wujud sesuatu daya tarikan yang kuat sehingga awan-awan pembawa hujan perlu ke puncak gunung ganang ini untuk menangis? Atau ada daya tolakan yang cukup kuat sehingga awan-awan hujan perlu berarak ke sana?

Di antara soalan yang terus berlegar dalam kepala kita tentunya: Apakah kecenderungan hujan pada masa depan akan semakin buruk dan tidak akan menurun lagi? Para hidrologis melihat dan meneliti angka dan pelbagai fenomena silam untuk meramalkan taburan hujan. Mereka tidak akan bertanya soalan-soalan ala nujum Pak Belalang seperti di atas. Mungkin para agamawan yang membaca pelbagai kitab dapat memberikan sedikit pencerahan tentang rahsia-Nya?

Jika benarlah, hujan pada tahun-tahun yang datang itu terus meningkat, apakah ikhtiar kita?



### ***Kemubu***

#### **4.3 MeSRA hadir pada waktu yang tepat**

Dalam wawancara kami dengannya, antara lain dijelaskan:

*“... jika ditanya Allah SWT kelak, apakah yang saya lakukan dari sudut persediaan. Sebagai EXCO Kebajikan saya tak boleh semudahnya melepas tangan. Maka saya mencadangkan supaya dibuat satu majlis namanya Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan, singkatannya MeSRA. Kita nak menggalakkan semangat kesukarelaan di kalangan rakyat negeri Kelantan yang akan memayungi semua NGO yang membuat kerja kebajikan.”*

*“Pengalaman kita apabila berlaku banjir, di Kelantan setiap tahun berlaku banjir, nak masak pun jadi isu; sebab semua berebut-rebut nak masak. Bagi saya kerja kebajikan yang sangat baik dan sangat mulia, takkan sampai nak bergaduh bila lakukan kerja yang mulia ini? Oleh itu kita perlulah duduk berbincang bersama apakah yang nak dilakukan. Sekurang-kurangnya semasa berlaku banjir kita tahu apa yang hendak dilakukan.”*

**- YB Hajah Mumtaz Md Nawi, EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan.**

Mengikut Mumtaz, MeSRA atau Majlis Sukarelawan Rakyat Kelantan dilakukan setahun sebelum musibah Bah Kuning. Di antara tindakan awal yang beliau lakukan sebagai

EXCO ialah meneliti pengalaman berbagai-bagai pihak, termasuk kemampuan kewangan dalam menangani dan mengurus bencana. Beliau berpeluang meneliti kerja-kerja kesukarelaan dan tindakan menangani musibah, seperti banjir, oleh negeri-negeri Pakatan Rakyat iaitu Pulau Pinang dan Selangor. Negeri Selangor misalnya memiliki PANTAS, iaitu Pasukan Perintis, yang akan bertindak di mana-mana DUN yang menghadapi bencana.

Sementara pendedahan di persidangan antarabangsa seperti International Muslim Women Union, satu persidangan wanita Islam sedunia di Islamabad, memperlihatkan bagaimana bencana seperti banjir itu diurus secara bersepadu. Penglibatan wanita dan masyarakat dalam menangani kes banjir besar di Pakistan ketika itu, mereka bukukan dalam satu buku tindakan.

Berdasarkan pengalaman yang diperolehi di PANTAS dan Pakistan itu, suatu mekanisme disediakan bertujuan untuk menggariskan dasar dan mekanisme pengurusan bencana secara menyeluruh, termasuk peranan dan tanggungjawab agensi kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela, meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas berlaku sesuatu bencana. Dengan demikian penggabungan sumber dapat disepadukan bagi mengelakkan pembaziran, konflik serta pertindihan peranan.



*Masjid An-Naim, Jalan Sri Cemerlang, Kota Bharu*



*Bertam Lama*



*Pasir Tumbuh, Gua Musang*



*Pasir Pekan Hilir*



***Jalan Temenggong, Kota Bharu***

Menurut Mumtaz, kali pertama mesyuarat, 18 NGO kebajikan telah hadir dengan fokus: kalau berlaku banjir bagaimanakah penyelaras gerak kerja membantu rakyat terutama yang melibatkan kes-kes yang agak cemas, seperti bencana? Program ini dibuka kepada penglibatan masyarakat, terutama anak-anak muda dan orang-orang yang suka kepada kerja-kerja sukarela untuk berdaftar bersama kerajaan negeri.

Latihan pertama dibuat pada Februari 2014, iaitu kursus asas perkara-perkara kesukarelaan dan Tok Guru Nik Aziz yang melancarkan wacana kesejahteraan itu. Ia membentangkan semangat kesukarelaan rakyat dalam bentuk organisasi dan apa yang perlu dibuat oleh sebuah kerajaan negeri bagi membantu program seperti ini. Pengisiannya termasuk kursus, bengkel dan latihan, mesra *attack*, mesra kasih dan mesra bersama orang asli.

Satu lagi aktiviti dinamakan aktiviti monsun. Mereka yang terlibat termasuklah Jabatan Pertahanan Awam (JPAM), Bomba dan pihak-pihak yang berkaitan. Ini sebuah simulasi gerakan dan tindakan semasa banjir, dipraktikkan dalam bentuk kursus dan bengkel dengan lakonan pelbagai peranan; ada berlakon menjadi polis, Yang Berhormat (YB), tukang masak dan sebagainya.

Tidak syak lagi persiapan dalam bentuk pelaksanaan MESRA telah menjadi asas persiapan tatkala rakyat Kelantan betul-betul berdepan dengan 'tsunami kecil' yang menggerunkan itu! Selaku Pengerusi Jawatankuasa Operasi Khairat Banjir 2014, Mumtaz agak beruntung kerana mempunyai sukarelawan MESRA seramai lebih 1,600 orang yang membantu pelbagai operasi bantuan semasa banjir, bersama dengan kakitangan jabatannya sendiri yang penuh komitmen, bertungkus lumus dan sanggup tidak pulang ke rumah sepanjang tempoh yang diperlukan itu.



***Kg. Baung, Pengkalan Chepa***



***UMW Toyota Motor, Kota Bharu***

### **KASSIM MUHAMAD**

Pesara Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, JPS setelah berkhidmat selama 26 tahun sebagai jurutera pengairan dan saliran. Bersekolah di Sungai Petani, Kedah, Ibrahim Secondary School, sebelum ke Universitas Gadjah Mada, Indonesia (1975-1970), Universiti Teknologi Malaysia, Kuala Lumpur (1979-1976), dan Katholieke Universiteit Lueven, Belgium (1989-1987). Aktif bersama NGO sastera-budaya PAKSI, Seniman Paksi Rakyat sejak penubuhannya, 2008 sehingga sekarang. Beliau boleh dicapai via <http://barabarajwa.blogspot.com> dan facebook <https://www.facebook.com/kassim.muhamad>



# CABARAN, UJIAN ALLAH DAN PENGAJARAN

Oleh Kassim Muhamad Foto Ahmad Naime & Zamani Mohd Zain



Banjir skala terbesar dalam sejarah Kelantan sehingga ia digelar sebagai mini tsunami menunjukkan bahawa terdapat kekurangan yang amat ketara dalam segala aspek kecuali semangat, doa dan daya juang rakyat berdepan dengan bencana tersebut.

Mungkin Rajah 1 dapat memberikan gambaran yang padat lagi padu berhubung cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh kerajaan Kelantan dan rakyatnya semasa berdepan dengan Bah Kuning.

Sebagai rumusan, aspek-aspek berikut telah dikenal pasti dan disenaraikan sebagai cabaran Bah Kuning:

- Jaringan jalan raya dan jambatan yang kurang/tidak mencukupi untuk tindakan menyelamatkan.
- Ketiadaan/kekurangan latihan, Standard Operation Procedure (SOP), penyelarasan latihan skala luar biasa untuk bencana yang luar biasa seperti Bah Kuning.
- Pusat pemindahan baru tidak ada kelengkapan dan peralatan.



**Rajah 5:** Cabaran yang dihadapi dalam operasi menyelamatkan Bah Kuning

- Kakitangan pelbagai jabatan yang terlibat dengan banjir juga terlibat sebagai mangsa banjir.
- Kenderaan, bot, jentera dan peralatan yang tidak memadai.
- Bekalan yang disediakan juga terhad.
- Komunikasi yang terputus menyulitkan proses komunikasi.
- Kerosakan utiliti dan elektrik.
- Bilangan sukarelawan juga tidak mencukupi.

Walau apa pun cabaran dan kekurangan yang disenaraikan, satu hakikat yang tidak boleh dinafikan ialah kewujudan MESRA adalah tepat pada masanya. Sumbangan dan peranannya dalam banjir yang lalu juga tidak boleh dinafikan. Tindakan Mumtaz Md Nawi membuat persediaan awal satu tahun sebelum Bah Kuning sangat strategik dan tepat pada waktunya. Ramai pihak mengakui hakikat ini.

Dan dalam wawancara kami dengan EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan ini, kira-kira beginilah intipati kata-kata beliau:

“Kali ini musim bah telah menjadi musibah. Sebelum ini bagi kami rakyat Kelantan, termasuk saya sendiri, bah itu sesuatu yang biasa dan ‘kebiasaan’ itu membolehkan kami meramalkan sejauh mana, ke tahap manakah dan ke aras mana air bah bakal naik di tangga rumah. Bagi rakyat yang

acap kali rumahnya dimasuki air bah, ia bukan suatu musibah dan bukanlah ia peristiwa yang terlalu luar biasa.”

“Sesungguhnya kali ini banjir yang melanda bukanlah sesuatu yang biasa — ia sungguh luar biasa — tempat-tempat seperti Gua Musang yang sebelum ini tidak pernah banjir juga dilanda banjir. Mereka yang belum pernah mengalaminya sebelum ini terpinga-pinga; persoalan kenapa berpindah ke tempat perlindungan adalah satu pengalaman yang baru.”

Namun buat Mumtaz, lulusan jurusan perundangan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) ini, wujud aspek-aspek selain musibah, sisi dan sudut kerohaniannya yang meninggalkan kesan mendalam — lama dan berbekas — bahawa kuasa serta pilihan Allah dalam menguji rakyat Kelantan itu hak-Nya dan sesungguhnya Allah yang Maha Esa telah menguji hamba-hamba-Nya dengan mengambil harta benda mereka ke timbang nyawa.

“Ya, benar dan sebagai gantinya, Dia telah menyelamatkan nyawa. Bayangkan dengan banjir berskala sedemikian besar, terburuk dalam sejarah negeri Kelantan, jumlah yang terkorban mengikut rekod ialah 13 orang, walaupun pada mulanya ramai yang begitu bimbang berdepan dengan suasana mayat-mayat bergelimpangan sebaik saja air bah surut. Subhanallah, musibah ini tidak terjadi!”

Dalam kelancaran EXCO wanita ini menelusuri saat-saat getir pada hujung tahun 2014 itu, kami telah menangkap



mesej-mesej lain. Baginya terdapat satu fenomena yang jarang dilaporkan iaitu perihal keredhaan rakyat Kelantan menghadapi dugaan, ujian dan musibah. Baginya rakyat yang sekian lama ditekan, dianaktirikan itu ternyata memiliki daya tahan, daya juang yang cukup tinggi menghadapi ujian dan penderitaan.

YB ini mengulangi: mereka telah sekian lama dinafikan pelabuan, lebuh raya, lapangan terbang dan juga dinafikan hak untuk memiliki empangan seperti di negeri-negeri lain. Pendek kata, mereka biasa dan mangli dengan penderaan, makanya membina daya tahan yang tinggi dan daya tahan untuk menghadapi penderitaan.

Dan sebagai rakyat, mereka faham siapakah ayah mereka yang tidak berduit itu dan bagaimana ayah mereka membantu anak-anaknya. Anak-anak tidak memberontak kerana memahami keadaan si ayah.

Kefahaman rakyat tentang hak dan tanggungjawab ini diterjemahkan ke dalam bentuk dan amalan demokrasi — dan sebagai rakyat, mereka yakin rakyat tidak boleh didera kerana memilih demokrasi. Rakyat yang biasa ditekan, rakyat yang biasa dengan masalah, rakyat yang biasa dengan kesusahan, menerima musibah banjir dengan penuh rasa tabah.

Kata Mumtaz, sepanjang turun padang dia tidak melihat rakyat mengeluh tatkala menghadapi dugaan. "Mereka menerima malapetaka banjir itu dengan penuh redha, malah di sesetengah tempat mereka pula yang memberikan dorongan kepada kami: 'Tak apa YB, kita hadapi dugaan ini!'"



# DAMPAK BAH KUNING

## Di Rantau Panjang

Oleh Kassim Muhamad

Adakah perkataan 'pembangunan' itu secara tidak rasminya sudah pun dilembagakan sebagai sepatah kata yang keramat? Sepatah kata yang tidak boleh lekang dari mulut mereka yang dekat dan berurusan dengan kuasa? Dan apakah sebagai sebuah lembaga yang keramat maka 'pembangunanlah' yang melahirkan segala anak pinak — namanya 'projek'?

Kita sering dengar, lihat dan tonton bagaimana pemimpin — di depan rakyat — sering berhujah, merayu, menggesa dan sekali gus berjanji bahawa demi meningkatkan lagi pendapatan, keselesaan, kesejahteraan dan kebahagiaan hidup rakyat (yang setiap lima tahun sekali keluar mengundi), janganlah sampai terlupa dengan segala nikmat pembangunan yang bakal mereka kecapi itu. Untuk

mencapai nikmat pembangunan itu, mereka mestilah bijak memilih.

Kitaran mesej nikmat pembangunan bukanlah sesuatu yang baru muncul. Sejak merdeka rakyat telah pun didendang-dodoi dengan pelbagai nyanyian projek-projek pembangunan. Katanya, projek pembangunan adalah kemestian demi untuk memberi kesenangan kepada rakyat, dengan catatan bahawa kerajaan juga beruntung kerana projek-projek pembangunan ini bakal membuka bermacam-macam peluang dan rezeki baru termasuk peluang pekerjaan.

Yang tidak kurang penting ialah hujah bahawa pembangunan bakal mengembangkan dan menumbuh-besarkan

lagi ekonomi negara. Dan para pemimpin ini jarang, malah tidak pernah, menjelaskan kepada rakyat bahawa para kontraktorlah kelompok yang paling dahulu menikmati projek pembangunan!

## 2.0 Realiti yang dihadapi Rantau Panjang

Mungkin senario di bawah ini dapat memberikan sekelumit gambaran tentang betapa perih-nyilunya rakyat mengharungi kemelut penderaan yang seolah-olah tidak akan kelihatan hujungnya. Dapatkah kita selami runtunan derita batin mereka yang menunggu, mengharap, menunggu dan mengharap yang bersilih ganti itu? Cerita di bawah ini menelanjangi betapa bersimpang-siurnya janji-janji pembangunan itu. Tidak kurang pilunya, ia memaparkan kegigihan dalam sedu-sedan mereka yang akrab dengan penderitaan rakyat ini — para wakil rakyat mereka.

Dalam sesi temubual kami (Dinsman dan saya) dengan Ahli Parlimen Rantau Panjang, Hajah Siti Zailah Mohd Yusof, pada 19 Februari 2015, di antara soalan kami ialah: Pekan Golok tak kenalah banjir? Kenapakah Thailand telah bina bannya tapi kita tidak?

Jawapan oleh Hajah Zailah: "Itulah soalan yang saya selalu soalkan di Parlimen. Thailand sudah buat, kenapa kita tidak buat? Tapi menteri jawab dengan pelbagai alasan; kita tak cukup tanahlah, macam-macam. Kita dimaklumkan bahawa masalah utama ialah peruntukan. Peruntukan yang disediakan untuk projek itu dipindahkan ke tempat lain."

Apakah benar dakwaan bahawa peruntukan yang disediakan untuk Rantau Panjang itu dipindahkan ke tempat lain? Mengikut akhbar New Straits Times, 4 Oktober 2013: Rantau Panjang akan menikmati fasa pertama projek Tebatan Banjir Sungai Golok bernilai RM345 juta lebih awal, iaitu dalam tahun 2015. Projek yang berharga RM1.4 billion ini dijangka siap dalam tahun 2019. Inilah jawapan dalam Dewan Rakyat oleh Timbalan Menteri Sumber Alam dan Alam Sekitar, Datuk Dr James Dawos Mamit ketika menjawab soalan tambahan oleh YB Hajah Zailah Mohd Yusof (Rantau Panjang).

(<http://www2.nst.com.my/nation/general/sungai-golok-flood-mitigation-project-may-start-early-1.368131>).

Dalam temubual kami itu, di antara aspek-aspek yang disentuh Siti Zailah (mesra dengan panggilan Kak Lah) termasuklah:

- Bahawa sudah menjadi kebiasaan Rantau Panjang dilanda banjir dua atau tiga kali setiap tahun.
- Bahawa kerugian ekonomi yang terpaksa ditanggung oleh para penduduk Rantau Panjang setiap tahun sememangnya cukup besar. Pekedai dan peniaga kerugian kerana kehilangan barang dagangan, para petani rugi kerana hilang hasil kebun, penternak rugi kerana kehilangan ternakan. Rantau Panjang menderita — berulang-ulang kali setiap tahun — akibat banjir.
- Bahawa limpahan air hujan di kawasan hulu Weng, Province Narathiwat Thailand itu menjadi petunjuk yang



tidak pernah mungkir; dari bandar Weng ia mengambil masa kira-kira tiga jam untuk sampai ke pekan Rantau Panjang. Dan Sungai Golok — nadi saliran kawasan-kawasan tadahan, juga sempadan Malaysia dan Thailand — adalah sumber air bah.

- Bahawa dari sudut geografi, permukaan bumi di sebelah bandar Sungai Golok itu lebih tinggi daripada permukaan bumi di Rantau Panjang, maka air bah pun melimpah ke Rantau Panjang. Dan bahawa bandar Sungai Golok itu dilindungi oleh benteng 'setinggi ketinggian dua orang dewasa', untuk menahan air banjir. Rantau Panjang? Ia tak punya benteng yang seperti itu.

Dalam bahasa mudah Hajah Zailah, Rantau Panjang telah cukup lama menderita kerana banjir:

"Kesannya apabila banjir ialah lumpuh ekonomi. Peniaga-peniaga kena tutup kedai. Lebih teruk banjirnya bukan sekali, kadang-kadang tiga kali baru habis. Rantau Panjang ini kalau tak banjir bukanlah Rantau Panjang. Setiap tahun — banjir."

Apakah kerajaan Pusat tidak menyedari masalah dan penderitaan yang dihadapi oleh Rantau Panjang dan Tumpat selama ini? Apakah benar jika dikatakan bahawa kerajaan Persekutuan tidak mempedulikan usaha untuk mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang dan Tumpat? Sebagai 'bukti', lihatlah rekod projek-projek kerajaan Pusat untuk Sungai Golok. Ya, Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok yang sekian lama ditunggu itu.

## 3.0 Senarai projek pembangunan untuk Sungai Golok

Adalah tidak adil jika kita katakan bahawa projek-projek pembangunan itu sesuatu yang baru untuk bandar Rantau Panjang. Ertinya Rantau Panjang dengan segala masalah banjirnya tidak pernah luput dari mata kerajaan Pusat

apatah lagi kerajaan negeri. Sebagai contoh, sila teliti senarai projek untuk negeri Kelantan yang dilaporkan di laman maya berikut:

[http://apps.water.gov.my/jpskomuniti/dokumen/Senarai%20Rujukan%20\\_%20KELANTAN.pdf](http://apps.water.gov.my/jpskomuniti/dokumen/Senarai%20Rujukan%20_%20KELANTAN.pdf)

Misalnya item ke 11 laporan tersebut, menyenaraikan kajian bertajuk "the Golok River Basin Development Study - Water Resources and Flood Mitigation" Volume I, dilaksanakan oleh Juruperunding Australian Development Assistance Bureau, dalam tahun 1985 untuk Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia (JPS).

Sementara item 80 pula menunjukkan Dokumen kontrak untuk projek menstabil tebing Sungai Golok, di Kampung Bagus - Pekan Rantau Panjang, Pasir Mas, Kelantan. No kontrak: JPS/P/KN/SG/03/2007

Berdasarkan laman di atas, terdapat 90 projek untuk negeri Kelantan yang dilaksanakan oleh JPS, untuk tempoh 1985 hingga 2009, dan di dalamnya terdapat tidak kurang 18 'kerja pembangunan' berhubung kajian Lembangan Sungai Golok yang dilaksanakan.

Sesungguhnya keprihatinan kerajaan Pusat terhadap masalah Rantau Panjang tidak pernah surut, susut apatah lagi luput dari matanya. Cuba teliti kenyataan akhbar Menteri Pertanian pada 19 Januari 2011, mengenai banjir di Rantau Panjang:

*"The Government wants to solve the flood problem in Rantau Panjang and Tumpat, as it occurs year in and year out," said Nazri, who chairs the National Security Council, at the Kelantan flood operations room in Kota Darul Naim here yesterday.*

*"That is why Malaysia should discuss the matter with Thailand and find ways to solve the flood woes that affect residents living at the border every year."*

("Kerajaan mahu menyelesaikan masalah banjir yang saban tahun melanda Rantau Panjang dan Tumpat" kata Nazri yang mempengerusikan Majlis Keselamatan Negara, di bilik Gerakan Banjir, Kota Darul Naim di sini semalam.

"Itulah sebabnya Malaysia mesti berbincang masalah banjir ini dengan Thailand dan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah banjir yang setiap tahun memberikan kesan terhadap penduduk yang tinggal di sempadan."

(Rujuk <http://www.thestar.com.my/Story/?sec=nation&file=%2F2011%2F1%2F19%2Fnation%2F7824480>)

Jika begitu banyak usaha dalam pelbagai projek telah dilaksanakan demi untuk mengatasi masalah banjir di Rantau Panjang, lantas apakah masalahnya sehingga masalah banjir yang berulang-ulang di bandar perbatasan Malaysia-Thailand ini masih jua gagal diatasi? Ya, apakah yang membuat Rantau Panjang masih juga berdepan dengan banjir? Bila lagi Rantau Panjang dapat bebas dari retorik janji bahawa banjir tahunannya pasti akan diatasi?

Kita tidak perlukan kepakaran saintis roket untuk mengetahui sebab musabab kenapa setiap tahun Rantau Panjang masih jua berdepan dengan masalah banjir. Seperti kata Siti Zailah Mohd Yusof – projek-projek yang mereka



laksanakan ialah untuk menstabilkan tebing Sungai Golok, padahal yang amat diperlukan oleh Rantau Panjang ialah ban yang cukup kukuh supaya dapat menahan air banjir daripada melimpah ke Rantau Panjang, sepertimana yang bandar Golok, Thailand perolehi. Dan rasanya fasa kajian demi kajian tentang Sungai Golok ini juga sudah lama berlalu.

#### 4.0 Hubungan Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat

Kenapakah agihan dana untuk projek yang begitu diperlukan oleh penduduk Rantau Panjang dan Tumpat itu bergerak seperti siput babi yang sakit? Ramai yang percaya ia ada kaitan dengan sikap dan pendirian kerajaan Persekutuan terhadap negeri Kelantan.

Bukankah sejarah hubungan Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan adalah sejarah penafian hak dan juga penderaan yang panjang? Pada pandangan EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat Negeri Kelantan, Mumtaz Md Nawi – apa lagi yang tidak dinafikan oleh kerajaan Pusat terhadap Kelantan? Kelantan dinafikan semuanya – pelabuhan, lapangan terbang, lebuh raya dan juga empangan. Kelantan menerima Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP), satu model pentadbiran yang tidak wujud di negeri-negeri yang dikuasai kerajaan Pusat. Kenapa?

*Dalam kes Bah Kuning, menurut Mumtaz, keadaan sedikit berubah hanya apabila Perdana Menteri datang untuk melihat*



Mengikuti Ahli Parlimen Rantau Panjang, Hajah Siti Zailah Mohd Yusof, bahawa dalam Bah Kuning 2014 itu terdapat fenomena yang sukar dilupakan:

“Kita di Rantau Panjang ada dua fenomena, sebelah Sungai Golok airnya jernih, banjirnya tak ada lumpur. Kalau tengok di Masjid Beijing itu airnya paras ni depan masjid, tapi dia tak ada lumpur sebab airnya daripada Sungai Golok. Tapi kalau air dari Sungai Kelantan memang teruk, teruk, airnya teruk — yang itu memang berselut.”

Dari pemerhatian Siti Zailah di atas, ada soalan yang timbul dan mungkin soalan ini dapat dijawab oleh pelbagai pihak khususnya para pemimpin negeri Kelantan: Apakah dan mengapakah wujud fenomena di atas?

sendiri apakah yang dideritai oleh rakyat Kelantan. Apakah mereka berpolitik? Jika ya, ia memang keterlaluan!

“Moreover, the rakyat felt irritated by the persistent threats made by UMNO that no development would take place in Kelantan if the people continued to support the opposition PAS and S46. The UMNO strategy of trying to intimidate Kelantanese voters on this occasion backfired. Since economically many Kelantanese operated within the small business sectors as hawkers, shop keepers, and petty traders, and since those living in the rural areas were farmers, self-employed artisans and housewives, they were unlikely to feel directly threatened by their support for the opposition.”

(Lagi pun rakyat sudah muak dengan ancaman berterusan UMNO bahawa tidak akan ada sebarang pembangunan untuk Kelantan selagi mana rakyatnya terus menerus menyokong pihak oposisi, PAS dan Semangat 46. Ternyata strategi UMNO yang mahu mengancam rakyat Kelantan telah memakan tuan. Sebabnya? Ancaman tidak berkesan, kerana dari segi ekonomi terdapat ramai rakyat Kelantan yang terlibat dalam sektor-sektor perniagaan kecil sebagai penjaja, pekedai runcit dan pedagang kecil; sementara yang di luar bandar pula mencari makan sebagai petani, bekerja sendiri sebagai tukang dan suri rumah. Mereka tidak mungkin merasa terancam kerana menyokong pihak oposisi.)

- Mohammad Agus Yusoff, *Malaysian Federation – Conflict or Consensus*, Penerbitan Universiti Kebangsaan, Bangi, 2006. (<http://www.penerbit.ukm.my>)

Sejarah hubungan Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Persekutuan sebagai satu sejarah penafian hak dan



penderaan yang panjang itu telah dikupas dengan panjang lebar oleh Mohammad Agus Yusoff. Misalnya di halaman 170, pengarang memetik rasa duka nestapanya Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang, berhubung soal keselamatan negara:

“Although security is a Federal responsibility, security in a Federation can best be secured if there is the closest rapport not only between the Federal Government and the people, but also between the Federal Government and all State Governments, regardless of their political affiliations.

“Political parties can disagree about political beliefs and objectives, but there is no reason why they cannot agree and act in unison for the security of the Federation”

(Walaupun keselamatan itu tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, namun keselamatan sesebuah Persekutuan terbaik sekiranya wujud kerjasama yang erat bukan sahaja di antara Kerajaan Persekutuan dan rakyat, tetapi juga kerjasama yang erat itu wujud di antara Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri, tanpa mengambil kira apa pun pendirian dan sikap politik mereka.

(Parti-parti politik boleh saja tidak bersetuju dengan pegangan politik dan objektif masing-masing, tetapi demi keselamatan Persekutuan, tidak ada sebabnya kenapa mereka tidak boleh bersetuju dan bertindak dengan sepadu dalam isu keselamatan.)

Kenyataan di atas mengingatkan kepada keperluan pengisytiharan darurat akibat Bah Kuning 2014. Apakah sebabnya ia – pengisytiharan darurat – tidak berlaku? Ramai yang bertanya: Kenapakah darurat tidak diisytiharkan?



## 5.0 Rumusan

Di tengah-tengah keredhaan tahap tinggi Rantau Panjang dan para pemimpinnya, ada soalan yang terus terngiang-ngiang:

Bila lagi? Ya, bila lagi Rantau Panjang dapat dibebaskan sebagai korban retorik, tarik tali dan penderaan yang panjang. Bila lagi projek tebatan banjir yang amat diperlukan itu dilaksanakan juga, akhirnya?



# MUSIBAH AIR BAH

Oleh Muhammad Ismail Ibrahim Foto Ahmad Naime & Zamani Mohd Zain

Banjir besar yang melanda Kelantan pada akhir Disember lalu boleh disifatkan sebagai antara banjir terburuk dan luar biasa pernah melanda negeri ini. Banjir kali ini telah menenggelamkan hampir keseluruhan jajahan-jajahan Kelantan khususnya di Jajahan Gua Musang, Kuala Krai, Pasir Mas dan Kota Bharu meliputi sebahagian besar kawasan tanah rendah mengakibatkan kemusnahan harta benda yang dianggarkan mencecah hampir RM1 Billion (RM934.2 juta).

Walaupun saban tahun negeri Kelantan sering dilanda bencana banjir, akan tetapi impak bencana kali ini telah meninggalkan kesan kemusnahan yang sangat dahsyat. Untuk rekod, kali terakhir banjir besar melanda Kelantan adalah pada tahun 2004. Banjir kali ini juga telah mencatatkan jumlah mangsa banjir teramai iaitu hampir 300 ribu orang yang dipindahkan ke pusat-pusat penempatan banjir sementara. Jika dahulunya limpahan air sungai Kelantan pada setiap akhir tahun dianggap sebagai pesta air kepada

penduduk di negeri ini, namun limpahan kali ini adalah sesuatu yang tidak diundang dan diluar dugaan.

Gambaran kemusnahan bencana kali ini seolah-olah mengingatkan kita akan bencana yang berlaku di negara-negara jiran seperti Tsunami di Indonesia dan Taufan Haiyan di Filipina. Ketika ini, kerja-kerja pemulihan dan pembaikan masih giat berjalan terutamanya di kawasan-kawasan yang terjejas teruk akibat bencana banjir. Kerjasama yang baik antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan dilihat telah melancarkan proses pemulihan yang melibatkan urusan pembinaan rumah dan penempatan semula mangsa-mangsa banjir yang terjejas teruk.

Jawatankuasa Bersama Menangani Pasca Banjir Peringkat Negeri Kelantan telah ditubuhkan bertujuan untuk membangunkan semula negeri ini. Jawatankuasa ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Menteri Besar Kelantan, Ustaz Dato' Ahmad Yaakob dan Pengerusi Badan



***Jambatan keretapi Kemubu***



***Jambatan Sultan Yahya Petra, Kota Bharu***

credit gambar: pkrl.blogspot.com



***Menara Jam, Bandar Kota Bharu***



***Guchil, Kuala Krai***

Perhubungan UMNO Negeri, Dato' Seri Mustapa Mohamed. Sementara itu, sumbangan dan bantuan dalam pelbagai bentuk telah datang mencurah-curah daripada rakyat Malaysia sebagai tanda simpati dan solidariti terhadap nasib yang menimpa penduduk-penduduk di Pantai Timur. KDYMM Sultan Muhammad V berkenan mencemar duli melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di pusat penempatan sementara disamping menzahir rasa duka baginda atas bencana yang menimpa rakyat Kelantan.

Untuk tempoh 6 bulan pertama pasca banjir, tumpuan telah diberikan untuk kerja-kerja pemulihan yang membolehkan pembinaan semula rumah-rumah mangsa yang dianggap musnah secara keseluruhan (total lost), suntikan wang ringgit untuk meringankan beban ahli keluarga mangsa, bantuan kelengkapan hidup dan perubatan, dan juga proses pemulihan semula infrastruktur awam termasuk bekalan elektrik dan air bersih di kawasan-kawasan yang terjejas teruk.

Selain itu, penyelarasan bantuan telah diberi keutamaan supaya proses pengagihan bantuan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Impak banjir besar kali ini menyebabkan kegiatan perekonomian khususnya di pusat bandar Kuala Krai dan Kota Bharu lumpuh sama sekali. Malah, ada juga sesetengah pihak yang mengambil kesempatan diwaktu mendesak ini dengan menaikkan harga barang yang tidak munasabah.

Tumpuan kita selain daripada beberapa perkara yang telah dinyatakan di atas adalah menyentuh tentang peri pentingnya menitikberatkan aspek perancangan dan pengurusan di saat negara dilanda bencana. Oleh kerana kehadiran dan kekerapan hujan di Malaysia yang terletak di Zon Equatorial bukanlah sesuatu yang luar biasa berlaku terutamanya penghujung tahun, maka jentera kerajaan dan semua pihak perlu dilihat lebih bersedia terhadap sebarang kemungkinan yang bakal berlaku.

Semua pihak sama ada jawatankuasa-jawatankuasa di bawah kelolaan Kerajaan Negeri, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Meteorologi, Jabatan Geologi dan pakar-pakar geologi dan hidrologi dari pelbagai universiti tempatan perlu duduk bersama membincangkan beberapa perkara pokok supaya impak bencana alam ini dapat dikurangkan. Satu prosedur atau panduan perlu dikemukakan sebagai langkah awal dalam menangani bencana berskala besar ini.

Dalam sejarah banjir besar yang kerap berlaku di negeri ini, antara lain ialah pada tahun 1931, 1947, 1954, 1967 dan 1971. Bah merah pada tahun 1926 dan 1971 dikatakan berlaku oleh kerana kelemahan infrastruktur saluran yang tidak mampu menampung hujan dalam kuantiti yang banyak. Keadaan angin Monsun Timur Laut membawa hujan yang lebat ke negeri-negeri di Pantai Timur dan juga ke Sabah dan Sarawak.



*Sekitar Manek Urai setelah dilanda Tsunami Banjir*



*Pasir Tumbuh, Gua Musang*



*Bertam Lama*



*Keadaan rumah yang hampir roboh di Kg. Tikat.*



*Keadaan Banjir di sekitar Lembah Sireh & Kg. Sireh Bawah Lembah*

Seperti sebelumnya, hujan ini akan turun dengan lebat beberapa hari secara berterusan lantas mengakibatkan banjir seperti bah besar yang berlaku pada tahun 1967 dan 1971. Apa yang berlaku baru-baru ini menunjukkan bahawa hujan lebat selama tiga hari berturut-turut telah mencatatkan taburan hujan yang tertinggi iaitu 1,295mm yang bersamaan bagi taburan hujan selama 64 hari. Peristiwa sama telah berlaku di United Kingdom pada pertengahan 2014 yang menyaksikan bahagian Tenggara khususnya East Yorkshire, Norfolk dan Essex ditenggelami air secara mendadak.

Menurut Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), fenomena 'New Moon' dan monsun had tinggi serta deras kali ini menjadi faktor pemangkin yang menjadi punca banjir buruk di Kelantan tahun ini. Kejadian air laut pasang yang berlaku apabila bulan berada hampir dengan bumi menjadikan faktor luar biasa selain pergerakan angin Monsun Timur Laut pada had tinggi ke dalam negara memburukkan lagi keadaan yang meningkatkan taburan hujan dan paras air di laut.

Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Mastura Mahmud berkata, fenomena air laut pasang ini telah menyekat dan melambatkan aliran air sungai yang menerima taburan hujan luar biasa dari Hulu Kelantan ke muara sungai menyebabkan kawasan-kawasan rendah di sepanjang Sungai Kelantan digenangi air banjir. Beliau menambah, Monsun Timur Laut atau musim tengkujuh berlaku kerana wujudnya sistem tekanan tinggi di China dan Siberia ketika berlaku tekanan rendah di Khatulistiwa.

Sistem tekanan rendah di Khatulistiwa wujud dalam tempoh beberapa minggu lalu hingga menyebabkan angin kencang bergerak dari sistem tekanan tinggi kepada sistem tekanan rendah dan membawa cuaca sejuk serta hujan lebat hingga mengakibatkan banjir.



***Sekitar Jalan Pekeliling, Kota Bharu***

Sementara itu, menurut Dr Mohd Hisham Mohd Anip, Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Jabatan Meteorologi Malaysia berkata, negeri Kelantan merupakan negeri yang menerima taburan hujan yang berlebihan menyebabkan ia terjejas dengan teruk. Selain itu, faktor saliran yang kurang baik memburukkan lagi keadaan.

Dakwaan ini sejajar dengan tulisan sarjana dan ahli akademik seperti Tuan Pah Rokiah Syed Hussain dari Universiti Utara Malaysia dalam makalah beliau berjudul 'Implikasi Bencana Banjir Terhadap Sosioekonomi Penduduk Lembangan Kelantan' dan juga kertas bertajuk 'Pembangunan Dataran Banjir Lembah Sireh, Kelantan: Isu dan Cabaran' oleh Mariney Mohd Yusoff, pensyarah kanan Jabatan Geografi dari Universiti Malaya.

Aliran sungai yang cetek hasil mendapan sisa daripada aktiviti di hulu sungai telah menjadi faktor pendorong berlakunya banjir kali ini. Oleh yang demikian, cadangan pengekalatan hutan simpan, kawal perubahan guna tanah, penaiktarafan sistem saliran, elak pembangunan di kawasan rendah patut dipertimbangkan khususnya oleh pihak kerajaan untuk ditangani bersama. Huraian ini mengesahkan bahawa faktor hujan sahaja tidak boleh dijadikan alasan kepada berlakunya banjir besar di Malaysia.

Sebulan selepas bencana melanda, Kerajaan Kelantan tampil menafikan kejadian banjir besar ini berlaku adalah disebabkan kegiatan pembalakan yang tidak terkawal di Hulu Kelantan. Menteri Besar, Ustaz Dato' Ahmad Yaakob telah menyangkal tuduhan ini bahawa kerja-kerja pembalakan telah dibekukan di Tanah Tinggi Lojing sejak tahun 2006 lagi.

Sistem pembalakan di Kelantan pada hakikatnya mematuhi KUP Tahunan seluas 5,960 hektar setahun yang diluluskan Majlis Tanah Negara, malah pengurusan hutan di Kelantan telah diberi pensijilan MC&I SFM oleh badan bebas antarabangsa manakala pembukaan kawasan untuk projek TLC semuanya perlu lulus EIA sebelum projek dimulakan.

Menurut Ahmad, pembalakan tidak terkawal mungkin berlaku disebabkan penerokaan haram oleh pihak yang

tidak bertanggungjawab. Kerajaan negeri telah berjanji untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan efektif supaya penerokaan haram ini dapat dibendung.

Kerajaan Kelantan sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sekiranya badan itu melakukan siasatan berhubung kewujudan aktiviti penerokaan tanah dan pembalakan haram di negeri ini sehingga dikatakan menjadi punca berlakunya 'bah kuning'. Kerajaan negeri Kelantan akan mewujudkan satu pasukan khas bagi menyasiat aktiviti pembalakan dan penerokaan tanah secara haram seperti yang dilapor berlaku di Hutan Simpan Lebir berhampiran Taman Negara Kuala Koh, Gua Musang.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri mempunyai maklumat tidak rasmi berkaitan aktiviti itu di Hutan Simpan Lebir dan akan segera mengambil langkah sewajarnya bagi membendung kegiatan berkenaan. Ia bagi membantu kerja menyelia, menyasiat dan memantau aktiviti pembalakan di pedalaman Kelantan.

Selain itu terdapat juga dakwaan segelintir penduduk Kelantan kononnya, banjir besar kali ini berlaku adalah disebabkan pelepasan air dari Empangan Kenyir sebagai punca banjir besar di Kelantan pada tahun ini. Dakwaan ini bukan sahaja tidak masuk akal, malah berunsur menolak fakta geografi dan geologi yang membentuk muka bumi negeri tersebut.

Kerajaan negeri dilihat tidak mungkin menyembunyikan sebarang pelepasan air empangan secara besar-besaran kerana ia melibatkan soal nyawa dan harta benda rakyat kerana ia menjadi kewajipan mutlak kerajaan memaklumkan kepada rakyat mengenai pelepasan air tersebut.

Sehubungan itu, beberapa syor perlu dikemukakan oleh pihak kerajaan bagi mengelakkan kejadian berulang menimpa rakyat Kelantan di masa hadapan. Kerajaan Kelantan juga berharap agar pihak kerajaan Pusat dapat meluluskan sejumlah peruntukan bagi membolehkan projek tebatan banjir di Sungai Golok dan Sungai Kelantan dapat direalisasikan dengan segera bagi mengurangkan risiko banjir yang dialami negeri itu saban tahun.

Banjir besar bah kuning yang berlaku pada Disember 2014 lalu akan kekal menjadi ingatan dan sejarah khususnya rakyat Kelantan dan akan tercatat sebagai banjir paling buruk pernah melanda Kelantan moden. Ujian yang menimpa rakyat Kelantan sangat berat untuk ditanggung memandangkan kesukaran yang bakal dihadapi untuk membangunkan kembali kehidupan mereka.

Walau bagaimanapun, syukur ke hadrat Ilahi kerana masih ramai rakyat Malaysia yang bersimpati kepada mangsa banjir dengan menghulurkan bantuan yang sangat diperlukan. Mungkin ada hikmah yang tersirat disebalik segala ujian Allah SWT timpakan, apa yang ditagih adalah kesabaran dan kecekalan hati untuk menempuhi saat-saat sukar tersebut.

Keselesaian kita di Kuala Lumpur satu ujian, penderitaan mereka di Kuala Krai juga satu ujian. Kita benar-benar memerlukan hati untuk merasa. Jika Tsunami di Aceh, Haiyan di Filipina masih belum mampu mengetuk nilai kemanusiaan kita, setidak-tidaknya bencana di tempat kita sendiri ini mampu untuk melunakkan hati kita.

Teruslah membantu mereka!



*Suasana Tambatan Diraja selepas di landa 'Bah Kuning'*



# ALLAH HIDUP DAN TIDAK MATI

Oleh Muh Na Abdullah Foto Ahmad Naime Muhammad & Zamani Mohd Zain

Jika dihitung nikmat sekian lama, sekecil ujian tidak mampu memadamkan kewajipan syukur seseorang. Itu barangkali hakikat yang perlu ditelan. Sekalipun ia agak sukar dimengertikan. Nan begitu. Telah berlalu 10 hitungan silih ganti bulan matahari tragedi. Ia menjadi sejarah limpahan banjir yang digelar "tsunami darat 2014" seolah-olah tirai 2015 dibuka ganas.

Pergilah duhai duka. Usah lagi menyantun jiwa yang tersiat luka. Sekalipun mampu menangis air mata darah, yang telah berlaku akan pergi sebagai sejarah. Pergilah duhai nestapa. Jangan terusan diruntun nubari rasa seksa.

Andai terdaya memutarakan masa, nescaya Nabi Allah Nuh AS akan melakukannya dahulu kala. Inilah lumrah alam yang disunnahkan. Manusia tidaklah lebih dari sekudrat tenaga-idea yang diberi nyawa mentadbir dunia mengikut kehendak Tuhan. Tidak punya apa-apa kuasa luar biasa.

18 Disember 2014, semasa gelombang pertama di Rantau Panjang dan Pasir Puteh, PMBK melalui Skwad Mahabbah telah turun bersama Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan

menyampaikan bantuan di pusat-pusat pemindahan. Disusuli pula dengan gelombang kedua pada 24 Disember 2014 yang menelan banyak daratan sekitar Kelantan termasuk yang terburuk di Gua Musang, Kuala Krai dan Tumpat.

Ia tarikh bersejarah dengan episod banjir yang memuncak. Air membentung memenuhi daratan tanpa boleh dihalang. Bermula di Gua Musang, melewati Kuala Krai dan akhirnya Sungai Kelantan melimpahi tambatan lalu masuk memenuhi Bandar Kota Bharu dan laluan nya.

Berbekalkan kelulusan dan persetujuan bersama, Kumpulan Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) diarah oleh Jawatankuasa Operasi Bantuan Banjir negeri mengumpulkan pelbagai barangan keperluan harian untuk diagihkan kepada yang memerlukan. Lalu terbentuklah gabungan PMBK dan PKINK yang telah menghantarkan bantuan yang boleh disampaikan ke segala ceruk menggunakan pacuan empat roda (4x4) dan lori kecil, malah helikopter.



*Sekitar Manek Urai setelah dilanda 'Bah Kuning'*



*Stesen keretapi Manik Urai*

Bantuan disalurkan berbekalkan informasi semua pihak. Air mineral, roti, sardin, aneka biskut, bijian kurma, telekung solat, selimut, barangan keperluan bayi seperti susu, lampin pakai buang dan pelbagai pakaian terpakai diedarkan.

Gabungan dua agensi sahaja tidak memadai untuk misi yang besar ini. Lantas, Pangkalan Hadapan Khairat Banjar menggabungkan PMBK, PKINK, Tabung Tok Kenali dan NGO-NGO lainnya disepadukan bagi menyusun strategi menggerakkan bantuan secara sistematik.

Dek kerana itu jualah Skuad Mahabbah PMBK turut membanting tulang, mengangkat barangan ke lori dan

pacuan empat roda, malah turut sama dalam operasi mengagih bantuan sehingga melibatkan helikopter bagi tujuan untuk diagih-agihkan.

Dalam pada keributan itu, pelbagai suka duka yang berlaku. Anggota skuad Mahabbah juga tidak terkecuali. Coretan-coretan ini saya abadikan sebagai penghargaan. Sekalipun saya masih sedar bahawa mereka yang membantu tidak mengharap apa-apa balasan mahupun penghargaan. Pengkisahan apa yang sempat saya rakamkan dalam minda, saya catatkan di sini sebagai menghargai pengorbanan yang dilakukan.

### **Merentasi jambatan Sultan Yahya Petra di kala gelap malam**

Pada kemuncak air Sungai Kelantan melimpah tebing dan tambatan, ada khabar jambatan Sultan Yahya Petra ditutup untuk kenderaan. Khabarnya ada kayu balak merempuh tiang dan ada sedikit goyang.

Lalu tepat jam 11 malam, jambatan ditutup untuk semua kenderaan. Salah seorang ahli Skuad Mahabbah yang kebetulan bertugas di pusat bekalan makanan mulai cuak. Limpahan air sedang menuju ke kawasan taman perumahan. Di rumah hanya ada isteri dan anak kecil yang ditinggalkan demi memenuhi tuntutan tugas.

Keadaan makin kusut. Hati tidak lagi keruan. Anak dan isteri di rumah sedang cuak kebimbangan. Jika terkepung bagaimana proses menyelamatkan mampu dilakukan. Air makin mampir ke perkarangan rumah dan jambatan pula ditutup untuk sebarang kenderaan.



*Padang Mandol, Tumpat*



*Menerima sumbangan Bantuan Kemanusiaan daripada Johor di PUTIK*

Dengan penuh tekad. Demi anak isteri yang perlu disantuni, sedang jam sudah menunjukkan jam 12.30 tengah malam, digagahkan juga semangat berjalan seorangan merentasi jambatan yang ditutup kenderaan.

Kecut perut dan gerun tidak diendahkan demi keselamatan anak dan isteri selepas seharian bertugas mengangkat barangan dan menghantarnya ke pusat pemindahan banjir.

### **Homestay dan pusat operasi jadi penginapan seminggu**

Beberapa kakitangan yang bertugas menjadikan homestay dan pusat operasi sebagai tempat tidur seminggu dua. Ada yang tidak pulang ke rumah selama seminggu. Tinggalkan anak dan suami.

Ada yang terkepung di rumah lantaran tiada jalan yang boleh dilalui untuk ke pusat operasi banjir yang terletak di jalan Telipot. Apa lagi yang boleh dilakukan melainkan penasaran berada di rumah lalu keluar menjenguk pusat pemindahan banjir. Menolong apa-apa yang patut.

Keadaan bagaikan dalam kekalutan dan ketakutan. Tragedi ini menjadikan semua pihak pantas bergerak. Dalam minda hanya satu; keselamatan nyawa perlu diutamakan, bantuan perlu disegerakan.

### **Cerita helikopter dan derita sengsara di Manek Urai**

Pagi itu, selepas 5 hari tragedi saya ke pusat operasi banjir PMBK. Jam 8.30 pagi semua petugas skuad Mahabbah diarah ke padang Sekolah Kebangsaan Zainab di Jalan Telipot bagi operasi mengangkut makanan (roti) ke dalam helikopter untuk dihantar ke penduduk terjejas dan terkepung banjir di kawasan Tumpat dan Kuala Krai.

Operasi hanya mengambil masa setengah jam mengangkut roti ke helikopter. Kebetulan selepas itu saya menerima panggilan bahawa jalan ke Kuala Krai sudah boleh dilalui. Sebetulnya sudah lima hari saya menunggu berita ini kerana ada hak yang perlu ditunaikan.

Saya menjejak kaki ke Manek Urai sejourus diberitakan laluan boleh dikenderai untuk menyantuni dan memberikan hak bonda mertua. Berada selama lima hari di Manek Urai menjadikan saya hyper-retina-gegendang. Apa yang saya lihat dan dengar benar-benar menjadikan otak kaku terdiam. Sekalipun kaki dan tangan berhempas dengan selut-lumpur sehari-harian.

Disepanjang laluan, sebegitu banyak kemusnahan. Sesekali si isteri menjerit terkejut kerana katanya rumah kawan lama musnah. Tercabut sana sini dinding dan bumbung. Ada rebah menyembah bumi. Yang senget dan condong itu biasa sepanjang dilihat mata.

Ada yang berkata ini tsunami kecil. Cara sahaja berlainan tapi kemusnahan itu digambarkan menyamainya. Ada yang berkata perumpamaan ini keterlaluan. Secara nisbah saya bersetuju ia tidak sama tetapi keperitan dan nilai kesusahan mengikut kadar sebelumnya, ia boleh dipersetujukan.

Saya mentelaah siri teladan yang boleh dicatatkan. Secara peribadi saya terhak membuat catatan mengikut apa yang dilihat dan didengar. Terutama apa yang dikumpulkan oleh bonda mertua sepanjang 5 hari bersama sekampung kawan-kawan di pusat pemindahan. Juga saudara mara yang saya jumpai.

Saya simpulkan sebagaimana berikut:

1. Erti tawakal mutlak pada Allah
2. Kerjasama dan membahu-bantu
3. Toleransi bermasyarakat
4. Semangat juang
5. Ikhtiar hidup

Ya. Melihat kemusnahan dan suram wajah kecewa bukanlah suatu yang selalu dapat dielakkan. Dalam keadaan sebegini, wajah-wajah sarat derita ada dimana-mana. Saya diberitakan oleh mertua semasa kemuncak banjir, di pusat pemindahan semua penduduk Manek Urai hanya makan sekeping biskut



***Padang Mandol, Tumpat***

sebagai sarapan. Betul-betul sesudu nasi goreng kosong sebagai makan tengahari.

Khabarnya kebanyakan pusat pemindahan di Kuala Krai sebegitu. Makanan bercatu. Yang dewasa menahan lapar memberi laluan pada kanak-kanak yang merengek kelaparan. Semasa cerita itu dikisahkan, ada titis hadir di kelopak. Bagaimana kesusahan ini ditanggung mereka yang sebenarnya dipilih Allah untuk menerima pahala lantaran sabar atas derita dan tragedi.

Dari tangisan si kecil hingga cuak yang terpancar dari mata si tua. Derita jiwa yang bukan sengaja direka buat. Ia hadir dari sekitaran yang memaksa kesusahan menekan jiwa manusia yang diuji kemusnahan harta benda, malah ahli keluarga.

Saya hanya boleh berbicara dari kaca mata Manek Urai. Walhal barangkali ada lagi kisah yang lebih tragis. Mungkin sukarelawan yang hadir di serata ceruk kawasan boleh kongsikannya juga. Sebagaimana Majalah 3 siarkan.

Namun begitu, izinkan saya menutup sedikit sengsara. Saya paling terkesan melihat kegembiraan penduduk yang terlibat kemusnahan tersenyum gembira saat menerima bantuan sehingga saya juga mampu tersenyum.

Pada saya bukanlah sangat nilai bantuan diterima di saat itu tetapi yang lebih penting adalah jiwa yang lahir dari pemberian. Dikala semua keperluan fizikal harian dipenuhi, manusia terseksa jiwa perlukan sokongan. Yang kita gelarkan sebagai sokongan moral dari barangan dan kebersamaan.

Kehadiran bantuan yang bergelar kerajaan atau sukarelawan tidak penting untuk di'tagging'-'sharing'. Tetapi kehadiran insan-insan ini sebenarnya terlalu penting untuk menguatkan kembali keyakinan dan memberikan sinar harapan. Seolah-oleh mereka tidak sendirian dalam menempuh zulumat-pekat kehidupan. Sekurang-kurang ada cahaya dihujungnya memberi harapan.

Pelbagai barangan bantuan dan solidariti dipamer-salurkan. Caranya variasi mengikut kemampuan dan kreativiti. Tinggal lagi yang masih kurang adalah usaha untuk mengembalikan keyakinan dan semangat mereka yang kehilangan segala-galanya.

### **Tragedi ini punya hikmah**

Ada suatu frasa kata yang mengesankan ketika saya meneliti perjalanan Banjir 2014;

**"Di saat kita dalam kesusahan, yakinlah Allah akan hantarkan bantuan dalam bentuk yang tidak pernah kita fikirkan"**

**Psikologi rohani perlu dipulihkan disamping bantuan fizikal. Keyakinan "Tuhan Tidak Mati" perlu terus berjalan. Ujian ini bukanlah pembuka kekufuran. Ia sebenarnya pembersih dosa dan pembuka kesyukuran. Redha dengan ketentuan, sabar atas kejadian dan sedari diri hamba kepada Tuhan.**

Takziah saya rakamkan buat yang kehilangan nyawa anggota keluarga, harta benda dan trauma seksa kesusahan.

Tahniah tidak dilupakan buat kakitangan PMBK yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan Skwad Sukarelawan Mahabbah PMBK 2014. Kredit penghargaan seharusnya diberikan tanpa saya sebut nama seorang perseorang.

Dari atas ke bawah. Semua terlibat. Sekalipun tidak disebut nama, saya doakan keikhlasan tuan/puan akan disebut ulang oleh makhluk di langit sekalipun manusia dunia enggan melihatnya.

Sungguh. Allah segala-galanya. Dia hidup dan tidak akan pernah mati. Selama-lamanya.



*Stesen Bas Kota Bharu*

# IKTIBAR DARI TIGA BENCANA

*Oleh Mohd Sayuti Omar Foto Ahmad Naime Muhammad, Zamani Mohd Zain & Mat Ghie*

Bah atau banjir yang melanda Kelantan hujung tahun 2014 atau tepatnya pada 18 Disember 2014, kini sudah berlalu. Pasti kesan dan kenangan mengenainya masih berlandir dan berlegas dalam mata kita. Kemusnahan yang dahsyat akibat bencana alam itu masih terbayang di ruangan mata dan kepala; apalagi mereka yang menjadi mangsanya, lebih merasai bebanan dan kedahsyatan kejadian itu.

Biarpun masa sudah berlalu tetapi kerosakan akibat banjir masih belum dibaik pulih sepenuhnya. Kesan fizikal dan kejiwaan masih ada dan menjadi tanda. Percakapan mengenai bencana itu, dari aspek kelemahan pengurusan dan penanganannya, masih kedengaran. Badan-badan tertentu khasnya mengenai alam sekitar terus membuat kajian, mencari berbagai-bagai sebab dan akibat berlakunya banjir.

Kelambatan untuk pulih itu bukan kerana apa, melainkan kerana bencana itu lebih teruk dan dahsyat daripada yang pernah berlaku sebelum ini. Ia tidak pernah diduga oleh sesiapa. Meskipun kerajaan negeri dan Pusat serta badan-

badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan berpadu tenaga membantu mangsa dan membaik pulih keadaan, ia tidak mudah diatasi.

Serangan bah begitu boleh disifatkan sebagai serangan 30 tahun sekali; dan kali terakhir bah kuat melanda Kelantan ialah pada tahun 80-an dan terhebat tahun 1967. Jadi apa yang berlaku itu adalah pengalaman baru buat semua orang, terutamanya pihak kerajaan negeri.

Kini masih ada mangsa banjir yang belum pulih sepenuhnya, masih ada yang tinggal di dalam khemah atau bangsal pengungsian, sementara menanti pembinaan rumah baru buat mereka yang dijanjikan. Selain itu ada juga yang menumpang di rumah keluarga, dan tidak kurang juga yang mengalami 'trauma' mengenangkan bencana itu.

Ada orang menyifatkan banjir yang melanda Kelantan hampir dua bulan sebelum pemergian bekas Menteri Besar, Allahyarham Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat adalah cabaran dan ujian ke atas rasa kemanusiaan seluruh masyarakat.



***Pasir Hor, Kota Bharu***



***Padang Bank, Kota Bharu***

Betapa tidak! Sewaktu banjir, orang luar datang ke Kelantan berbondong-bondong membawa bekalan makanan, pakaian dan segala macam peralatan bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa banjir.

Perbezaan perasaan dan sentimen yang seringkali berombak dalam dada juga dilupakan, kerana simpati dan kepedulian kepada mangsa-mangsa berkenaan. Perasaan kemanusiaan masih mengatasi apa-apa sentimen, lebih-lebih lagi sentimen emosi dan politik. Simpati kepada mangsa banjir khasnya dan kerajaan Kelantan amnya melewati sempadan agama, kaum dan politik.

Sesungguhnya belum pernah negeri Tok Janggut ini dibondongi manusia seperti ketika bah melandanya baru-baru ini. Keadaannya tidak ubah seperti menjelang hari raya di mana anak-anak Kelantan di perantauan pulang untuk beraya di kampung halaman masing-masing. Kenderaan bertali arus; kereta kecil dan besar memanjang di segenap jalan raya menuju ke Kelantan, kebanyakannya membawa pelbagai bentuk bekalan dan peralatan.

Dari itu dapat dikutip "wafak" (pengajaran) bahawa hidup ini kalau ada persepakatan, kerjasama dan pengertian yang tinggi, semua kerja dapat dijalankan dengan mudah dan berjaya. Sekiranya masalah banjir itu ditangani secara "yatim piatu" oleh kerajaan Kelantan, mungkin masalahnya tidak selesai sehingga sekarang atau kerajaan Kelantan berhadapan dengan berbagai-bagai masalah.

Sebenarnya saya tidak sempat menyaksikan sendiri keadaan banjir melanda Kelantan dan juga melihat macam mana cemas dan 'gobar'nya mangsa banjir menghadapi

musibah. Saya tidak berkesempatan untuk melihat debur dan derasny air yang meluncur dari atas gunung menuruni celah bukit-bukau di Hulu Kelantan, di bahagian selatan ke utara di Lautan China Selatan, menerusi sungai Kelantan sepanjang 248km. Ini kerana semasa air sedang memenuh, tidak ada ruang masa untuk saya pulang ke Kelantan.

Semua jalan menghala ke Pantai Timur ditutup, menyebabkan saya terhalang untuk melihat sendiri dan merasai suam sejuk air bah kali ini. Saya kembali ke Kelantan selepas seminggu air surut, dan saya hanya menjadi pemerhati pasca banjir.

Sememangnya kesan banjir mengejutkan saya. Belum pernah dalam usia lebih setengah abad saya melihat kesan banjir sebegitu dahsyat dan mengharukan. Kerosakan harta benda awam ternyata lebih banyak berbanding dengan kerugian yang dialami gara-gara bencana banjir sebelum ini. Apa yang paling ketara, kalau banjir tahun 1967 menyebabkan banyak haiwan ternak menjadi korban, kali ini harta benda berupa rumah dan kenderaan mendominasi kerosakan.

Setelah saya memasuki kawasan Manek Urai Baru, ke Gua Musang dan Kuala Krai serta Machang, apa yang boleh saya sifatkan kesan banjir itu, kedahsyatan adalah kombinasi dua bencana yang pernah saya saksikan dari dekat, iaitu tsunami yang melanda Aceh Disember 2004 dan gempa bumi di Yogyakarta dan di Jawa Tengah pada 27 Mei 2006.

Begitu mana hampir seluruh bahagian muka bumi di Aceh berhadapan dengan lautan Hindi dilumur dengan selut hitam yang dikaut dari dasar laut, begitulah juga muka bumi yang



melumpuri kawasan dilanda banjir di Kelantan. Bagaimana lunyai dan leburnya rumah-rumah penduduk yang dibaham ombak tsunami setinggi 30 meter di pinggir sungai di Kota Aceh, nah begitulah juga lunyai dan hancurnya rumah-rumah penduduk di Manek Urai Lama, Gua Musang, Dabong, Kuala Krai dan Machang, jajahan yang paling dahsyat dibaham bah.

Seperti mana rumah berantakan, runtuh dan tumbang tatkala gempa bumi di Yogyakarta dan di Jawa Tengah, begitulah juga masjid, jambatan keretapi dan rumah-rumah penduduk tumbang, hancur dan dibawa arus. Apa yang saya saksikan di Aceh 11 tahun lepas dan di Yogyakarta 9 tahun lalu, itulah sebenarnya apa yang berlaku di Kelantan pada penghujung Disember yang luka itu.

Disebabkan tarikh kejadian tsunami di Aceh pada 28 Disember itu hampir serentak dengan air bah melanda Kelantan, 18 Disember, saya bergurau dan berseloka – tsunami menyambut hari jadinya ke-11 di Kota Bharu. Cuma apa bezanya tsunami dan gempa bumi di Indonesia itu berbanding bah di Kelantan? Dua bencana di Indonesia itu banyak mengorbankan nyawa. Tsunami ternyata lebih dahsyat dan ganas meragut ratusan ribu nyawa, berbanding bah di Kelantan yang maut akibatnya tidak sampai 10 orang.

Apapun, kesan dan pengajaran daripada ketiga-tiga kejadian itu tetap sama. Pertama ia adalah pesan dan ingatan daripada Tuhan bahawa kita perlu berhati-hati dan jangan sombong. Manusia tidak boleh berasa dia pandai dan mampu mengolah segala bencana yang bakal datang angkara diri sendiri. Bahawa ilmu, kecanggihan peralatan yang ada tidak menjamin ia dapat berhadapan dengan kuasa Allah.

Kedua, bahawa bencana itu tetap akan datang atas sifat bumi ini sentiasa tertakluk dengan hukum karma dan perubahan.

Semua yang ada tidak bersifat *qadim*. Yang *qadim* dan tetap serta tidak berubah hanya Allah SWT. Maka atas hakikat itu manusia perlu waspada, senantiasa peka dengan ingatan dan mesej Tuhan serta rajin berzikir kepada-Nya.

Selain itu, bencana yang berlaku di Kelantan itu maksud dan tujuannya sama di sisi Allah dengan lain-lain musibah dan bala - untuk memberi pengajaran dan diambil pengajaran. Betapa pun dahsyatnya kejadian, sekiranya ia tidak dipedulikan maka hikmah yang dikirim bersamanya menjadi sia-sia sahaja, dan bala seterusnya akan menjelma.

Itulah pengajaran yang dapat saya kutip dari bencana-bencana yang sempat saya saksikan itu. Semoga bencana itu tidak dilupai atau diingati begitu sahaja dengan mengadakan pelbagai upacara dan majlis, tetapi sebaliknya semua kita harus bersiap siaga menanti kehadiran tanpa diberitahu bila masanya. Sekiranya kita berada dalam keadaan beringat, bak kata orang, mungkin musibah yang terjadi kalau pun tidak dapat dihindar semuanya, tetapi boleh diawasi.

Dan signifikan bah besar yang tidak terduga melanda negeri Cik Siti Wan Kembang itu adalah sebagai tanda alam bahawa ia adalah isyarat kepada seluruh rakyat Kelantan yang akan kehilangan murabbinya, tidak lama selepas itu.

-----  
**MOHD SAYUTI OMAR** seorang wartawan dan penulis politik terkenal. Telah menghasilkan 45 buah buku; antaranya *Hitam Putih: Darul Arqam dan Anwar Ibrahim: Mimpi dan Realiti*. Dilahirkan di Pasir Mas, 1960, kini menetap di Kuala Lumpur.



# BANJIR 2014: SATU PENGALAMAN

*Oleh Wan A. Rafar*

Mula-mula adalah sungai. Kemudian hujan. Sungai mengalir dari kampung ke kampung. Hujan turun, mula-mula di hulu, kemudian menyatu dengan sungai, mengalir dari hulu ke hilir. Akhirnya, Disember 2014; banjir kuning melanda Kelantan.

Itulah yang berlaku. Gua Musang telah pun banjir. Kali ini agak lain, kata anak saudara saya yang tinggal di Gua Musang. Air sudah memanjat tingkap, Barang-barang tidak dapat diselamatkan lagi. Dua buah keretanya sudah pun tenggelam.

Sabarlah, kata saya. Kita harus terima dengan redha takdir Allah. Mungkin ada hikmah di sebaliknya, saya menasihati anak saudara saya melalui telefon.

Itulah yang berlaku satu malam sebelumnya, sebelum rumah saya juga dimasuki air. Sepatutnya saya sudah dapat membaca isyarat yang sampai pada saya. Perjalanan air dari Gua Musang ke Pasir Mas masih jauh. Air dari sana sudah pun diagih-agih di kampung-kampung sepanjang jalan.

Tentu tidak banyak lagi yang berbaki untuk orang Pasir Mas atau Kota Bharu. Itulah fikir saya.

Tetapi kehendak Allah lain. Dia tidak perlukan sebarang asbab untuk menghantar banjir ke seluruh Kelantan. Dia tidak perlukan hujan yang lebat. Hari itu panas. Hanya renyai-renyai sekali sekala. Tetapi malam itulah air mulai melimpah tebing Sungai Kelantan di Pasir Mas.

Pagi itu, Rabu, 24 Disember 2014, kami sempat ke Pusat Transformasi Luar bandar (RTC) di Bandar Baru Tunjong untuk membeli keperluan sekadar beberapa hari jika berlaku banjir. Sungguh saya tidak menduga banjir seburuk dan secepat itu akan berlaku.

Ketika turun dari masjid selepas solat Asar, seorang pekerja Majlis Daerah memberitahu air sungai sudah pun naik. Ini air sungai katanya, tengok kuning airnya. Ia menunjuk ke sebuah longkang di sebelah Bengkel Majlis Daerah yang tidak jauh dari tebing Sungai Kelantan. Kami semua mengangguk-angguk, tanda setuju.

Masanya sudah tiba untuk kami buat persiapan. Mula-mula kereta kami harus dibawa ke tempat selamat, iaitu di pekarangan rumah Hisham dan Faisal yang agak tinggi dan luas. Jiran-jiran kami juga membawa kereta mereka ke sana. Ketika Banjir 2004, tempat ini memang selamat.

Tetapi hingga lepas solat Isyak, air masih belum mencecah rumah lagi, hanya baru memenuhi tempat-tempat rendah di jalan depan rumah. Air mulai masuk rumah saya kira-kira pukul 9.00 malam, melalui celah-celah pintu depan dan pintu longsor. Kemudian melalui pintu dapur dan lubang tandas.

(Banjir terakhir yang melanda kawasan perumahan kami berlaku pada Disemembr 2004, iaitu tahun Tsunami memusnahkan Aceh. Ketika itu saya berada di Mumbai, India. Kata isteri saya, air hanya mencecah lantai bawah saja. Sebelum itu berlaku pada tahun 1988, lebih besar dari banjir 2004. Banjir besar pertama berlaku ketika kami mendiami kawasan perumahan itu ialah pada tahun 1983. Air mencecah dua anak tangga. Kami tidak berpindah ke pusat perpindahan kerana rumah kami dua tingkat. Tetapi jiran kami yang mendiami rumah setingkat pindah ke rumah saudara mereka).

Saya memberitahu isteri supaya berkemas. Bawa barang-barang yang boleh diselamatkan ke atas. Kami hanya tinggal berdua saja, jadi tidak banyak barang yang boleh diselamatkan. Saya memanggil anak saudara supaya dapat membantu. Karpet kami gulung dan bawa ke atas. Mesin basuh dan peti sejuk kami bawa ke tempat tinggi sedikit. Barang-barang elektrik seperti televisyen, periuk, cerek, seterika, mesin pengisar kami bawa naik ke atas sedikit demi sedikit. Beberapa barang, termasuk bekas-bekas plastik kami letakkan di atas kabinet dapur.

Malam itu saya hampir tidak tidur, dari masa ke masa saya turun menyelamatkan barang-barang yang boleh diselamatkan. Air makin naik, mula-mula ruang dapur, kemudian ruang tamu, kemudian ruang perpustakaan. Dari jam ke jam air naik. Saya juga sempat mengambil gambar dan laporkan dalam whatsapp. Anak-anak di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang mengikuti perkembangan yang saya laporkan.

Buku-buku saya bawa naik sedikit demi sedikit, dari tingkat ke tingkat yang mulai ditenggelami air. Saya mempunyai beberapa rak buku di ruang tamu, selain dalam bilik bacaan. Buku-buku ini merupakan koleksi saya sejak di sekolah lagi. Saya tidak tahu berapa puluh kali saya turun naik tangga. Dan tangga ini menjadi pengukur kenaikan air.

Barang-barang plastik terapung-apung. Sebuah rak buku saya sudah pun runtuh. Set kerusi juga juga tenggelam. Saya sempat mengambil kusyennya saja. Ruang keluarga tingkat atas juga sudah penuh. Dapur dan gas, pinggan mangkuk kami letak di beranda. Di situlah tempat kami memasak dan makan.

Cikgu Din dan Lokman jiran kami memberitahu air juga sudah mulai naik di tempat kami simpan kereta. Mereka berusaha untuk menyelamatkan kereta dengan meletakkan batu bata di bawah tayar. Ketika itu jam 3.00 pagi saya tidak dapat berbuat apa-apa, hanya berserah pada Allah SWT.



Saya terlelap sekejap kira-kira pukul 5.00 pagi, dan bangun semula untuk solat Subuh. Tetapi laungan azan tidak kedengaran lagi pagi itu. Masing-masing keletihan dan sibuk untuk menyelamatkan barang masing-masing. Surau kami juga khabarnya sudah dinaiki air.

Air sungai agak laju. Bunyi arusnya amat kuat bagaikan ombak, kata isteri saya. Pada paginya, air depan rumah sudah mencecah pinggang. Kali ini sungai bukan saja membawa sampah, tetapi juga lumpur.

Arief, anak kedua kami dan keluarganya pindah ke rumah kami pada waktu petang. Mereka mengharungi air yang agak deras dengan membawa beberapa pasang pakaian. Adam, anak bongsunya yang berusia 5 tahun terpaksa didukung. Rumah mereka sebenarnya belum ditenggelami air, tetapi dua buah kereta mereka sudah terperangkap, tidak dapat dikeluarkan lagi dari kawasan rumah mereka.



Pada petang kedua, bekalan elektrik sudah terputus sejak pukul 6.00 petang. Kami hanya mempunyai beberapa batang lilin kecil saja. Ini bererti kami kena buat beberapa persiapan seperti memasak dan makan malam sebelum maghrib. Memang petang itu kami makan malam kira-kira pukul 6.30 petang, berlauk telur dan ayam goreng. Anak-anak dari Kuala Lumpur dan Pulau Pinang selalu bertanya khabar melalui telefon.

Malam itu kami tidur lebih awal sebaik saja lepas solat Isyak. Sehingga malam ini air sudah mencecah anak tangga ketiga. Air makin naik. Pada pagi ketiga air sudah mencecah anak tangga ke empat. Peti surat di pintu pagar, yang juga menjadi pengukur banjir kami, hampir tenggelam, hanya nampak bingkai atas saja. Air masih naik. Hari ini bekalan air juga terputus. Saya hanya sempat mengisi air dalam bekas plastik 10 liter saja untuk wuduk.

Hari ini untuk pertama kali sejak sekian lama, saya tidak dapat tunaikan solat Jumaat, hanya solat Zohor saja di rumah. Air setakat pinggang. Hujan tidak ada. Tapi air makin meningkat. Hati kami makin bimbang dan resah. Telefon tangan tidak boleh digunakan lagi. Bateri tak dapat di cas. Nasib baik telefon rumah masih berfungsi, dapatlah berhubung dengan anak-anak.

Pagi Sabtu, nampaknya air sudah mulai surut, tapi amat perlahan. Bekalan masih ada. Alhamdulillah. Anak-anak kami mengirimkan beberapa bekalan makanan melalui seorang anak jiran yang balik dari Kuala Lumpur. Dia balik melalui pesawat terbang. Dari Pengkalan Chepa dia mengharungi air dengan motosikal kawan dan berjalan kaki, akhirnya baru sampai ke rumah pukul 9.00 malam. Hari panas dan tidak hujan sejak pagi.

Hari Ahad, hari keempat, air makin surut. Kami terpaksa buat persiapan untuk membersihkan dan menolak lumpur keluar rumah. Kalau tidak, kerja akan menjadi susah. Sejak tengah hari kami berusaha menolak lumpur dari lantai. Masalahnya bekalan elektrik dan air belum ada. Kami terpaksa menggunakan air banjir yang masih berbaki. Pada kira-kira pukul 7.00 malam barulah air keluar dari rumah. Yang tinggal keladak dan lumpur.

Waktu mencuci lantai, saya cuba mengangkat sesuatu yang berat. Pinggang saya terseliuh menyebabkan sukar untuk bangun dan bergerak. Saya tidak dapat berbuat apa-apa lagi. Pada malamnya kami terima bantuan daripada persatuan bank berupa tiga kotak yang mengandungi air mineral, lilin, mi segera, ubat nyamuk, mancis dan panadol.

Sepatutnya pada pagi Isnin kami sudah dapat bersihkan ruang tamu. Arief ikut persatuan banknya mengagih bantuan. Cucu-cucu kami, Adam, Ameer dan Amalin telah ikut ibu saudaranya ke Kota Bharu. Haikal, anak bungsu kami balik dengan pesawat dari Kuala Lumpur untuk membantu. Dia bersama Arief berusaha menolak lumpur setinggi buku lali dari halaman.

Yang jadi lebih sulit kerana tidak ada air. Hujan turun sekejap saja malam tadi. Untuk buang air besar juga jadi masalah. Kami terpaksa mengangkut air perigi dari rumah jiran. Makanan dan minuman belum jadi masalah. Roti, biskut dan sardin masih ada. Kami makan nasi untuk tengah hari saja. Malam makan mi segera dan biskut. Barangkali itulah diet harian kami. Pinggang saya masih sakit. Sukar untuk bergerak.

Tidak banyak kerja yang dapat dibuat tanpa bekalan elektrik dan air. Hampir seminggu kami hidup tanpa elektrik dan air. Tapi kami masih boleh bersyukur jika dibandingkan dengan nasib mangsa-mangsa banjir di Manik Urai dan Kuala Krai yang kehilangan rumah dan segala-galanya. Kami masih ada rumah, kami masih ada tempat tidur, dan kami masih ada makanan. Alhamdulillah.



# MUMTAZ MD NAWI

## Mensyukuri Nikmat Allah Yang Melimpah

Oleh Dinsman Foto Ahmad Naime Muhammad

"Alhamdulillah, Allah Taala berikan saya nikmat yang sangat banyak, dilatih, dididik dan pendedahan yang cukup banyak oleh Allah SWT melalui tokoh-tokoh dunia."

Demikian luahan rasa syukur seorang tokoh pemimpin yang menjadi pilihan *QIADAH* keluaran ini – Mumtaz Md Nawi, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan.

"Alhamdulillah, saya ditakdirkan kahwin awal dan dapat menunaikan umrah dan haji di masa muda, dikurniakan anak-anak dan dianugerahkan Pelajar Terbaik semasa belajar dan saya tak ada masalah nak menghafal dan murah rezeki. Semua yang saya doa dan impikan diberi rezeki merasainya oleh Allah SWT. Alhamdulillah atas semua nikmat ini."

Dia menambah lagi: "Saya dipilih sebagai pemimpin masa belajar dan kemudiannya buka firma sendiri, saya mendapat suami yang sangat penyayang, saya sedar dan sangat malu pada Allah kerana terlalu banyak nikmat yang saya perolehi dan kerap kali saya mengadu bimbang tapi saya tetap berdoa – 'Ya Allah, atas semua nikmat yang daku perolehi atas dunia ini maka janganlah nikmat akhiratku ditiadakan. Ya Allah daku bimbang kerana daku mahu nikmat-Mu yang kekal di akhirat. Terlalu banyak yang Allah berikan."

Dalam kehidupan keluarga khususnya, dia mendapat sokongan sejak kecil kata Mumtaz: "Alhamdulillah abah saya bincang dengan saya, ummi saya bincang dengan saya, atuk saya bincang dengan saya, mertua saya bincang dengan saya, dan saya mendapat suami yang sangat menghargai saya, dan berbincang dengan saya."

### Kelahiran yang ditunggu

"Kelahiran saya adalah kelahiran yang sangat ditunggu-tunggu," kata Mumtaz kepada *QIADAH*. Kenapa ditunggu? Siapa yang menunggu?

Ayahnya Ustaz Md Nawi yang menunggu. "Abah saya nak anak perempuan sejak umur dia 12 tahun lagi. Selepas dia baca kisah Shah Jehan dan Mumtaz, dia berasa kagum dengan Mumtaz dan hendakkan anak dia jadi macam Mumtaz."

Begitulah kisah seorang ayah. Apabila dia berkahwin dengan isterinya Siti Talhah Hj Ismail, dia mengharapkan isterinya segera mengandung dan segera melahirkan anak perempuan. Ditakdirkan Allah, apabila isterinya melahirkan anak sulung mereka pada 30 Mac 1972, anak itu memang seorang perempuan. Bayangkanlah betapa gembiranya



Ustaz Md Nawi. Dia pun bergegas pergi mendaftarkan anaknya dengan nama Mumtaz.

Bila sebut tentang nama ini, antara memori manis Mumtaz sewaktu di tahun dua Universiti Islam Antarabangsa (UIA), pensyarahnya meminta pelajar-pelajar tulis karangan dalam bahasa Arab – 'orang yang paling saya nak jumpa dalam dunia'. Jangan tulis Nabi Muhammad saja, kata pensyarah, yang lain boleh. Mumtaz tulis dia nak jumpa Dr. Yusuf Qardhawi, ulama dunia kontemporari.

Kemudian pensyarah itu kata, "Mumtaz, *enti* ni budak berkat." Kenapa saya budak berkat? Tanya dia, dan jawab pensyarah: "Minggu depan Dr. Yusuf Qardhawi akan datang Malaysia, dan dia akan datang UIA. Saya akan pastikan *enti* berjumpa dia, sebab *enti* kata dialah orang yang entu paling nak jumpa dalam dunia." (*enti = awak, dalam bahasa Arab*).

Seminggu kemudian, Dr. Yusuf Qardhawi datang ke UIA, dan pensyarah tersebut menepati janjinya mempertemukan Mumtaz dengan Dr. Yusuf Qardhawi. Bila mana soalan pertama dari Dr. Yusuf Al Qardhawi kenapa namanya Mumtaz bukan Mumtazah. Maka ketika itu dia berkongsi kisah disebalik nama impian ayahnya itu. Lucunya, soalan yang sama juga yang ditanyakan oleh Allahyarham Tuan Guru Dato Nik Abdul Aziz Nik Mat 10 tahun kemudiannya semasa melantiknya sebagai Senator.

Detik-detik manis bersama Tokoh Ulama dunia itu membawa erti yang besar kepada Mumtaz pada waktu itu dan masih kekal menjadi kenangan terindah dalam hidupnya. Peristiwa manis ini berulang 11 tahun kemudian apabila Dr. Yusuf Qardhawi sekali lagi datang ke Malaysia untuk menerima anugerah Tokoh Maal Hijrah, Mumtaz yang dulu berjumpa dia sebagai seorang pelajar, kini Mumtaz yang berjumpa dia sudah menjadi Senator mewakili Parti Islam SeMalaysia (PAS). Perkembangan yang sangat menggembirakan Dr. Yusuf Qardhawi.

"Saya dilahirkan oleh sebuah keluarga yang sangat mementingkan pendidikan agama," jelas Mumtaz. Didikan yang didapatnya sewaktu kecil agak berbeza daripada yang didapat kebanyakan anak-anak. Misalnya – "Waktu umur saya tiga tahun, saya anak sulung yang manja maka abah bawa saya ke pasar, dan dibiarkan berjalan meninjau pasar

seorang diri. Dia nak tengok saya menangis atau tidak. Dia mengekori dan pantau saya agar berani. Daripada saya kecil sampailah dewasa, abah tarbiah dan *train* saya supaya berdikari dan *independant*."

Mumtaz diajar membaca al-Quran sejak umurnya kecil lagi. Ayahnya sendiri yang mengajar. "Abah saya kalau hal al-Quran, dia *zero defect*," kata Mumtaz. "Kalau saya baca silap sikit saja, kena undur balik baca semula daripada awal. Kalau kena bacaan dan boleh alih, maka saya boleh dengar kisah asbabun nuzul ayat tersebut. Ini melatih saya mencintai al-Quran". Bagi saya al-Quran adalah jawapan kepada permasalahan kehidupan harian manusia, ia indah dan sangat relevan".

Sejak umur tiga tahun Mumtaz membaca Quran pada setiap pagi, sebaik sahaja bangun tidur. Ketika semua anak-anak jiran di Kota Bharu dihantar ke tadika, tetapi tidak demikian untuk Mumtaz. Meskipun abahnya seorang guru sekolah, dia kurang bersetuju dengan pendekatan pendidikan awal di tadika. Misalnya dia hanya mengajar Alif Ba Ta kepada Mumtaz. Dia tegas dengan prinsip bahawa anaknya mesti mengenal Alif Ba Ta dan muqaddam sebelum kenal ABC, walaupun diminta oleh isterinya supaya anak sulung mereka itu diajar juga ABC. Setelah boleh menulis Alif Ba Ta, Mumtaz diajar pula menulis al-Fatihah. Maka itulah yang dilakukannya pada setiap pagi, hingga umurnya enam tahun. Dia disuruh menulis al-Fatihah itu di papan hitam di rumahnya. Apabila umurnya enam tahun barulah dia diajar ABC.

Di Sekolah Kebangsaan Paya Bemban, Kota Bharu dan kemudiannya di Sekolah Kebangsaan Chabang Empat, Alhamdulillah terbukti prinsip dan pendekatan abahnya tepat. Mumtaz selalu mendapat nombor satu di dalam kelasnya sepanjang sekolah rendah. "Tapi saya sangat segan kalau orang puji. Saya akan menangis. Saya cuma suka kalau dapat nombor satu bila abah saya bagi hadiah. Abah selalu bagi hadiah buku. Umi pula akan hadiah macam-macam seperti baju, sejadah dan sebagainya. Tapi abah hadiah buku saja, dari darjah satu sampailah di universiti. Malah sampai saya berkahwin dan bersalin pun hadiahnya buku juga."

## Maahad Muhammadi (P)

Prinsip ayahnya jelas berulang kembali untuk hala tuju pendidikan dan masa depan anaknya selepas Mumtaz mendapat 5A dalam penilaian darjah lima, Ustaz Md Nawi memutuskan menghantar Mumtaznya ke Maahad Muhammadi Perempuan, Kota Bharu (tanpa menduduki darjah enam). Dalam peperiksaan pertama di Maahad Muhammadi (P), Mumtaz buat pertama kalinya mendapat nombor yang tak pernah difikirkan olehnya iaitu nombor sembilan. Bermula episod baru dalam hidupnya belajar bersaing secara sihat dengan mereka yang lebih pandai darinya.

Ironinya ayah dan ibunya tidak marah, malah mereka tidak pernah memberi tekanan kepadanya supaya memperolehi tempat teratas. Bahkan tekanan supaya lebih giat membaca pun tidak pernah dikenakan ke atasnya. Ini menjadikan Mumtaz lebih suka belajar dan membaca kerana ia dilakukan sebagai hobi dan minat. Pendekatan hadiah dan penghargaan serta sokongan dengan sudi mendengar ilmu baru merupakan dorongan tersirat yang lebih berkesan dalam mencetuskan kecemerlangan dalam pendidikan anaknya.

Ustaz Md Nawi suka melayan Mumtaz secara yang lebih 'dewasa' daripada umurnya. Misalnya, cerita Mumtaz: "Abah mula bincang hal rumah dengan saya ketika saya darjah satu. Dia nak buat rumah, dia bincang dan tanya pandangan saya, di mana nak letak tangga dan sebagainya." Sejak di sekolah itu Mumtaz juga aktif dalam kokurikulum dan pertandingan ilmiah. Dia terlibat dengan persembahan nasyid sebagai solo, peserta syarahan dan dalam sukan dia terlibat dengan bola jaring dan *volley ball*.

Agak menarik juga, seorang yang sentiasa mendapat cemerlang dalam persekolahannya ini, bukan sahaja ibubapanya tidak memberi tekanan kepadanya supaya rajin membaca tetapi sememangnya dia tidak tekun belajar sehingga lewat malam seperti yang sering dilakukan kebanyakan pelajar. "Saya *study* hingga pukul 10 malam,





saya tidur, dan saya bangun pukul lima pagi. Saya tinggal di kampung Anal 2km dari Chabang Empat, Tumpat; jadi setiap hari berulang ke Kota Bharu. Saya turun rumah pukul enam pagi. Itulah rutin saya belajar.”

Melihat kawan-kawannya ramai yang pandai dan ada yang lebih pandai daripadanya, Mumtaz belajar dengan lebih rajin, dan prestasinya kian meningkat. Di tingkatan tiga, dia mendapat semula keyakinan diri apabila mendapat nombor tiga dalam peperiksaan. Kejayaan ini berterusan dalam beberapa peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran (SRP), Sijil Menengah Ugama (SMU) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kemudiannya dia mendapat anugerah dekan bagi beberapa semester sehingga di peringkat universiti.

Di tingkatan lima, Mumtaz mempunyai ramai sahabat dan mereka sering belajar dalam *study group*. Alhamdulillah, kumpulan *study group*nya yang berjumlah 3 orang, semuanya berjaya mendapat 6 agregat dalam SPM dan muncul sebagai pelajar terbaik negeri Kelantan. Pada ketika itu, hanya empat orang pelajar mendapat 6 agregat pada tahun 1990 bagi sekolah-sekolah Yayasan Islam Kelantan.

### **Pelajar Terbaik Undang-undang**

Apa cita-cita Mumtaz ketika dia pilih universiti? “Saya nak ambil undang-undang sebab nak buat Hudud di Kelantan,” katanya. (Waktu itu PAS belum lagi mentadbir Kelantan. PAS menang di Kelantan bulan Oktober 1990. Mumtaz masuk UIA bulan Jun tahun yang sama.) Untuk membuat pilihan universiti yang hendak dimasukinya (kerana mendapat tawaran beberapa universiti hasil prestasi SPM nya begitu cemerlang), Mumtaz menunaikan solat istikharah. Dia mendapat jawapan istikharahnya melalui petunjuk mimpi bahawa ada seorang lelaki minta dia menunggunya di Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Terbukti lelaki itulah yang menjadi suaminya kini.



Mumtaz aktif dalam kokurikulum dan dia memenangi pilihan raya kampus dan dilantik menjadi EXCO Pendidikan, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UIA. Pada tahun 1996, dia mendapat tiga anugerah. Pertama, penerima Anugerah Hadiah Buku sebagai Pelajar Terbaik Kokurikulum, antaranya kerana kejayaannya sebagai EXCO MPP dia berjaya menganjurkan pelbagai program di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Anugerah kedua, penerima Pelajar Terbaik dalam Kurikulum, yakni dalam Kulliyah Undang-undang. Ketiga, penerima Pelajar Terbaik Keseluruhan (*Best Overall Student*), jurusan Undang-undang tahun yang sama.

Selain mendapat ilmu undang-undang, ada beberapa perkara lagi yang diperolehi Mumtaz sewaktu belajar di UIA. Misalnya dia dipilih oleh pihak universiti untuk projek khas Wawasan 2020, berjumpa dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir ketika itu, atas jemputan khas Perdana Menteri kepada 100 orang pelajar terbaik Malaysia, dua



orang daripada setiap universiti. Perdana Menteri sendiri bersama Timbalannya dan menteri-menteri kabinet menjadi pembentang.

"Dalam majlis itu kita berpeluang bercakap terus dengan Perdana Menteri, tanpa sekatan, dan tak ada rasa takut," kata Mumtaz. "Nasib saya baik, sebagai pemimpin pelajar universiti, Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pendidikan dan juga Presiden UIA ketika itu – Dato' Seri Anwar Ibrahim datang ke UIA hampir setiap bulan, berjumpa dengan MPP. "Dia tak bagi kita panggil dia Datuk Seri. Dia suruh kita panggil dia *Brother Anwar*," jelas Mumtaz lagi.

"Pelbagai program diatur agar pimpinan pelajar dapat berjumpa dengan menteri yang berlainan setiap bulan. Saya berpeluang jumpa Menteri Belia, Menteri Perdagangan dan sebagainya. Kita diberi peluang boleh bercakap apa saja mengenai polisi dan program, tanpa wartawan. Walaupun mereka tahu kami pimpinan UIA aktivis remaja pro PAS, kita masih ada peluang untuk bercakap dengan menteri, dan kita boleh tegur, tapi tak boleh ada publisiti. Itu semua menambahkan keyakinan diri kami. Alhamdulillah," syukur Mumtaz.

### Kes Banjir 17 tahun

Mumtaz menemui bakal suaminya, Mohd Sukiman Yasin, pelajar UIA juga di kalangan pimpinan pelajar. Mereka berkahwin pada tahun ketiga di UIA pada tahun 1995. "Keluarga dan urusannya sangat mudah dan meriah," kata Mumtaz. "Masuk pinang minggu ini, minggu depan terus kahwin."

Nasib baiknya berterusan, dia bersalin anak sulung selesai peperiksaan semesta akhir, tahun akhir universiti. Di hari ke 40 berpantang, UIA mengadakan hari graduasi

dan mengumumkan dua anugerah Pelajar Terbaik yang diterima oleh Mumtaz, maka cerita perkahwinannya itulah yang menjadi tumpuan media. "Perkahwinan tidak halang Mumtaz belajar" – demikian kira-kira tajuk berita di muka depan beberapa akhbar, juga di kaca televisyen, pada waktu itu – 1996.

Selepas tamat UIA, sebagai pelajar terbaik, Mumtaz mendapat tawaran daripada universiti tersebut untuk mengajar di situ. Tetapi Mumtaz memilih untuk membuat *chambering* terlebih dahulu.

"Oleh kerana saya diuar-uarkan sebagai Pelajar Terbaik, maka kes pertama untuk saya kendalikan ialah kes yang berusia 17 tahun – kes tuntutan Banjir Chin Seng Supermarket. Kes ini sudah dikendalikan oleh empat firma guaman tetapi tidak selesai. *Boss* saya kata: "Mumtaz, since you are the best student, I think you can settle this file."

Dengan perasaan penuh gentar tapi demi tanggungjawab yang digalas sebagai pelajar cemerlang itu, Mumtaz menerima cabaran itu, meneliti dan membelek semua kertas dan dokumen yang terdapat dalam timbunan fail yang tinggi itu (memang dia dilatih menguasai kemahiran membaca cepat), dia menemui dokumen penting sebagai kunci perbicaraan dan akhirnya membawa kemenangan kes itu. Dipendekkan cerita, akhirnya kes yang berusia 17 tahun itu berjaya diselesaikan.

Kata Mumtaz, "Oleh kerana banyak penglibatan saya dalam kes ini, master saya minta kebenaran khas daripada mahkamah untuk saya dibenarkan untuk tampil membantunya di mahkamah tinggi, walaupun saya masih dalam tempoh *chambering*". Menurut amalan selepas tiga bulan barulah seseorang pelatih dalam kamar ini dibenarkan hadir di Mahkamah Majistret, belum lagi boleh hadir di Mahkamah Tinggi. Tetapi di sini kerana sebab



khass ini, mahkamah membenarkan; dan akhirnya Mumtaz (dan majikannya) berjaya memenangi kes tersebut. Hal ini dilaporkan dalam jurnal undang-undang – CLJ dan MCLJ, dan ketika itu Mumtaz belum selesai *chambering* lagi.

Selesai *chambering*, sekali lagi pihak universiti menawarkan dia menjadi pensyarah. Tetapi Mumtaz memilih me-

nangguhkannya bagi membolehkannya membuka firma guaman sendiri dahulu. "Saya sempat kerja dengan firma lain selama empat bulan sahaja sebelum saya buka firma sendiri pada tahun 1997. Firma saya Mumtaz Nawi & Co bermula dengan dua orang kakitangan, berkembang menjadi tiga cawangan – di Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Selangor. Saya mengendalikan kes sivil dan juga syariah hampir seluruh negara di pelbagai peringkat dari Majistret sehingga Mahkamah Rayuan.

Semasa menjadi peguam, Mumtaz bertuah kerana dapat mengamalkan konsep patuh syariah dan tidak pernah pergi ke mana-mana mahkamah melainkan ditemani oleh mahram, sama ada suaminya atau bapanya atau adiknya atau bapa mertuanya. Dalam pejabat pula, dia sentiasa ada seorang bapa saudaranya bersama. Dia berpeluang mengasuh dan menyusukan empat anaknya dengan susu ibu kerana konsep pentadbiran pejabatnya adalah rumahnya dan rumah juga menjadi pejabat kedua baginya dimulakan sejak 1997 sehinggalah dia menceburkan diri secara langsung dalam politik.

### Tak mahu jadi ahli politik

Dalam peristiwa banjir terbesar yang melanda Kelantan Disember 2014, Mumtaz yang memegang Pengerusi portfolio Kebajikan dan Kesejahteraan Rakyat telah diberi mandat oleh Menteri Besar mengetuai operasi membantu, menyelamatkan dan menguruskan bantuan tambahan bagi kebajikan mangsa banjir, iaitu sebagai Pengerusi Jawatankuasa Ad-hoc Operasi Khairat Banjir.

Ketika mendengar dia menceritakan kerja-kerja yang dilakukannya bersama dengan kakitangan jabatannya serta pasukan sukarelawan 'MeSRA' yang ditubuh dan diberi latihan pengurusan bencana beberapa bulan sebelum kedatangan banjir itu, saya melayan imaginasi seolah-olah



menonton sebuah filem Hollywood mengenai pengurusan bencana yang paling cepak pernah dibuat.

Bahawa dia seorang wanita yang diberi kepercayaan dan diberi tugas dan tanggungjawab yang sebesar itu disaat segenting itu tidak banyak menimbulkan persoalan padanya. Alhamdulillah berkat latihan sepanjang hidupnya, dia telah membuktikan ketabahan, kecekapan dan keberkesannya. Maka kalau filem tentunya dia akan jadikan filem itu lebih menarik lagi.

Apa pun, cuba kita ikuti kisah-kisahnyanya seperti yang diceritakannya kepada *QIADAH*.

Rupa-rupanya dia telah mula menjadi pemimpin sejak darjah satu sekolah rendah lagi, sebagai ketua darjah, pengawas, presiden pelbagai persatuan dan badan dan sehinggalah ke alam universiti, memimpin mahasiswa. Maka setelah tamat UIA dan memasuki alam pekerjaan, Mumtaz berjanji dengan dirinya dan dengan suaminya, bahawa mereka tak akan terlibat dengan politik.

“Daripada darjah satu, saya dah jadi ketua darjah sampai saya kahwin, umur 23, sentiasa jadi pemimpin, di sekolah dan di universiti. Jadi, kami bincang selepas saya kahwin tak mahu dah jadi pemimpin, nak jadi isteri sahaja,” katanya.

Namun, mereka komited untuk meneruskan kerja kongsi dan pengembangan ilmu dan motivasi sebagai wadah membalas budi orang ramai dan rezeki Allah SWT pada mereka, Mumtaz tidak pernah menolak kalau dijemput memberi

ceramah atau sebarang perbincangan tanpa meletakkan apa-apa syarat, khasnya berkaitan Islam, pendidikan dan undang-undang. Suaminya sepanjang masa setia menemani ke mana sahaja lokasi ceramah dan program.

“Saya terlibat dengan pelbagai program kerajaan negeri dan Pusat, saya dijemput untuk ceramah dan sebagainya, menggubal pelbagai dasar kerajaan. Saya dijemput atas pelbagai kapasiti sebagai pakar runding NGO dan sebagai wakil peguam untuk undang-undang. Walaupun saya *junior* tapi Alhamdulillah, saya tak gentar, saya akan nasihat dan cakap apa yang saya tahu.” Dia juga turut hadir program yang dianjurkan oleh PAS, sebagai penceramah atau hadir majlis ceramah yang dianjurkan PAS. Pernah dilantik jadi AJK muslimat negeri namun bila mesyuarat dia takut dan trauma untuk hadir – “takut kena lantik pegang jawatan,” katanya.

Namun pada Februari 2004, Mumtaz dikejutkan apabila tiba-tiba namanya turut diangkat untuk menjadi calon pilihan raya – calon wanita pertama daripada PAS Kelantan. Kebetulan masa itu dia sarat mengandung 9 bulan, untuk melahirkan anaknya yang keempat. Alhamdulillah pada masa itu dia berjaya menolak tawaran itu, walaupun mereka cuba memujuknya dengan pelbagai cara. (Akhirnya Rohani Ibrahim yang dipilih menjadi ADUN wanita pertama tersebut).

### Dilantik Senator

Keterujaan Mumtaz untuk berasa tarbiah Tok Guru termakbul apabila Tok Guru sudi untuk menerima kunjung hormat para peguam Kelantan ke pejabat Menteri Besar pada awal tahun 2006. Pelbagai topik dan isu dikemukakan secara dua hala di mana beliau juga turut serta memberikan pandangan yang agak kontroversi dengan isu semasa dan persoalan mengenai pentadbiran kerajaan.

Keesokan harinya, beliau mendapat panggilan telefon dari pejabat Menteri Besar, satu panggilan yang menyebabkannya



dia tergamam. Pejabat MB! Pegawai tersebut memaklumkan Tok Guru mahu beliau datang bertemu dengannya di pejabat untuk mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan perbincangan semalam.

Pintu langit dan takdir Allah SWT mungkin terbuka dan sepadan dengan kata-kata beliau pada Tok Guru “ambo bukan pegawai kerajaan” maka tidak sampai sebulan tarikh pertemuannya dengan Tok Guru, dia dicalonkan menjadi Senator bagi menggantikan YB Siti Zailah. Dia berdoa agar tidak terpilih menjadi Senator. Beberapa hari kemudian dia dihubungi oleh YB Wan Ubaidah dan YB Rohani “Tahniah! YB Mumtaz”.

Dalam nada bergetar beliau bertanya “Kenapa YB Mumtaz?” “Tok Guru dah isytihar *enti* jadi Senator dalam mesyuarat perhubungan sakni”. Sambil mula menitikkan air mata Mumtaz berkata “boleh tak saya tolak”? Jawab Yb Wan Ubaidah “Taz, *enti* tidak boleh tolak sebab inilah kali pertama Tok Guru isytihar nama seorang calon dan istikharah beramai-ramai dan dapat keputusan dan terus doakan *enti* dengan sebut nama dalam mesyuarat Perhubungan Negeri. Jarang Tok Guru sebut nama dan terus doa moga diberkati.” Dengar perkataan berkat dan doa tok guru mulutnya terkunci. Mumtaz nak berkat dalam hidup dan doa tok guru. Dia takut pada amanah Allah SWT. Satu jawatan yang tak pernah dimimpikan iaitu jadi ahli politik walaupun minat dan peka politik tanahair.

Esoknya dia ke Kuala Lumpur bersama suami, berjumpa dengan Dr Lo’Lo’, kerana Dr Lo’Lo’ adalah orang yang pernah membawa dia ke luar negara untuk membenteng makalah mengenai undang-undang, termasuk Hudud. Kata Dr Lo’Lo’, “Taz, bersedia untuk menangis. Man, sediakan bahu untuk Taz menangis. Jangan menangis depan orang, menangis depan Man saja. Dan nanti kena sembahyang hajat tiap-tiap hari.”

Amanat khas dari Tok Guru selepas dilantik sebagai senator kepada Mumtaz; “Mumtaz, *enti* dilantik bukan untuk bawa PAS, *enti* dilantik bukan bawa Kelantan, *enti* dilantik ni untuk bawa Islam ke Dewan Negara”. Bila dengar Tok Guru sebut begitu “untuk bawa Islam dalam Dewan Negara”, tempurung fikiran Mumtaz yang selama ini terkepung dengan kedangkalan ilmu dan kemahiran politik terus terbuka luas dan lega untuk menjalankan tugas sebagai Senator.

Tok Guru Nik Aziz seolah-olah dapat membaca gelora yang sedang mabadi dalam jiwa Mumtaz. Atau mungkin tidak. Dia secara spontan mengucapkan kata-kata nasihat seorang murabbi, tepat mengena pada pokok persoalan yang memusykilkan Mumtaz selama ini.

Maka seringkas nasihat Tok Guru Nik Aziz itu, yang mungkin tanpa disedari Tok Guru Nik Aziz sendiri telah memberi jawapan yang tepat kepada persoalan di dalam diri Mumtaz selama ini. Alhamdulillah terima kasih Allah SWT, ayat *power* Tok Guru mantiqnya pendek, bernas, penuh isi dan visi. Maka bermula dari detik itu, maka Tok guru lah tempat beliau merujuk dan berbincang setiap kali hendak ke parlimen dan membentangkan kertas kerja.

Demikianlah, Mumtaz berkhidmat sebagai Senator selama dua penggal, 2006-2013. Kecemerlangan prestasinya semasa berkhidmat itu telah tercatat dalam rekod sejarah Parlimen Malaysia. Antaranya dia dilantik AJK Inter-Parliamentary Union (IPU) mewakili Dewan Negara ke peringkat antarabangsa; mewakili Malaysia untuk Kaukus Malaysia-Indonesia; mewakili Malaysia untuk IPU ke Geneva Switzerland, IPU Bangkok, IPU Pattaya; wakil Malaysia ke Asean Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) Hanoi, Singapura; wakil Malaysia ke Inter-Pacific Parliamentary Forum (IPPF) Tokyo dan mewakili ahli Parlimen Malaysia di BBC untuk International Video Conferencing, New South Wales, South Africa dan Malaysia.



**ZUTAH** Industries  
The Manufacturer Of  
Ceramics Art & Contemporary

# Zutah Industries

## Industri Tembikar Seiring Perubahan Masa

*Oleh Muhammad Yusri Amin Foto Ahmad Nai'me Muhammad*

Orang Melayu mewarisi seni pertukangan yang unik. Kemahsyurannya sebaris dengan ciptaan daripada tamadun di barat dan timur. Bahan mentah daripada emas, besi, logam, tanah liat, rotan dan kayu diadunkan sehingga menjadi produk yang mengagumkan.

Kemahiran tangan yang menghasilkan kraf sehingga mampu menembusi pasaran antarabangsa. Antara produk yang mendapat tempat di negara kita ialah seramik atau tembikar.

Menurut Kamus Dewan, tembikar ialah barang yang diperbuat daripada tanah liat. Manakala seramik mengikut istilah berasal dari Yunani yang bermaksud semua bentuk tanah liat, bahan-bahan bukan logam dan bukan organik.

Seramik pada awalnya dicipta bagi keperluan kerohanian sejak zaman Neolitik. Ini dibuktikan hasil penemuan bahan-bahan berbentuk seramik di Gua Cha di Kelantan, Bukit Tengku Lembu (Perlis), Ulu Tembeling (Pahang) dan Gua

Niah (Sarawak). Prosesnya bermula dengan mengadunkan tanah liat, selepas itu dibentuk menjadi acuan tertentu dan dibakar.

Pada zaman purba, tembikar digunakan untuk memasak, menyimpan makanan atau bekas air. Ketika itu seramik digunakan secara meluas sehingga menghasilkan ciptaan yang pelbagai bentuk. Tembikar purba terkenal dengan seni garisan dan lorekan seperti yang terdapat pada tembikar periuk, belanga dan alat kukus. Antara motif lain yang dihasilkan adalah flora dan fauna, tulisan seni khat, abstrak dan geometri.

Kerja tangan tembikar secara tradisional masih utuh, secara tidak langsung bagi menjaga seni warisan bangsa.

### Produk Tembikar

Selain periuk, belanga, pinggan dan pasu, pelbagai lagi produk berasaskan tanah liat dicipta termasuk gelang,



*Tanah liat yang sudah dikeluarkan dari acuan dibiarkan seketika sebelum diwarnakan*



*Proses pengeringan tanah liat sebelum acuan dibuka untuk diwarnakan dan diukir*



*Di antara rekaan terkini ialah 'Cupcake'*

rantai serta loket. Bunga roti, bunga batu atau bunga seramik pula dihasilkan sebagai cenderahati. Tanah liat juga digunakan untuk membuat perhiasan dinding, lampu tidur, bunga telur, bunga rampai, tepak sireh, tepak wang mas kahwin, bekas lilin, bekas telur, jambangan bunga, kotak barang kemas dan hiasan meja.

Antara produk lain termasuk labu sayung, buyung, kukusan, tembikar karon (Sabah), dapur tanah, kraf lepa-lepa, bekas perasap (tuntungan), kudin dan tuning (Sabah), nuan (pasu Iban), tembikar Sungai Dua (Seberang Prai), tembikar kechor (Perlis), tembikar Mambong (Kuala Krai, Kelantan), Tembikar Tembeling (Kampung Pasir Durian, Mukim Kuala Tembeling,

Jerantut, Pahang) dan labu Pulau Tiga (Kampung Pulau Tiga, Mukim Kampung Gajah, Perak). Manakala produk pasu yang bersaiz kecil menjadi pilihan pelancong sebagai cenderahati.

### **Usahawan Tembikar**

Di Kelantan, industri tembikar Kampung Mambong, Kuala Krai cukup dikenali ramai. Ia terletak di hulu Sungai Galas. Hanya sungai menjadi penghubung Kampung Mambong dengan tempat-tempat lain di Kuala Krai. Tiada jalan darat untuk sampai ke kampung tersebut biarpun terkenal dengan produk seramik sejak lama dahulu.



***Proses mewarna dijalankan menggunakan Mesin Putar Alin 'potter's wheel' atau Mesin 'Throwing'!***



Bagaimanapun kehadiran tsunami sungai pada akhir Disember 2014 turut menjejaskan industri seramik di kampung berkenaan. Banyak bengkel membuat seramik milik pengusaha tempatan rosak dan hanyut. Mereka memerlukan modal yang agak besar untuk bangkit semula bagi meneruskan perusahaan menghasilkan seramik.

Selain di Kampung Mambong, Kuala Krai terdapat beberapa pengedar barangan tembikar berskala besar di Kelantan termasuk di Jalan Sultanah Zainab, Jalan Hamzah, Jalan Telipot, Mukim Chicha, Mukim Kenali dan Jalan Sultan Yahya Petra di Kota Bharu.

Manakala pengusaha tembikar pula antaranya syarikat Zutah Industries yang terletak di Seribong, Pasir Tumboh dimiliki oleh Awang Yusof, 47 yang berasal dari Beris Kubor Besar, Bachok.

Beliau mengusahakan industri itu bersama isterinya Mazura Zakaria, 47. Isterinya penduduk tempatan di Kampung Seribong mengasaskan perusahaan berkenaan pada tahun 2005 dengan modal permulaan sebanyak RM5,000.

Awang terlibat dengan produk seramik sejak tahun 1994. Beliau yang lebih dikenali dengan panggilan Abdul Fatah ketika ditemui di bengkelnya baru-baru ini berkata, beliau menimba ilmu dan kemahiran mengenai tembikar di Kraftangan Malaysia Cawangan Perak pada tahun 1988 dan memperolehi Sijil Kemahiran dalam bidang berkenaan. Selepas itu mendapat kemahiran industri di Pusat Latihan Seramik, Enggor, Kuala Kangsar, Perak.

"Agensi pembimbing yang memberi bantuan kepada syarikat saya ialah Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia," katanya.

Tumpuan syarikat Zutah Industries ialah membuat produk berasaskan tanah liat termasuk pelbagai cenderahati untuk majlis perkahwinan, kedai kraftangan, tempahan sekolah, dan agensi pelancongan.

Selain jualan dan pengedaran secara borong dan runcit, Zutah Industries juga memasuki pasaran atas talian (online). Para pelanggannya termasuk dari Johor, Sabah, Sarawak dan Singapura. Seramik Zutah Industries juga boleh didapati di ekspo, karnival dan pameran yang dianjurkan di Kelantan dan tempat-tempat lain.

"Kini kami sedang berusaha untuk mempertingkatkan pengeluaran Zutah Industries membabitkan pelbagai produk berasaskan seramik bagi memperluaskan pasaran. Sokongan masyarakat juga penting. Orang ramai boleh menggunakan seramik sama ada untuk kegunaan urusan harian atau cenderahati," katanya.

Bagaimanapun kata Fatah, masalah pasaran tetap menjadi hambatan baginya. Beliau juga pernah memohon pinjaman pada tahun 2014 untuk memperbesarkan perniagaan, namun gagal. Namun kegagalan itu tidak membuatkan beliau dan isteri berputus asa. Sehingga kini mereka bergantung sepenuhnya kepada pusingan modal sendiri tanpa bantuan atau pinjaman mana-mana institusi kewangan.

Ditanya mengenai bekalan bahan mentah untuk memproses seramik, Fatah berkata tidak sukar baginya untuk mendapatkan tanah liat. Zutah Industries mempunyai



***Tembikar ditebuk untuk dijadikan tabung. Proses ini dilakukan sebelum dimasukkan ke dalam dapur kiln.***

sebuah mesin pembancuh (penggaul) dan mesin pembakar yang dikendalikan oleh lima orang kakitangan. Syarikatnya mampu mengeluarkan kira-kira 400 set barangan cenderahati dalam satu masa.

Zutah Industries juga menghasilkan seramik berbentuk epal dan kek cawan di samping produk cenderahati lain. Produk seramik yang dihasilkan bersaiz 17.8sm sehingga 20.3sm X 26.7sm dan dijual antara RM1.20 hingga RM2 seunit. Syarikatnya juga menerima tempahan antara 100 hingga 500 unit sebulan," katanya.

Fatah memberitahu kerja-kerja semasa pembakaran seramik di kilang dan bengkel akan menentukan kualiti seramik terutama dari segi ketahanannya. Tanah liat yang diuli, diterap dengan pelbagai corak, diasapkan serta dibakar akan menghasilkan rupa bentuk berseni dan unik. Kerja-kerja terakhir di peringkat bengkel dan kilang seramik ialah menggilap.

"Penghasilan produk bermula dengan mengadakan tanah liat yang basah dan lembik mengikut acuan dikehendaki. Selepas itu pembakar, memanas dan berakhir dengan menggilap produk yang telah siap," tambahnya.

Fatah juga mengutamakan kualiti produk dengan mempertingkatkan kawalan mutu kerja. Pengurus Zutah



***Cenderamata yang telah siap dibakar dan sedia untuk dihantar kepada pelanggan.***

Industries itu tidak lokek untuk memberi kata-kata semangat kepada mana-mana usahawan seramik lain.

**"Kepada mana-mana usahawan dan bakal usahawan, kena bersabar di samping berusaha bagi memajukan perniagaan masing-masing. Ia adalah tangga bagi sebuah kejayaan,"** ujarnya yang juga bapa kepada empat orang anak.

## Rujukan

- Agnes Tugong, *Perusahaan Kraf Tangan Atas Bimbingan Kerajaan*
- Ashari Mohamad (2010), Ph.D, *International Journal of the Malay World and Civilisation 28 (1)*.
- Bahagian Perolehan Kategori Seramik, *Sejarah Tembikar*, Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Broshur Kraftangan Malaysia (2009).
- Fadhil's Blog (2010), *Kaedah Arkeologi*.
- Hazira Hanafi (2014), *Festival Kraf Kelantan, 2014*.
- Melati Mohd Ariff, *Memperkasa Warisan Seni Kraf Negara*, BERNAMA.
- Mohd Khairi Baharom (2012), *Tanah Liat Sebagai Medium Penghasilan Karya dan Produk Seramik*.
- Norliza Abd Rahman (1998), *Rohana Usahawan Tembikar Berjaya, Utusan Melayu*.
- Rosliza Mohamad (2015), *Seramik Bukan Lagi Pasu, Metro*.
- Utusan Malaysia (2014), *Produk Tembikar Mambong*.
- Utusan Melayu (2014), *Perusahaan Seramik Jadi Produk Pelancongan*

# Dinar & Dirham



## Info Ringkas

### APAKAH MATAWANG SYARIAH?

Matawang syariah adalah Dinar Emas dan Dirham Perak.

Matawang ini pernah digunakan pada zaman Rasulullah S.A.W dan para sahabat.

### APAKAH DINAR?

Mengikut piawaian Khalifah Umar Al-Khattab, Dinar diperbuat daripada emas 22karat (917). Nilai satu Dinar pada zaman Rasulullah bersamaan dengan nilai seekor kambing. Nilai Dinar Kelantan pula adalah RM581 pada tarikh pelancaran iaitu 12 Ogos 2010.

### APAKAH DIRHAM?

Dirham pula diperbuat daripada perak tulen (999) dan nilai satu Dirham pada zaman Rasulullah boleh membeli seekor ayam.

### BILAKAH DINAR DAN DIRHAM KELANTAN DILANCARKAN?

Dinar & Dirham Kelantan telah dilancarkan pada 12 Ogos 2010 oleh Menteri Besar Kelantan YAB Tuan Guru Dato' Bentara Setia Hj. Nik Abdul Aziz Nik Mat.

*Land Of Dinar & Dirham*

## 10 DIRHAM BELIA / WANITA

### Kenapa anda perlu mendapatkannya ?

- \*Murah & Berbaloi
- \*Mempunyai nilai sentimental
- \*Sangat sesuai sebagai mahar, hadiah & cenderahati
- \*Eksklusif & Bernilai instrik
- \*Aset Pelaburan Terbaik
- \*Kalis Inflasi
- \*Perak berada di bawah harga semasa
- \*Tidak susut nilai
- \*Cantik, Unik & Tersendiri
- \*DAPATKAN HARI INI UNTUK JAMINAN KESTABILAN EKONOMI ANDA**

## Penggunaan

- Pembayaran Zakat
- Mahar (Mas Kahwin)
- Gadaian/Ar Rahn
- Urusan Jual Beli
- Hadiah/Sedekah
- Tabungan



Dirham Belia



Dirham Wanita

### Hadith

"Akan tiba suatu zaman di mana tiada apa yang bernilai dan boleh digunakan oleh umat manusia. Maka simpanlah dinar dan dirham (untuk digunakan)", Hadis dari Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal.



كَلَنْتَن كَوَلْدَتِي رِيَابِي رِيَابِي  
KELANTAN GOLD TRADE SDN BHD  
(Dahulu Dinar) Syariah Kelantan Gold Trade Sdn Bhd (556491-T)  
SYARIKAT MILIK PENUH PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

PT 473, Tingkat Bawah, Bandar Baru Tunjong, 15100 Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.  
Tel : +609-744 1901 Fax : +609-744 1902

www.kgt.com.my marketing@kgt.com.my Kelantan KGT GoldKelantan

Pegawai kami sedia membantu anda : +6019-665 8857 (En. Adnan) / +6013-630 0578 (Pn. Sumarina)



QR Code



# DINAR DIRHAM: SOLUSI KEMELUT EKONOMI

Oleh Zananzaly

Dinar emas dan Dirham perak keluaran Kelantan Gold Trade Sdn Bhd (dahulunya dikenali sebagai Kelantan Golden Trade Sdn Bhd) yang diiktiraf oleh London Bullion Market Association (LBMA) adalah alternatif khas untuk mengekalkan nilai wang dalam bentuk emas dan perak berbanding duit kertas yang ketara dihakis inflasi tahun demi tahun. Contohnya pada era 1990-an, RM50 memiliki kuasa beli barang keperluan asas di pasar raya penuh satu troli tetapi sekarang kita memerlukan wang berjumlah RM300 bagi maksud tersebut. Sedangkan nilai kuasa beli, zat dan berat 1 Dinar dan 1 Dirham tetap sama sejak 1400 tahun dahulu.

Berdenominasikan ½, 1, 2, 5 dan 8 dinar bagi syiling emas berketulinan 917 dengan berat 2.125 gram bagi setengah Dinar sehingga 34 gram bagi 8 Dinar amat signifikan dengan variasi mampu milik untuk syarikat atau badan korporat menyimpannya bagi tujuan pengukuhan aset atau mengekspresikan penghargaan kepada kakitangan sebagai hadiah hari lahir ataupun khidmat cemerlang. Bayangkan aset syarikat terus utuh dalam kilauan emas atau pun keterujaan aset modal insan itu apabila diganjar dengan wang emas mahu pun perak sebagai cenderahati kenangan zaman-berzaman kerana makin lama ia disimpan kian tinggi nilainya. Bahkan, jika perlu boleh sahaja mereka cairkan kepada nilai ringgit mengikut kadar semasa.

Individu yang memilih untuk menabung berskala kecil, Dirham adalah pilihan terbaik. Berdenominasikan 1, 2, 5, 10 dan 20 Dirham, anda mempunyai banyak pilihan sesuai dengan kemampuan serendah RM20 untuk 1 Dirham bagi

menambah nilai aset tunai yang lama-kelamaan mencukupi kadarnya dan boleh ditukarkan kepada Dinar. Mesrakan diri dan keluarga kita dengan Dinar Dirham dari sekarang.

Mulakan dengan tabungan bulanan, pemberian duit raya atau pun hadiah kecemerlangan peperiksaan dengan pemberian Dinar dan Dirham serta alami kelainan yang tersendiri. Yakinkanlah suatu masa nanti usaha ini sangat bermanfaat kerana Rasulullah SAW sudah pun berpesan melalui hadis berikut: *Abu Bakr ibn Abi Maryam meriwayatkan bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Masanya akan tiba apabila tidak ada apa pun yang berguna kecuali Dinar dan Dirham."* (Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal).

Sejak Dinar dan Dirham dilancarkan secara rasmi sebagai mata wang alternatif oleh Allahyarham mantan Dato' Bentara Setia Menteri Besar Kelantan pada 12 Ogos 2010, purata 140 ribu Dinar dan Dirham sudah pun berlegar di tangan rakyat Malaysia bahkan warga dunia yang menunggu waktu untuk menggunakannya pada bila-bila masa dan di mana pun jua tempat yang bersedia berjual-beli dengan mata wang sunnah ini. Dinar dan Dirham amat wajar digunakan bagi pembayaran zakat, menunaikan haji atau umrah, membayar deposit hartanah dan kenderaan serta pemberian mahar perkahwinan, hadiah dan tabungan atau pelaburan jangka panjang ekoran kenaikan emas dunia dalam tempoh 10 tahun pada kadar 375.66% atau secara puratanya sebanyak 37.57% sebulan. Nah, inilah buktinya Dinar dan Dirham adalah solusi tepat bagi mengatasi kemelut ekonomi yang kian melarat.



# MANTAN MENTERI BESAR KELANTAN

## Menteri Besar Kelantan ramai lulusan agama

*Oleh Muhammad Ismail Ibrahim & M. Faqih*

Menteri Besar merupakan gelaran bagi Ketua Eksekutif kerajaan negeri di Malaysia yang mempunyai Raja atau Sultan iaitu Perlis, Johor, Kelantan, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Terengganu dan Kedah. Bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Raja atau Sultan, gelaran bagi Ketua Eksekutif kerajaan negeri ialah Ketua Menteri.

Gelaran jawatan ini diwujudkan oleh Kerajaan British pada tahun 1948 ketika Persekutuan Tanah Melayu mula dibentuk tetapi semasa kesultanan Melayu dahulu, jawatan yang seumpama dengannya dikenali sebagai Bendahara. Tetapi bagi sesetengah negeri seperti Johor, jawatan Menteri Besar telah lama wujud sebagaimana tertakluk di dalam Undang-undang Tubuh Negeri Johor, iaitu sebelum Persekutuan Tanah Melayu diperkenalkan dan dilantik sendiri oleh Sultan terdiri daripada pegawai tertinggi kerajaan negeri.

Nama jawatan Menteri Besar adalah mengambil nama yang digunakan di negeri Johor bagi tujuan penyeragaman.

Sebelum itu pelbagai nama telah digunakan seperti Perdana Menteri di negeri Kelantan.

Selepas merdeka, jawatan Menteri Besar dipilih daripada parti yang mendapat majoriti bagi kerusi Dewan Undangan Negeri selepas setiap kali pilihan raya diadakan. Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Ahli Majlis Mesyuarat bertindak sebagai pembuat dasar pentadbiran kerajaan Negeri dan tertakluk kepada Senarai Negeri dan Senarai Bersama yang diperuntukkan oleh Perlembagaan.

**Menteri Besar Kelantan** ialah suatu jawatan ketua pentadbiran di negeri Kelantan sejak tahun 1775. Sebelum ini jawatan Menteri Besar Kelantan dikenali sebagai Perdana Menteri, namun bagi tujuan penyeragaman dengan negeri-negeri Melayu lain, nama jawatan Perdana Menteri ditukar kepada Menteri Besar. Berikut merupakan senarai Menteri Besar Kelantan bermula dari era 1920-an iaitu sebelum penjajahan Inggeris di Serambi Mekah.



**HAJI NIK MAHMUD BIN HAJI ISMAIL**  
**(Dato' Perdana Menteri Paduka Raja)**  
**1921-1944.**

## HAJI NIK MAHMUD BIN HAJI ISMAIL

Beliau adalah pembesar negeri yang paling berpengaruh dalam pentadbiran Negeri Kelantan pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua. Menteri Besar Kelantan ini bergelar Dato' Perdana Menteri Paduka Raja. Anak kepada Tok Khadhi Haji Ismail bin Haji Mahmud dan Hajjah Wan Aishah bt. Osman ini dilahirkan di Kota Bharu pada akhir tahun 1882. Pada tahun 1898 beliau dibawa oleh bondanya ke Mekah dan berguru dengan Shiekh Wan Ahmad Bin Mohd Zain al-Fatani yang tersohor ketika itu.

Penglibatan Haji Nik Mahmud dalam pentadbiran negeri bermula pada tahun 1907 apabila beliau berkhidmat di Pejabat Tanah Kota Bharu dan pada tahun 1908 berkhidmat sebagai kerani di Istana Balai Besar (Pusat Pentadbiran Negeri ketika itu). Kecekapan beliau menjalankan tugas menyebabkan beliau dilantik pula ke jawatan Penolong Setiausaha Sulit kepada Sultan Kelantan.

Kepimpinan Haji Nik Mahmud kian terserlah apabila dipilih menjadi Penolong kepada Menteri Besar Encik Hassan b Mohd Salleh dengan mandate menjalankan tugas-tugas seorang Menteri Besar. Beliau telah dilantik sebagai Menteri Besar pada 30 April 1921 dengan kurniaan gelaran Dato' Perdana Menteri Paduka Raja. Gelaran ini sering diringkaskan dengan panggilan Dato' Perdana Menteri sahaja atau Dato' Besar.

Sebagai perancang dan pentadbir yang pintar, sumbangan dalam kemajuan pentadbiran kerajaan sangat besar. Antara-

nya menyusun semula sistem pentadbiran, memperkenalkan arahan perkhidmatan mirip "Perintah Am", sistem gaji baru Pegawai Kerajaan dan mengendalikan kes tuntutan guaman Kompeni Duff terhadap Kerajaan Kelantan.

Faktor kesihatan mendorong beliau melepaskan jawatan Menteri Besar pada 27 December 1944 dan diganti oleh puteranya, Nik Ahmad Kamil yang menjadi Timbalan Menteri Besar ketika itu. Beliau telah meninggal dunia pada 18 Ogos 1964.



**TAN SRI DATO' NIK AHMAD KAMIL**  
**BIN NIK MAHMUD**  
**(Dato' Seri Setia Raja)**  
**1944-1953.**

## TAN SRI DATO' NIK AHMAD KAMIL

### BIN NIK MAHMUD

Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil Bin Nik Mahmud ialah seorang anak kebanggaan Kelantan yang mencapai kecemerlangan dalam banyak bidang termasuk pendidikan, perkhidmatan kerajaan, korporat dan kerjaya politik. Beliau ialah Menteri Besar Kelantan dari tahun 1944-1953. Sebelum menjadi teraju utama kerajaan negeri, beliau dilantik menjadi Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan pada tahun 1934 dan Timbalan Menteri Besar Kelantan pada tahun 1938. Beliau juga salah seorang dari Ahli Rombongan Misi Kemerdekaan yang turut ke London pada tahun 1956 bagi merundingkan bagi merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British.


Beliau dilahirkan pada 7 Julai 1909 dan mendapat pendidikan awal di Madrasah Muhammadi, Majlis Agama Islam

Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran di Kolej Melayu Kuala Kangsar 1925 sehingga lulus peperiksaan Senior Cambridge. Pada tahun 1926, beliau telah dihantar oleh Kerajaan Negeri untuk melanjutkan pengajian Undang-undang di United Kingdom sehingga lulus Ijazah "Barrister at Law" dari Lincoln's Inn pada November 1930. Perkhidmatan beliau dalam kerajaan bermula dengan pelantikan sebagai Pelatih Penolong Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan pada tahun 1931. Beliau pernah menjadi Penolong Pegawai Daerah Pasir Puteh dan Majistret Kelas 1 di Mahkamah Kota Bharu. Selepas dua tahun sebagai Majistret, beliau dilantik sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

Sejarah gemilang beliau dalam perkhidmatan awam termasuklah menjadi Pesuruhjaya Perdagangan Malaya ke Australia pada tahun 1957, Pesuruhjaya Tinggi Malaya ke United Kingdom pada tahun 1950, Setiausaha Tetap di Kementerian Luar Negeri pada tahun 1958. Beliau juga ialah Wakil Tetap Kerajaan Persekutuan Kerajaan Tanah Melayu ke Amerika Syarikat dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1959. Beliau bersara daripada Perkhidmatan Awam pada Mei 1962.

Antara kegiatan dalam bidang korporat pula, beliau menjadi Pengerusi Syarikat Rothman of Pall-Mall (Malaysia) Bhd, pada tahun 1963 dan Pengerusi Public Bank pada tahun 1968. Pada Jun 1973 beliau dilantik sebagai Pro-Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penglibatan beliau dalam politik bermula dengan memasuki Persatuan Melayu Kelantan yang ditubuhkan pada tahun 1939. Pada tahun 1946 pula beliau menganggotai UMNO tetapi pada tahun 1955 beliau telah memimpin Parti Negara Cawangan Kelantan. Pada tahun 1964, beliau telah dilantik sebagai Ketua Perhubungan UMNO Kelantan.



**TENGGU MOHAMAD HAMZAH  
BIN TENGGU ZAINAL ABIDIN  
(Tengku Sri Maharaja)  
1953-1959.**

## **TENGGU MOHAMAD HAMZAH BIN TENGGU ZAINAL ABIDIN**

Tengku Mohamad Hamzah Bin Tengku Zainal Abidin merupakan antara tokoh pentadbir dan politik yang terawal di Kelantan. Beliau memegang jawatan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dari tahun 1938 hingga tahun 1953. Selepas itu, beliau dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan dari 1953 sehingga Pilihan Raya Umum 1959.

Dilahirkan pada 30 Mei 1909 di Kampung Raja Muda, Kota Bharu. Beliau mendapat pendidikan awal di Madrasah Muhammadiyah Kota Bharu dan kemudiannya pendidikan di Sekolah Inggeris Kota Bharu. Dari situ, beliau menyambung pelajarannya di Singapura.

Kerjaya beliau yang luas dalam perkhidmatan Kerajaan bermula sebagai Hakim Pelatih pangkat Kedua di Mahkamah Kecil Pasir Mas pada 1 Mac 1926, diikuti sebagai Hakim pangkat pertama di Pasir Mas dan Tumpat pada 1 Januari 1929. Pada 1 Februari 1930, beliau dilantik menjadi Hakim Mahkamah Tanah di Kota Bharu.

Setahun selepas itu, beliau memegang jawatan Setiausaha di Pejabat Datuk Perdana Menteri pada 26 Februari 1931. Dari situ, beliau dilantik Penolong Pegawai Daerah 1 di Pejabat Tanah Pasir Puteh dan pada 3 Oktober 1932 dilantik sebagai Pemungut Hasil Tanah di Pejabat Tanah Kota Bharu. Beliau pernah memegang jawatan Pemangku Menteri Besar semasa percutian Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamil pada tahun 1950-1952.

Beliau melibatkan diri dalam politik dengan menjadi ahli Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar. Kegiatan beliau dalam pertubuhan kebajikan dan sukan terserlah apabila beliau pernah menjadi Presiden Kelab Rotary Kota Bharu dan juga Pengerusi Persatuan Olahraga Amatur Malaya Cawangan Kelantan.



**DATO' HAJI ISHAK LOTFI BIN OMAR  
1959-1964.**

## **DATO' HAJI ISHAK LOTFI BIN OMAR**

Dilahirkan di Kampung Masjid Kota Bharu pada tahun 1917. Semasa kanak-kanak, beliau belajar di Sekolah Majlis Agama Islam yang dikenali dengan Madrasah Muhammadiyah, Jalan Sultan, Kota Bharu. Pada tahun 1928, beliau dihantar ke Mekah bagi mendalami bidang agama dan pulang ke Kelantan pada tahun 1937. Pada tahun 1938-1948, beliau menganggotai Persetiaan Melayu Kelantan dan tidak berapa lama selepas itu dilantik menjadi Setiausaha pertubuhan itu.

Pada tahun 1949, beliau bertugas di Majlis Agama Islam Kelantan sebagai Pegawai Zakat selama 10 tahun. Walau bagaimanapun, beliau meletak jawatan untuk bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1959 dan memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Ketherah atas tiket Parti PAS dan dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan pada tahun yang sama. Selepas 5 tahun memegang jawatan Menteri Besar, beliau dilantik pula memegang jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan. Pada tahun 1973, beliau dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan kali yang kedua tetapi beliau meletak jawatan pada tahun 1975 dan tidak lagi bergiat cergas dalam politik. Beliau meninggal dunia pada tahun 1992.

## **DATO' HAJI MOHD ASRI BIN HAJI MUDA**

Beliau merupakan seorang Nasionalis penting tanahair yang meniupkan semangat kemerdekaan dan penghayatan Islam. Peranan beliau dalam mencorakkan politik Kelantan sangat ketara. Bersama-sama dengan rakan seperjuangan dalam PAS, beliau berjaya membentuk kerajaan Negeri yang pertama di Kelantan selepas Pilihanraya Umum 1959.



**DATO' HAJI MOHD ASRI BIN HAJI MUDA**  
1964-1973.

Dilahirkan di Kampung Masjid, Kota Bharu pada 10 Oktober 1923. Pendidikan formalnya di Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan dan semasa pendudukan Jepun, beliau dipilih untuk melanjutkan pelajaran di Maktab Bahasa Jepun "Mraikoa Korensho" di Melaka selama 4 tahun.

Beliau selanjutkannya berhijrah ke negeri Perak, bertugas sebagai guru di Gunung Semanggol dan turut menganggotai Hizbul Muslimin iaitu pertubuhan politik Islam pertama di Tanah Melayu. Semenjak itu, beliau terus aktif dalam politik negara. Bermula dengan jawatan Setiausaha Agung PAS Bukit Mertajam 1953, Pesuruhjaya PAS Kelantan dan Terengganu dan Naib Yang di Pertua Agung PAS 1961-1964 dan Yang di Pertua Agung PAS 1969.

Sebagai wakil rakyat, beliau memegang dua keahlian serentak iaitu Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Dewan Rakyat. Diperingkat negeri, beliau pernah memegang jawatan Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan menjadi Menteri Besar Kelantan pada tahun 1964 hingga 1873.

Apabila partinya menyertai Kerajaan Campuran (PAS-Perikatan), beliau menganggotai Kabinet Persekutuan dan dilantik sebagai Menteri Kemajuan Tanah dan Tugas-Tugas Khas. Akibat krisis dalam PAS, beliau menubuhkan Parti Hizbul Muslimin Malaysia. Pada 22 November 1988, beliau menyertai UMNO dan bergiat sehingga akhir hayatnya pada 1992.

## **DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR**

Dato' Haji Mohamed Bin Nasir dilahirkan pada Januari 1916 di Kampung Kota, Kota Bharu. Neneknya Malin Padek



**DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR**  
(Dato' Bija Sura)  
1973-1978

berketurunan Sumatera Barat. Beliau menuntut di Sekolah Majlis Agama Islam Kelantan, Royal English School, Kuala Krai dan Kolej Pertanian Serdang dengan mendapat Diploma of Agriculture pada tahun 1937. Beliau meneruskan pelajaran dengan menuntut ilmu al-Quran dan Hadis dari Maulana Ahmad Ali Lahore dan Maulana Mohamed Shah. Kemudian beliau mengepalai gerakan dakwah di seluruh Kelantan.

Dalam tahun 1959, beliau mula berpolitik secara aktif dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan. Setelah memenangi Pilihan Raya Umum 1974, beliau diberi mandat oleh Barisan Nasional untuk menerajui pentadbiran Kelantan sehinggalah beliau ditarik oleh Kerajaan Persekutuan untuk dilantik sebagai Senator dan seterusnya Menteri Tidak Berportfolio. Selain daripada memimpin Parti Berjasa, beliau juga cergas dalam khidmat sukarela seperti menjadi Presiden Perkim Kelantan, Presiden Bekas Perajurit Kelantan, Presiden JP Kelantan, Pengasas Sekolah Agama Balaghulmubin, Penaung Persatuan India Muslim Kelantan dan Pengasas Pusat Pengajian Tinggi Islam Kelantan.

Antara karier penulisannya ialah usul lima, janji dan manusia ke bulan dari kaca mata al-Quran, perbandingan Islam & Kristian, menjawab ancaman Kristian, Prinsip Undang-Undang Tubuh Berjasa dan pelbagai nota kuliah dan makalah.



**TAN SRI DATO' MOHAMED BIN YAACOB**  
**(Dato' Bentara Kanan)**  
**1978-1990.**

## **TAN SRI DATO' MOHAMED BIN YAACOB**

Tan Sri Dato' Haji Mohamed Bin Yaacob ialah anak Kelantan yang mencapai banyak kejayaan di dalam bidang pentadbiran, perundangan dan juga politik. Beliau merupakan antara tokoh yang telah membawa pembangunan pesat di Negeri Kelantan. Dilahirkan di Kampung Palekbang, Tumpat pada

3 Januari 1926, beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kampung Laut, Tumpat pada tahun 1936. Kecemerlangannya dalam pelajaran menyebabkan beliau terpilih mengikuti Kelas Khas 'Special Malay' di Sekolah Inggiris Sultan Ismail, Kota Bharu.

Beliau mula bertugas sebagai kerani sementara di Pejabat Pos Kota Bharu dan menjadi Setiausaha Sulit Sultan Kelantan pada tahun 1953. Beliau menyambung pelajaran dalam bidang undang-undang di Lincoln's Inn, English sehingga lulus Ijazah "Barrister at Law" pada tahun 1958. Selepas itu, beliau bertugas sebagai Majistret di Muar dan Batu Pahat, Johor pada tahun 1959 dan Timbalan Pendakwaraya bagi negeri Perak pada tahun 1962. Pada tahun 1964, beliau menjadi Penasihat Undang-Undang Negeri Terengganu dan Penasihat Undang-Undang Johor pada tahun 1967.

Penglibatan beliau dalam politik bermula dalam tahun 1949 apabila beliau mengetuai Pemuda UMNO Bahagian Pasir Mas. Beliau mengetuai UMNO Bahagian Machang pada 1971 dan Bahagian Tanah Merah pada 1974. Pada tahun 1984, beliau menjadi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan. Dalam Kerajaan Persekutuan, beliau memegang jawatan Timbalan Menteri Dalam Negeri. Beliau kemudiannya diberi tanggungjawab lebih besar sebagai Menteri Pelajaran dalam tahun 1973, Menteri Tenaga, Teknologi dan Pendidikan pada tahun 1974 dan Menteri Perusahaan Awam pada tahun 1976.

Pada Pilihan Raya Tahun 1978, beliau bertanding kerusi Dewan Negeri Kawasan Air Panas yang membawa kepada pelantikan beliau sebagai Menteri Besar. Kecemerlangan, bakti dan sumbangannya kepada negeri dan negara, beliau dianugerahkan Darjah Seri Mahkota Kelantan yang membawa gelaran Dato' pada tahun 1976 dan gelaran Dato' Bentara Kanan oleh KDYMM al-Sultan Kelantan pada 1979, dan pada tahun 1988 beliau menerima Darjah Panglima Setia Mahkota (P.S.M) daripada Yang di Pertuan Agong yang membawa gelaran Tan Sri.

## **TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Dato' Bentara Setia)**

Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat dilahirkan dalam sebuah keluarga ilmunan Islam di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu pada tahun 1931. Beliau mendapat pendidikan awal di sebuah pondok di Jerreh, Terengganu. Pada tahun 1958, beliau telah ke India untuk mendalami ilmu Fiqh, usul Fiqh, tafsir al-Quran & al-Hadis di Universiti Deoband (Darul Ulum). Setelah menamatkan pengajian di India, Tuan Guru meneruskan lagi pelajaran di Mesir di mana beliau telah memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam Pengurusan Pengajian Bahasa & Ijazah Sarjana (M.A) dalam jurusan kehakiman dan perundangan Islam.

Sekembalinya dari Mesir, beliau mula mengajar di kampung-kampung dan menjadi pengajar di Sekolah Maahad Muhammadi. Pada tahun 1967, beliau telah menyertai Parti Islam se-Malaysia (PAS) dan telah dipilih menjadi Ahli Parlimen Kelantan (Pengkalan Chepa) sehingga tahun 1986 di mana beliau telah bertanding di kawasan Parlimen Bachok.



**TUAN GURU DATO' HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT  
(Dato' Bentara Setia)  
1990-2013.**

Beliau telah dilantik menjadi Ketua Dewan Ulama PAS Pusat hingga ke saat ini dan menjadi Pesuruhjaya PAS Kelantan. Kehadiran beliau dalam kepimpinan PAS Kelantan telah merubah parti itu ke visi perjuangan Islam. Beliau telah menerajui parti PAS sehinggalah pada 23 Oktober 1990 di mana parti PAS bersama-sama Semangat 46 dan BERJASA telah membentuk Angkatan Perpaduan Ummah iaitu (APU) dan telah berjaya mengambil alih pemerintahan Negeri

Kelantan dan Tuan Guru dipilih sebagai Menteri Besar Kelantan sehingga Mac 2013.

Walaupun beliau menang di DUN Cempaka pada PRU 2013, beliau tetap mengundurkan diri daripada jawatan Menteri Besar kerana masalah kesihatan. Tugasnya sebagai pendakwah, ulama dan pejuang tidak pernah berhenti sehingga akhir hayatnya pada 12 Februari 2015.

# Wisata Alam di Sungai Kenerong

(Berkhalwat dengan alam, sungai dan pondok pengajian)

Oleh Kassim Muhamad Foto Ahmad Naim Muhammad



Sungai Kenerong, lat: 5°17'40.2" long: 101°59'24.71", terletak kira-kira 46 meter di atas aras laut dan 'ibu'nya Sungai Stong, mengalir ke Sungai Galas.

Ertinya pada bulan Disember 2014, gabungan datuk, anak serta cucu tiga batang sungai — Sungai Galas, Sungai Stong serta Sungai Kenerong — telah memuntahkan jumlah air yang luar biasa banyaknya ke atas bumi Kelantan sehinggakan Tanah Sekebum Bunga itu hampir tenggelam seluruhnya.

Mengikut sesetengah sumber, Sungai Kenerong 'cucu'nya Sungai Galas itu telah menarik perhatian ramai semasa Bah Kuning Negeri Kelantan tahun 2014 lalu. Ia menjadi buah mulut; sebuah pondok di tebing Sungai Kenerong telah terselamat dari kemusnahan total akibat bencana banjir yang terbesar dalam sejarah Kelantan.

## Yang nyata dan khayalan

Yang mahu melancong dan berjinak-jinak dengan 'alam' — sungai dalam keadaannya yang semula jadi (bukan longkang konkrit yang meratah lumat segala kehidupan biologi) — sememangnya menjanjikan pelbagai keindahan yang mengujakan. Jika dibayang-khayalkan kita mungkin temui 'keindahan' seperti berikut:

*Sama seperti keadaan sungai di pergunungan, tempat segala sungai bermula, airnya tak ubah bendalir kaca — bersih jernih mengalir deras; terjun junam, belok bias, meliuk-liuk dan memulas-belai apa saja yang wujud di laluan. Air yang deras itu memanjat segala bongkah batu granit yang tercokeh di dasarnya, di tebingnya tanpa rasa penat, jemu apatah lagi ragu-ragu. Dan di tikungan yang tajam ia membelok sambil baring seperti aksi para pelumba motosikal di trek perlumbaan.*



**Pondok**

*Entah sudah berapa lama ia bertingkah sedemikian; mengalir dan terus mengalir, seolah-olah tidak ada stesen yang ia mahu singgah. Siang malam, begitulah kelakuan.*

Yang di atas adalah gambaran kreatif-imaginatif. Di Sungai Kenerong, jika berminat kita boleh juga berbuat demikian. Yang jelas sepanjang perjalanan masuk ke Sungai Kenerong, sejauh mata memandang, yang kita temui ialah pohon-pohon dan pelbagai tumbuhan tropika — kiri kanan, depan belakang — semua serba hijau. Di kejauhan di kaki langit, kita diraikan dengan tabir (backdrop) panorama bukit-bukau. Sementara itu deru pecutan Sungai Kenerong pasti kedengaran. Sesekali kelihatan kawan burung terbang melintasi kawasan.

Ya, sebaik saja memasuki jalan tanpa aspal (jalan tanah merah) meninggalkan jalan utama Dabong-Gua Musang, sejauh kira-kira tiga kilometer, kita disapa alam. Bukankah semua ini pandangan yang 'biasa-biasa' saja; sesuatu yang biasa kita temui di kawasan riadah dalam hutan yang masih belum diusik dengan teruk oleh manusia? Bagi kita, Sungai Kenerong agak berbeza.

### **Pondok pengajian dalam rimba**

Dalam hutan rekreasi Sungai Kenerong kita temui sebuah pondok pengajian. Pak Teh yang kami temui di Sungai





### ***PakTeh***

Kenerong berpendapat bahawa Madrasah Al-Aulad, Pondok Sungai Kenerong, Dabong bukanlah sekadar sebuah pondok tradisional. Paling tidak itulah azamnya Pak Teh dan dua orang lagi rakan gurunya.

Bagi Pak Teh, Madrasah Al-Aulad berazam menyebarkan ilmu agama secara percuma bukannya yang berbayar seperti kebanyakan sekolah pondok sekarang. Cara ini bertujuan supaya yang miskin dan dhaif juga dapat belajar ilmu agama kerana tidak berhadapan dengan masalah bayaran pengajian yang mahal.

“Pak Teh, boleh tolong cerita sikit tentang Madrasah ini?”

Lalu berkatalah Pak Teh bahawa jumlah pondok ialah 13 buah, bilangan pelajar 50 orang, semuanya kaum Adam sementara tenaga pengajar hanya 3 orang termasuk Pak Teh sendiri.

Ini satu maklumat yang agak menarik. Menurut Pak Teh lagi, semenjak peristiwa (Bah Kuning), ramai yang berminat





***Madrasah dibina di tepi sungai***



untuk melawat pondok, malah pada 6 Jun 2015 nanti, seangkatan rakan media kira-kira 20 orang semuanya akan datang menziarah.

“Bagaimanakah Pak Teh dan kawan-kawan menyara Madrasah ini?” kami bertanya lagi.

Mengikut Pak Teh sesungguhnya rezeki untuk warga pondok tersangat murah; beras, zakat memang murah. Orang ramai sering membantu. Namun begitu mereka tidak hanya mengharapkan zakat, sedekah dan derma orang ramai kerana kata Pak Teh: “Madrasah bukan hanya mengharapkan seratus peratus bantuan orang. Kami bercucuk tanam dan menternak; tanam pisang seluas 5 ekar dengan hasil RM1,000 sebulan. Kami akan tambah 15 ekar lagi untuk tanam pisang. Yang sudah keluar hasil sebanyak 5 ekar”.

Kata Pak Teh lagi, “Kami sudah mulakan program menambah pendapatan dengan ternakan kambing. Sekarang sudah ada 20 ekor kambing. Nak tambah lagi kambing. Jika ada 100 ekor kambing betina sudah bermanfaat sekali.”

### **Penutup**

Di Sungai Kenerong, Dabong, kita boleh berkelah, mandi-manda, berkhemah, meredah hutan, menyusuri sungai dan bersantai sambil menikmati alam. Jika saudara ingin merasakan suasana yang agak *religious*, pondok Madrasah Al-Aulad ini dapat memberikan satu kelainan. Ya, kita boleh berkhalwat dengan alam dan pondok pengajian sambil beriadah.



# SANG GUPAL: ELAK TAWAAKUL, HENDAK TAWAKAL

Oleh Zanazanzaly Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Bermula ciptaan satu lagi resepi kuih tradisional Negeri Cik Siti ini apabila moyang Melayu-Islam kita berfikir untuk menyuntik nilai agama ke dalam sanubari anak cucu mereka secara berhemat. Santai tapi sampai, kena tepat pada tempat, agar hidup seimbang dunia akhirat.

Memang sudah resam, jika perut tak kenyang, berdiri duduk pun tak senang. Memahami situasi dan kondisi fitrah insani, orang tua-tua kita sering mengambil pendekatan memelawa anak cucunya bersama-sama bersila di serambi kemudian mereka berbari mengenai ilmu duniawi dan ukhrawi bahkan laduni disertai sajian kuih-muih tradisi.

Hidangan kuih Sang Gupal merupakan satu lagi menu tradisional Melayu yang lazimnya banyak dijual secara meluas di pasar harian, pasar minggu, dan pasar tani kerana cara membuatnya adalah mudah dan murah.

Simbolisma intipati resepi Sang Gupal disurih melalui paduan warna-warna bersih terbit daripada biji sagu mata

ikan yang jernih berinti kacang hijau/merah dan berkuah santan putih.

Resepi bermula dengan rendaman secawan kacang hijau/merah semalaman. Keras sifat kacang kecil berwarna hijau/merah itulah simbolik kekentalan usaha awal manusia selaku makhluk kepada Allah SWT (al-Khalik) melalui sembah berhajat di sepertiga malam yang dizahirkan melalui solat sunat hajat seusai bersolat sunat taubat.

Keesokan hari kacang hijau/merah tersebut direbus hingga empuk yakni pecah butir dan dimasukkan secawan gula pasir untuk menambah manis pada rasa lemak kacang secara harmonis yang bakal berfungsi sebagai inti sebagaimana tulus mulus doa seorang hamba bercucuran air mata luluh hiba dalam munajat serta tahajud yang penuh privasi dan konsentrasi.

Rebusan kacang manis tersebut dibiarkan sejuk pada suhu bilik sementara 500 gram sagu mata ikan direndam dan



**Sagu digaul sehati dengan air suam**



**Sagu dikepal bersama inti sehingga menjadi bulat**



**Letakkan kacang merah di tengah sebagai inti**

ditoskan, kemudian digaul sehati dengan air bercampur secubit garam bagi membangkitkan rasa. Keputihan warna biji sago itu adalah arca keikhlasan usaha yang dititikberatkan kepada penghasilan hajat asal disusuli tekad berusaha dan semangat padu seperti sago menyejuk dalam bentuk kristal berkental-kental.

Lalu sago tersebut dikepal, ditekan pada bahagian tengah bagi memudahkan usaha meletakkan inti kacang tadi, kemudian sekali lagi dikepal untuk membentuk satu doh yang sangat elok bersaiz segumpal penumbuk tetapi bersifat anjal. Dari sinilah konsep tawakal dihuraikan dengan memperincikan firman Allah SWT dalam surah Ali Imran, ayat 159 yang bermaksud:

*"Dan jikalau kamu berazam (membulatkan tekad), maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang bertawakal kepada-Nya".*

Tawakal itu berusaha sekuat tenaga, kemudian pasrah dan menerima apa pun hasilnya. Bukan hanya meriba tangan menunggu nasib. Tawakal yang tepat dan benar wajib dimulai dengan usaha optima. Ia dibahagikan kepada tiga tahap berdasarkan kesolehan seseorang disisi Allah SWT.

Tawakal yang pertama adalah berusaha dengan menerima apa pun hasilnya. Kedua, berusaha lalu meredhai apa pun dapatannya. Manakala yang ketiga dan yang tertinggi tahapnya adalah berusaha dan tetap bahagia meski apa pun natijahnya.

Ada pun manifestasi ikhtiar tidak tamat setakat itu sahaja, gumpalan kristal sago berinti kacang hijau dimasukkan pula ke dalam kukusan dan dikukus selama 20 minit sebagai lambang asosiasi tawakal selaku tumpuan terakhir dalam suatu usaha atau perjuangan. Berserah diri kepada Allah SWT setelah berusaha dan berikhtiar serta bekerja sesuai dengan kemampuan dalam mengikuti sunnah Allah yang ditetapkan.


Misalnya, seseorang yang meletakkan kenderaan di muka rumah, setelah dikunci rapat, barulah ia bertawakal sebagaimana pada era Rasulullah SAW ada seorang sahabat meninggalkan untanya tanpa diikat terlebih dahulu. Ketika ditanya, mengapa tidak diikat, ia menjawab, "saya telah



**Gumpalan sagu disusun dalam kukusan untuk dikukus**



**Sagu yang telah masak**



**Santan dimasak sebagai kuah**



**Campurkan sagu yang telah masak ke dalam kuah dan sedia dihidangkan**

benar-benar bertawakal kepada Allah". Nabi SAW tidak membenarkan jawapan tersebut lalu berkata, "ikatlah dan setelah itu bolehlah engkau bertawakal."

Itulah Sang Gupal satu resepi unik penuh simbolik khas diciptakan untuk mendidik anak bangsa Melayu-Islam supaya sentiasa berusaha dan bekerja keras demi mencapai cita-cita bukannya hanya mengharap pemberian-Nya tanpa sebarang ikhtiar. Berserah tanpa berusaha itulah namanya "**tawaakul**". Ia sifat yang sangat dicela Allah SWT seperti dalam Surah at-Taubah:105.

*"Dan katakanlah (wahai Muhammad), perbuatlah kalian semua amal, maka Allah, Rasul-Nya dan para mukminun akan melihat (amal-amal kamu sekalian)".*

Da'i menamatkan syarah santainya dengan congakan orang dapur sudah pun siap memasukkan buah-buah sagu jernih telus pandang berinti tompokan kacang hijau tadi ke dalam periuk yang berisi santan bercampur seinci halia, secubit halba, seulas bawang merah yang dimasak dengan api perlahan sehingga mendidih, lalu santan itu bertukar menjadi kuah likat yang lazat berbungu khasiat.

Falsafah resepi Sang Gupal amat unik dijalin rapi untuk membezakan konsep berserah membuta-tuli (tawaakul) dengan pasrah setelah gigih berikhtiar (tawakkul) atau di kalangan masyarakat Melayu kerap menyebut "tawakal".

Dua aksara "a" dalam diksi pertama sangat leweh bunyinya sesuai dengan sifat berharap sambil berpangku lengan amat ketara berbeza dengan pentaukidan qalqalah bagi sebutan dua huruf "k" pada perkataan kedua yang jelas menunjukkan iltizam dan cekal berusaha sebagaimana simbolik makna dizahirkan pada kuah santan yang lemak, masin dan manis berperisa halba dan bawang merah serta halia yang agak pedas tetapi bauran rasa dan aromanya sungguh menyelerakan.

Nah, terhidanglah sebuah lagi resepi kuih tradisi bernama Sang Gupal yang mendidik kita menolak tawaakul tetapi mempraktik tawakal.



# Nasi Air Dingin Ori Kak Soh pilihan ramai

Oleh Tuan Mohd Nor Tuan Yahya Foto Ahmad Naime Muhammad

Nasi Air Dingin tidak asing lagi di negeri Cik Siti Wan Kembang. Sebut sahaja mengenainya, sudah terbayang diminda nasi yang diselimuti kuah berwarna kuning keemasan, berlaukan ikan tongkol (aya), dihiasi sambal dan berulamkan timun. Menunya cukup ringkas namun mampu memecah selera terutamanya ketika sarapan pagi.

Pihak redaksi Qiadah pada kali ini berkesempatan merasai sendiri keenakan nasi Air Dingin yang original di kampung Air Dingin, Tumpat, Kelantan. Ikuti pengalaman kami di kedai Nasi Air Dingin 'ori' Kak Soh dan cerita ringkas mengenai kewujudan nasi berlauk yang tersohor ketika ini.

## Asal usul

Tidak ramai yang tahu di mana asal usul Nasi Air Dingin. Ia dikaitkan dengan nama sebuah kampung di Kelaboran, Tumpat. Bermula di Kampung Air Dingin, Tumpat pada awal tahun 1980-an, nasi Air Dingin mendapat sambutan ramai. Pada awalnya ia dikenali sebagai Nasi Pohon Buluh yang diusahakan oleh Allahyarham Rofiah Muhammad. Keenakan nasi berlauk yang diusahakan oleh Rofiah dan

keluarga membuatkan rumahnya menjadi tumpuan ramai. Dengan hanya bermodalkan RM300, Rofiah dan suami gigih berusaha mencari rezeki. Setiap bungkus dijual dengan harga 50 sen sahaja pada ketika itu.

Nasi Pohon Buluh diberi nama oleh orang kampung kerana terdapat rumpun pohon buluh di hadapan rumah milik Rofiah di kampung Air Dingin. Setelah mendapat sambutan menggalakkan, Rofiah berpindah ke seberang jalan di mana kedai tersebut kebetulan terletak bertentangan dengan papan tanda Air Dingin.

Nasi bungkus yang diusahakan Rofiah berlauk ikan dan ayam. Terdapat juga pelbagai menu lain yang disediakan termasuk nasi kerabu dan nasi lemak. Namun keenakan nasi berlauk ikan tongkol (aya) tetap juga menjadi pilihan ramai.

## Anak bongsu menyambung legasi

Setelah Rofiah meninggal dunia pada tahun 2013, anak bongsunya meneruskan perniagaan yang telah diusahakannya sekian lama. Hasrat Allahyarham tercapai



*Para pelanggan menikmati Nasi Berlauk Air Dingin Kak Soh*



*Azwan, Baharuddin dan Azirah*



*Pekerja membungkus nasi yang dipesan*

untuk mengembangkan lagi perniagaan untuk membuka kedai makan. Azirah Baharuddin, 29 dengan disokong suaminya Muhammad Azwan Abd Halim, 28, serta dibantu tujuh pekerja menyediakan nasi Air Dingin setiap awal pagi. Kerja-kerja bermula dengan menyang ikan, kemudian merebus, memasak dan membungkus nasi.

"Seawal jam 7 pagi sudah ada pelanggan yang datang. Mereka setia menanti nasi berlauk walaupun terpaksa beratur panjang. Ini mungkin kerana keunikan nasi berlauk ikan aya yang kami sediakan," kata Azirah ketika ditemui baru-baru ini.

Nasi berlauk Air Dingin "Ori" Kak Soh walaupun tidak dijual di tepi-tepi jalan, permintaan tetap menggalakkan. Setiap hari beliau memasak 100 kilogram beras bagi memenuhi permintaan pelanggan. Azirah berkata, walaupun peluang terbuka luas untuknya memasarkan nasi bungkusan berlauk ikan aya Kak Soh ke segenap pelusuk negeri, namun beliau tetap memasarkan di kedainya sendiri sahaja. Baginya menjaga kualiti dan keaslian resepi yang diwarisi arwah ibunya itu lebih penting.

"Alhamdulillah walaupun nasi berlauk kami tidak dijual secara meluas di tepi-tepi jalan, namun mungkin disebabkan resepi yang ditinggalkan oleh arwah ibu membuatkan orang ramai tetap datang ke kedai kami. Kami memberitahu

pelanggan Nasi Air Dingin Kak Soh bermula dengan titik peluh ibu kami sendiri," ujar beliau.

Ketika Azirah keluar bekerja, Muhammad Azwan menjaga kedai sepenuh masa. Beliau yang juga penjawat awam sebelum ini mengambil keputusan berhenti kerja demi meneruskan perniagaan kedai nasi Air Dingin yang ditinggalkan metuanya.

Bagi menjaga keaslian jenamanya, bungkusan dengan kertas putih beserta cap "Nasi Air Dingin Ori Kak Soh" digunakan untuk membezakan nasi berlauknya dengan yang lain supaya pelanggan tidak keliru. Malah nasi berlauk tersebut hanya boleh didapati di kedainya dan tidak dijual di tepi-tepi jalan atau kedai kopi. Itulah keunikan dan keaslian Nasi Air Dingin Ori Kak Soh.

Nasi Air Dingin Ori Kak Soh juga sedia menerima tempahan orang ramai untuk sarapan pagi. Mereka yang berminat boleh menghubunginya di talian 017-9570755.

### **Keenakannya diakui ramai**

Sementara itu seorang pelanggan Anuar Abdullah, 32 dari Pasir Puteh mengakui kelainan nasi berlauk Air Dingin Kak Soh. Beliau memberitahu keenakan itu kepada rakan-rakan



sehingga ramai datang menikmati keaslian nasi belauk Air Dingin Kak Soh.

"Pada mulanya saya menyangka nasi Air Dingin yang dijual di merata tempat datang dari kedai ini, namun setelah diberitahu kawan nasi berlauk tersebut bukan original menyebabkan saya datang sendiri ke sini. Bagi saya nasi Air Dingin Kak Soh tiada tandingannya," ujar beliau.

Faridah Muhammad, 53, dari Kampung Chenderung Batu berkata, Nasi Air Dingin Kak Soh menjadi pilihannya berbanding yang dijual di tepi-tepi jalan. "Makcik selalu datang ke kedai ini sekiranya ingin menikmati nasi Air Dingin, walaupun masih ada pilihan seperti yang dijual di tepi-tepi jalan," katanya.

### Nasi Husna tembusi pasaran Lembah Klang

Nasi Air Dingin Kak Soh telah membuka peluang kepada masyarakat sekitar mencari rezeki dengan konsep yang sama iaitu berniaga nasi berlauk untuk sarapan pagi. Sungguh hebat penangan nasi berlauk Kak Soh sehingga mereka yang menjual nasi seakannya juga berjaya, malah mampu menembusi pasaran ke luar negeri. Di antara 'jenama' baru yang muncul ekoran daripada nasi berlauk sedap tersebut ialah Husna Nasi Berlauk (HNB), Firda Nasi berlauk dan lain-lain lagi.

Husna Nasi Berlauk yang juga dari Kampung Air Dingin menggunakan konsep yang berbeza di mana nasi bungkus tersebut mudah didapati di tepi-tepi jalan. Nasi berlauk Air Dingin ikan tongkol keluarannya boleh didapati di beberapa daerah di Kelantan seperti Kota Bharu, Machang, Kuala Krai, Tanah Merah, Pasir Mas dan Pengkalan Kubor.

Orang ramai yang ingin menikmati Nasi Berlauk Husna tidak perlu bersusah-payah datang ke Kampung Air Dingin. Penjual menyediakan nasi berlauk Husna di gerai di tepi-tepi jalan. Bungkus nasi keluaran Husna boleh dicamkan melalui kertas bungkus yang dicap namanya. Sepanduk Nasi Air Dingin juga dipasang di gerai-gerai supaya dapat menjadi tarikan kepada pelanggan.

Pengusaha Nasi Berlauk di Kampung Air Dingin yang berjenama Husna, Ruslina Dollah, 48 memberitahu hampir 5,000 bungkus disediakannya setiap hari. Lebih mengujakan lagi nasi berlauk keluarannya turut dijual di Lembah Klang.

Ketika ditemui beliau berkata, pelopor nasi bungkus di kampung itu ialah Kak Soh (Rofiah Muhammad) di era tahun 1980-an. Bagaimanapun sekarang nasi bungkus ikan tongkol Kampung Air Dingin turut diusahakan beberapa penduduk lain. Ruslina turut bersyukur ramai penduduk kampung itu dapat mencari rezeki selepas nasi Air Dingin semakin berkembang.

"Alhamdulillah rezeki orang kampung dapat dinikmati bersama-sama. Di tempat saya sekarang ada 26 pekerja menyediakan nasi bungkus seawal jam 1 pagi. Ada juga pekerja yang masuk jam 3.30 pagi dan 5.30 pagi. Mereka bekerja secara shif," katanya.

Menurutnya juga terdapat lebih 100 pembekal yang berlanggan secara tetap nasi bungkus untuk dihantar



Roslina Dollah



ke pelbagai tempat di Kelantan. Ada juga pembekal menghantar ke Lembah Klang dengan kapal terbang. "Saya memberi peluang orang lain memasarkannya. Saya hanya membekalkan nasi berlauk sahaja. Kita kongsi rezeki yang dianugerahkan oleh Allah," ujar beliau.

Mengimbu sejarahinya, Ruslina memberitahu pada awalnya beliau berniaga kecil-kecilan di Pasar Tumpat dengan menjual nasi lemak. Pada tahun 2006 beliau memulakan penjualan nasi bungkus di warung kecil berhampiran rumahnya.

"Bermula dari situlah timbulnya idea untuk menjadikan pembungkusan nasi berlauk dan menggabungkan nama suami (Husin) dan namanya (Ruslina) menjadi Husna Nasi Berlauk Kampung Air Dingin," ujarinya.

Hari ini nama nasi Air Dingin tidak asing lagi apabila ia telah meluas ke luar Kelantan dan keunikannya dapat dinikmati bersama.



SYARIKAT MUDA OSMAN SDN BHD

# SMO

## Syarikat Muda Osman

### Syarikat keluarga dengan 22 cawangan

Oleh Salmah Hussain Foto Ahmad Naime Muhammad



*Haji Ahmed Azim*

Syarikat Muda Osman (SMO) terkenal sejak sekian lama khususnya di negeri Kelantan. Walaupun ada beberapa lagi syarikat yang menjadi pengedar buku yang tidak kurang juga hebatnya, namun SMO juga menjadi pilihan masyarakat. Tidak hairanlah ia kini mempunyai keahlian hampir 200,000 orang di seluruh negara.

Ramai yang tidak tahu sejarah penubuhan SMO, seperti siapakah pengasasnya, dan sejak bila ia ditubuhkan. SMO ditubuhkan pada tahun 1939, oleh pengasasnya Muda Osman (Allahyarham).

Pada peringkat awalnya SMO bukan hanya tertumpu sebagai pengedar buku semata-mata, sebaliknya pengedaran serta memasarkan rokok di sekitar daerah Pasir Mas, di samping alat-alat tulis. Memandangkan perniagaan itu semakin berkembang, Muda Osman melebarkan sayap perniagaannya sehingga ke ibu negeri Kelantan - Kota Bharu.

Sejajar dengan perkembangan pesat yang membanggakan itu, SMO diperbadankan pada 28 Ogos 1987.

Ketika ini, generasi kedua SMO diurus tadbir oleh anak-anak allahyarham, iaitu Hassan Osman dan Yusof Osman. Di bawah pengurusan merekalah bermulanya sejarah yang



*GudangStok*

mencipta nama SMO yang tersendiri, sehingga lahir sebuah syarikat bumiputera yang berjaya serta terkenal di seluruh negara sebagai SMO Bookstore.

Pada tahun 1993, SMO diamanahkan sebagai pengedar tunggal MTC Marketing Sdn Bhd untuk seluruh negeri Kelantan dan Utara Terengganu. Bagaimanapun pada November 1999, ekoran penggabungan syarikat induk Malaysian Tobacco Company Berhad dengan Rothman International Berhad, SMO akhirnya membuat keputusan menarik diri dari bidang pengedaran rokok.

Sebagai strategi barunya, SMO mengembangkan perniagaan pengedaran buku dan alat tulis berjenama, dengan membuka cawangan di sekitar negeri Kelantan, Terengganu dan seterusnya ke negeri-negeri lain di sebelah utara.

Kini SMO sebahagian besarnya telah diurus tadbir oleh generasi ketiga, yang menjadi tulang belakang penting bagi memacu perkembangan syarikat. Pada tahun 1998 ia telah menambah modal yang dibenarkan dari RM500,000 kepada RM1.05 juta, memandangkan prestasi syarikat yang dianggotai keluarga ini semakin kukuh dalam keupayaan perniagaan dan kestabilan kewangannya.



*Kota Bharu*



Menurut Pengarah Urusannya Haji Ahmed Azim Osman, Ahli Lembaga Pengarahnya kini dianggotai oleh generasi kedua dan ketiga SMO - Haji Zailek Hassan, Haji Yussof Muda, Haji Ahmed Kamel Che Muda, Noor Hisham Yusoff, Ahmed Azman Osman dan dirinya sendiri.

Dalam proses untuk mengembangkan lagi perniagaannya beliau merancang untuk menambahkan lagi cawangan yang ada kini sebanyak 22 buah. Dari jumlah itu 16 terdapat di Kelantan, 3 di Terengganu, 3 Selangor dan satu di Alor Setar, Kedah. Jumlah kakitangannya di semua cawangan kini seramai 350 orang.

Selain itu, SMO turut mendapat tawaran dari beberapa buah pasar raya seperti Tesco dan Giant Hypermarket, di samping pasar raya lain di luar Kelantan; malah ia menjadi keutamaan pihaknya setakat ini.

Menurut Azim, ilmu dan pengalaman amatlah penting untuk menduduki jawatan-jawatan tertentu dalam SMO.

Beliau tidak menafikan pengajian yang khusus perlu diambil oleh setiap bakal pelapis SMO, berkaitan pentadbiran, perniagaan, pemasaran dan sebagainya.

Azim adalah seorang pentadbir SMO yang bermula dari bawah, iaitu ketika syarikat masih mengendalikan perniagaan rokok pada Januari 1994.

Beliau melanjutkan pengajian di peringkat Diploma Business and Management di sebuah Kolej di Kuala Lumpur untuk menambah ilmu bagi mewarisi syarikat yang diasaskan oleh Allahyarham datuknya bersama bapa saudara dan sepupunya.

Beliau berpendapat, pengalaman lebih mahal dari segalanya kerana pengalaman membuatkan seseorang itu berani untuk meneruskan perjuangan dalam bidang perniagaan yang diceburi. Dari pengalaman juga mereka akan mengenali dunia perniagaan yang diceburi.



**Tanah Merah**



**Machang**

“Macam saya sendiri membantu ayah, sejak kecil lagi dah mula berniaga. Ketika usia sembilan tahun saya sudah boleh berurusan dengan pelanggan di kaunter,” ujarnya.

Menyentuh tentang jawatan yang disandang oleh setiap anggota keluarga dalam syarikat, beliau memberitahu ia tidaklah boleh diminta sesuka hati. Sebaliknya ia akan dinilai oleh ahli-ahli Lembaga Pengarah untuk melantik sesiapa yang berkelayakan serta bersesuaian dengan prestasi kerja.

“Yang lantik kita ni bukan diri kita sendiri, tetapi ahli-ahli Lembaga Pengarah,” ujar Azim. “Sekiranya mereka tidak berpuas hati terhadap individu yang menyandang jawatan tertentu, ia akan dibincangkan dalam mesyuarat. Tetapi setakat ini Alhamdulillah, ia belum berlaku.”

Setiap kakitangan syarikat perlu menghormati setiap keputusan yang dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah. Rasa tanggungjawab terhadap keluarga perlu disemai, kerana SMO adalah untuk kehidupan keluarga, kerana ia diwujudkan oleh datuk mereka sendiri.

“Sekiranya timbul sebarang masalah kami akan menyelesaikannya secara berhemah bersama Ahli Lembaga Pengarah. Setiap masalah akan diselesaikan mengikut suara ramai. Sebagai contoh, sekiranya berkait dengan pembukaan cawangan baru, ia memerlukan pandangan semua anggota dalam Ahli Lembaga Pengarah.”

Jelas Azim lagi - kajian terperinci dari segi tempat itu perlu dibuat, sama ada ia sesuai atau tidak, strategik atau sebaliknya. Data taburan penduduk juga diperlukan di samping jumlah sekolah yang ada di sekitar cawangan baru yang bakal ditubuhkan itu.

Berkaitan tahap pembacaan masyarakat di negara ini, khususnya Kelantan, beliau tidak menafikan masyarakat kita sekarang semakin minat membaca. “Kalau dulu pihak kami hanya menjual buku-buku yang berkait rapat dengan sekolah sahaja, contohnya buku teks, kajian, latihan atau seumpamanya; tetapi akhir-akhir ini khususnya lima tahun kebelakangan, buku-buku umum seperti motivasi, agama dan novel begitu tinggi permintaannya,” ujar Azim.

Misalnya, sebelum ini SMO hanya mampu menjual sekitar 20 hingga 30 naskah untuk satu-satu tajuk buku motivasi. Namun kini jumlahnya sudah meningkat kepada 1,000 hingga 2,000 naskah bagi satu tajuk.

Contoh lain, katanya, buku agama keluaran PTS yang berjudul ‘*Deme Wasap Ambe Reply*’, bersama Ustaz Azhar Idrus. Ia adalah antara buku paling laris di SMO sehingga mampu mencecah jualan sebanyak 1,000 naskah dalam tempoh seminggu.

“Novel ‘*Andai Itu Takdirnya 2*’ karya Siti Rosmizah memang paling laris setakat ini. Saya order 1,500 dalam masa seminggu habis terjual,” ujar Azim lagi.

Menurutnya, setiap drama yang diadaptasi dari novel, seperti ‘*Hati Perempuan*’, ‘*Isteri Separuh Masa*’, ‘*Suamiku Encik Sotong*’, permintaan novel-novel tersebut amat tinggi sebaik sahaja ia disiarkan di kaca televisyen. ‘*Isteri Luar Biasa*’ misalnya, berjaya dijual lebih 50 naskah dalam sehari, walaupun ia disiarkan di televisyen.

Terdapat dua jenis buku yang diedar oleh SMO, iaitu buku umum dan novel. Buku umum terdiri daripada motivasi, agama, undang-undang, kanak-kanak, al-Quran, dan akademik bermula tadika, sekolah rendah, menengah dan IPT. Permintaan buku sekolah akan melonjak naik apabila musim ‘*Kembali Ke Sekolah*’ bermula.

“Ketika ini bukan hanya buku-buku tulis atau rujukan, sebaliknya alat-alat tulis yang diambil khas dari pembekal utama di negara kita juga dijual. Apa yang penting kami menyediakan barangan yang berjenama serta bermutu tinggi seperti faber castel, shawn stabilo, staedtler,” ujarnya.

SMO juga turut membekalkan alat tulis dari negara China, yang dipilih dari produk yang berjenama serta berkualiti, bagi menjamin kepuasan pelanggan walaupun pada harga yang agak tinggi.

Dengan mendaftar menjadi ahli sebanyak RM5, pelanggan akan mendapat potongan harga dari 10 hingga 30 peratus dari harga asal sesebuah buku. Untuk ini SMO menyediakan senarai 50 hingga 100 judul buku baru yang terpilih pada setiap hujung bulan.

Sewaktu musim Kembali ke Sekolah dan bulan Ramadan pula, potongan harga diberi kepada para ahli selama sebulan. “Cuma bezanya bulan Ramadan tertumpu pada buku-buku agama, al-Quran, buku resipi dan buku yang berkaitan dekorasi kediaman, di mana ketika ini permintaannya cukup tinggi,” ujar Azim.



*Kuala Krai*

Menyentuh tentang jenama baru 'SMO Bookstores', Azim memberitahu ia terpaksa ditambah 'Bookstores' bagi memperkenalkan kepada pihak luar bahawa SMO adalah sebuah syarikat yang menjual bahan bacaan dan alat-alat tulis.

Katanya, bagi masyarakat Kelantan, sebut sahaja SMO sudah tentu apa yang terbayang di fikiran mereka adalah bahan bacaan, alat tulis dan sebagainya. Namun bagi masyarakat luar mereka tidak mengetahuinya sekiranya tidak diperkenalkan awal lagi sebagai tempat jualan buku."

Pada Disember 2014 lalu Kelantan telah dilanda banjir besar sehingga tercatat sebagai banjir paling buruk dalam sejarah, walaupun dibandingkan dengan 'bah merah' atau banjir tahun 1937. SMO adalah antara syarikat yang turut mengalami kerugian besar akibat banjir itu, sehingga mencecah lebih RM1 juta.

Dua cawangan yang terjejas teruk akibat banjir itu satunya cawangan di Kuala Krai, di mana banjir yang melanda hampir menenggelamkan kedai dua tingkat. Manakala sebuah lagi di Tanah Merah, iaitu kedai yang terletak berhampiran sungai.

Selain itu dua buah kedai di Wakaf Che Yeh juga turut dinaiki air, iaitu paras lutut di dalam kedai. Di Taman Bendahara air setinggi paras pinggang di dalam kedai. Bagaimanapun, sebahagian besar buku berjaya diselamatkan.

Kata Azim, "Apalagi penghujung tahun, pihak kami menyediakan banyak buku untuk dijual sebagai persediaan bagi pelajar kembali ke sekolah. Kosnya memang tinggi, namun Alhamdulillah syarikat kami mendapat perlindungan insurans, walaupun sehingga kini kami belum lagi menerimanya."

Sebagai orang Islam, Azim tidak menafikan setiap apa yang berlaku ada hikmahnya yang tersendiri. Sebagai manusia ia tidak dapat difikirkan tentang kejadian yang ditimpakan

terhadap mereka, namun apabila difikirkan serta dinilai ia tetap mempunyai hikmahnya sendiri.

Sebahagian mangsa banjir terpaksa membeli semula kelengkapan sekolah setelah keperluan itu musnah ditenggelami banjir. Mereka mendapat sumbangan orang ramai sama ada dari masyarakat Kelantan atau penderma dari seluruh Negara.

Kata Azim, "rezeki untuk kami Allah gantikan. Pelanggan kami juga Allah gantikan melalui sifat dermawan orang ramai dari seluruh negara yang datang membeli di kedai kami untuk didermakan kepada mangsa banjir, menyebabkan jualan kami akhir Disember 2014 hingga awal Januari tahun ini begitu melonjak, berbanding tahun-tahun sebelum ini."

Walaupun mengalami kerugian bernilai jutaan Ringgit, namun sebagai melahirkan rasa syukur kerana rezeki kurniaan Allah yang tidak pernah padam, SMO turut membantu mangsa-mangsa banjir dengan menyalurkan sumbangan peralatan sekolah di samping keperluan lain.

Akhirnya, menyentuh tentang kerjasama kakitangan syarikatnya, Azim mengakui sokongan mereka dari pelbagai peringkat, dari bawah hingga kepada Ahli Lembaga Pengarah, menyebabkan nama SMO begitu dikenali. Ada di antara mereka yang sudah bekerja lebih 20 tahun, sama-sama memajukan syarikat, bermula dari peringkat bawah.

Menariknya, SMO tidak menganggap kakitangannya sebagai pekerja, sebaliknya sebagai anggota keluarga yang disifatkan sebagai peralatan untuk membina sebuah rumah yang saling melengkapi antara satu sama lain.

"Pekerja yang telah lama berkhidmat dengan kami khususnya, dianggap umpama keluarga sendiri, kerana itu kami menghadiahkan mereka mengerjakan umrah atau haji di Mekah," ujarnya mengakhiri sesi temubual dengan *Qiadah*.



# SKUAD SUKARELAWAN MAHABBAH PMBK 2014

*Oleh Muhammad Najid Abdullah*

*Foto Ahmad Nai'me Muhammad & Syazaima Arham Yahya Ariff*

Ustaz Dato' Ahmad Yakob selaku Pengerusi Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Haji Ahmad Zakie Ahmad Shariff telah berbesar hati bersetuju dengan penglibatan 20 orang kakitangan PMBK sebagai Sukarelawan Mahabbah bagi membantu mangsa banjir yang memerlukan bantuan dari segi keperluan barangan asas sepanjang banjir besar yang melanda negeri ini.

Skuad Sukarelawan Mahabbah PMBK secara rasmi telah menyinsing lengan memberikan bantuan kepada mangsa banjir pada 18 Disember 2014 semasa gelombang pertama di Rantau Panjang dan Pasir Puteh. Disusuli pula dengan gelombang kedua pada 25 Disember 2014 yang menelan banyak daratan sekitar Kelantan termasuk yang terburuk di Gua Musang, Kuala Krai dan Tumpat.



Secara teknikal, Skwad Sukarelawan ini digerakkan di bawah seliaan Ketua Pegawai Operasi, Sanusi Hj Othman dibantu oleh Zuraidah Husin dan Nik Mohd Alimin Nik Mohd Alwi.

Anggota skuad pula terdiri daripada kakitangan PMBK dari semua jabatan melibatkan lelaki dan perempuan. Posisi pula pastinya pelbagai mengikut kudrat tenaga yang boleh dijanakan. Di antara tugas utama skuad adalah menyelenggara barang perbekalan dan mengagihkannya mengikut keperluan dan permintaan. Tugas bermula di awal pagi sehingga ke tengah malam mengikut keadaan.

Kawasan yang terjejas teruk seperti Sungai Durian, Manek Urai dan Lata Rek, Kuala Krai menjadi keutamaan dalam proses agihan barangan, begitu juga kawasan-kawasan lain yang boleh dimasuki menggunakan pacuan empat roda. Kawasan sekitar Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan Pengkalan Chepa juga sempat disantuni dengan menghantar barangan keperluan di pusat-pusat pemindahan.

Barangan keperluan seperti air mineral, roti, sardin, aneka biskut, bijirin kurma, telekung solat, selimut, barangan keperluan bayi seperti susu, lampin pakai buang dan pelbagai pakaian terpakai diedarkan.





Selain bekalan disediakan menggunakan peruntukan PMBK, beberapa NGO, syarikat korporat dan orang persendirian telah menghulurkan bantuan membekalkan barangan bantuan banjir.

Setelah banjir beransur pulih, skuad Sukarelawan Cuci PMBK diwujudkan dengan tujuan membersihkan rumah kakitangan yang terjejas teruk akibat banjir. Ia diketuai oleh Nik Aida Nik Mohamed dan Syazaima Arham Yahya Ariff serta 10 kakitangan PMBK yang mana kediaman mereka tidak terlibat dengan banjir kuning ini.

Usaha murni ini tidak berhenti setakat itu apabila Skuad Cuci PMBK turut menyertai OPS Cuci bersama NGO Old Putra Associate RMC dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandar Raya Islam (MPKB-BRI) membantu operasi mencuci sekolah-sekolah

di sekitar Kota Bharu. Seramai lima belas orang kakitangan PMBK terlibat dalam operasi ini.

Manakala Skuad Mahabbah PMBK yang terdiri daripada sepuluh orang kakitangan lelaki PMBK telah menyertai misi mencuci Pasar Besar Kuala Krai bersama Majlis Daerah Kuala Krai dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lain. Operasi ini dirasmikan oleh Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan.

Justeru sejak gelombang pertama sehingga berlarutan ke gelombang kedua banjir, malah operasi pasca banjir menyaksikan anggota skuad Mahabbah PMBK dan Skuad Cuci PMBK telah menunjukkan tahap komitmen yang tinggi. Ada sebahagiannya telah berkampung di bilik operasi bekalan iaitu di pejabat Majaari Services Sdn Bhd dan Homestay skuad di Kubang Kerian selama beberapa hari.

Komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan perlu diberikan penghargaan. Tidak perlukan majlis keraian yang gilang-gemilang tetapi memadai dengan doa tadahan agar segala kebaikan dan keihlasan yang ditunjukkan akan dibalasi Allah SWT jua di akhirat nanti.

Tahniah dan syabas. Hanya Allah SWT jua yang layak mengganjarkan pahala atas kudrat tenaga, idea dan komitmen masa yang telah diberikan.



# MAJLIS PERASMIAN PROJEK RUMAH MAMPU MILIK KELANTAN (RMMK)

## dan Pembangunan Bercampur Bandar Saujana Harmoni

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Tunjong Development Corporation Sdn Bhd (TDC) dengan kerjasama ML Synergy telah menganjurkan satu Majlis Perasmian Projek Rumah Mampu Milik Kelantan (RMMK) & Pembangunan Bercampur Bandar Saujana Harmoni di Kampung Tanah Puteh, Gua Musang, Kelantan. Majlis yang berlangsung pada 21 Ogos 2014 ini telah dirasmikan oleh Ustaz Dato' Hj Ahmad Yakob selaku Menteri Besar Kelantan.

Antara tetamu kenamaan lain yang turut hadir adalah Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan, Dato' Speaker, para Ahli Dewan Undangan Negeri, Ketua Jajahan Gua Musang, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK dan lain-lain. Majlis tersebut dimulakan dengan solat hajat yang diimamkan oleh Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan sendiri.

TDC merupakan salah satu syarikat yang diberi kepercayaan oleh Kerajaan Negeri Kelantan (KNK) melalui PMBK untuk mendirikan 5,000 projek RMMK dalam tempoh 5 tahun.

TDC dengan usahasanya, ML Synergy telah berjaya memperkenalkan System Industrialist Bulding System (IBS), yang mampu menjimatkan tempoh pembinaan (dari 4 bulan kepada 3 minggu) sahaja. Dasar KNK dalam membina RMMK adalah memberi rumah yang selesa seperti mewajibkan tiga bilik tidur bagi sesebuah rumah. Jumlah pembinaan RMMK dalam pembangunan bercampur Bandar Saujana Harmoni ini adalah sebanyak 122 unit.

Dikesempatan itu juga, Menteri Besar Kelantan mengambil peluang mengadakan lawatan ke tapak bagi melihat sendiri bagaimana Sistem IBS berfungsi dan seterusnya melawat ke rumah contoh bagi RMMK Tanah Puteh.

Majlis diakhiri dengan Sambutan Aidilfitri Peringkat Jajahan Gua Musang yang berlangsung di kediaman rasmi Ketua Jajahan Gua Musang.





# PROGRAM MAHABBAH BUBUR ASYURA 1436H

Oleh Muhammad Najid Abdullah Foto Muhammad Ridhwan Ab Rahim

Program anjuran Jawatankuasa Bersama Pembangunan Aktiviti Masjid Kota Darul Naim (JAMiL) dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Kelantan dan Air Kelantan Sdn Bhd yang bertempat di perkarangan parkir terbuka PMBK ini bermula seawal jam 4 pagi. Sebanyak lima buah kawah bubur asyura disediakan. Menggunakan resipi tradisi bubur asyura warisan Kelantan, bubur berjaya disiapkan pada jam 11 pagi.

Dengan kerjasama dan gotong-royong yang disusun secara berjadual melibatkan 200 kakitangan PMBK dan AKSB,

bubur Asyura berjaya diagihkan kepada semua kakitangan seawal jam 12 tengahari. Sesungguhnya program sebegini mempunyai motif yang jelas iaitu sebagai agenda penyatuan tautan ukhuwah antara kakitangan.

Sekalipun program asyura dikaitkan dengan pelbagai peristiwa termasuk sirah Nabi Musa as yang memulakan agenda ini selepas terselamat daripada Firaun setelah menyeberangi Laut Merah, namun untuk masyarakat hari ini ia menjadi medan komunikasi dan interpersonal sosial yang baik dalam masyarakat.



Dek kerana kekangan masa dan tugas menjadikan manusia hari ini sibuk dengan aktiviti sendiri. Untuk itulah program sebegini mengumpulkan mereka dalam satu komuniti bagi menyiapkan bubur asyura yang mengambil masa 7 ke 8 jam untuk disiapkan. Itulah hikmah terbesar untuk kita hari ini disamping nostalgia peristiwa-peristiwa yang dinyatakan.

Program sehari ini juga turut dihadiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK dan Ketua Pegawai Operasi. Penglibatan kakitangan secara berjadual juga adalah faktor kejayaan menyiapkan bubur asyura sebagaimana yang dijadualkan.

Agihan untuk seluruh kakitangan di bangunan PMBK dan Pejabat Menteri Besar serta EXCO Kerajaan Negeri juga telah selesai dilakukan sekitar jam 2 petang. Proses pembersihan tempat pula hanya mengambil masa selama 2 jam. Kesemua ini dilakukan dengan mengambil berkat aktiviti secara kerjasama ibarat pepatah "yang berat sama dipikul, yang ringan dijinjing sama".



# CEMPAKA BERJAYA ANJURKAN KARNIVAL JUALAN BARANGAN TERPAKAI

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Kelab Muslimat Perbadanan Menteri Besar Kelantan (CEMPAKA) telah berjaya menganjurkan satu Karnival Jualan Barangan Terpakai pada 5 hingga 6 Muharam 1436H bersamaan 28 hingga 29 November 2014 bertempat di Bazar Tok Guru, Kota Bharu, Kelantan. CEMPAKA yang ditubuhkan pada tahun 2009 dianggotai oleh kakitangan muslimat PMBK dan Kumpulan yang berperanan sebagai perantara kepada hasrat wanita Kelantan dengan kerajaan negeri bagi merealisasikan kehendak wanita Kelantan. Ia juga ditubuhkan untuk menggalakkan dan mendorong penglibatan muslimat-muslimat Kelantan dalam aktiviti yang berfaedah.

Objektif karnival ini adalah untuk mempromosikan Bazar Tok Guru (BTG) kepada masyarakat sebagai mercu tanda



pusat beli-belah yang baru di Kelantan disamping memberi peluang kepada mereka untuk memperolehi pendapatan sampingan hasil daripada jualan barangan terpakai. Ia juga bertujuan sebagai salah satu cara mengumpul dana bagi tabung CEMPAKA.

Majlis perasmian telah diadakan pada hari pertama karnival iaitu 28 November 2014 oleh Datin Hj Siti Zabidah Abd Hamid, selaku Penaung Kelab Muslimat PMBK. Karnival yang julung-julung kalinya diadakan di Bazar Tok Guru telah menarik minat masyarakat di mana ia dapat memberi peluang kepada suri rumah dan usahawan kecil dalam membantu mereka memperkenalkan barangan atau produk masing-masing kepada umum.

Lebih daripada 80 lot kedai dibuka sempena karnival tersebut berlangsung. Sambutan dan kunjungan yang diterima amatlah memuaskan. Karnival ini dibahagikan kepada beberapa segmen utama iaitu penjualan barangan terpakai dan baru, barangan online, demonstrasi dan penjualan makanan/minuman.

Islam tidak menggalakkan pembaziran kerana ia adalah perbuatan syaitan. Jadi daripada dibuang begitu sahaja barang tersebut, lebih baik disedekahkan atau dijual semula kepada orang lain. Islam juga amat menggalakkan kaum hawa menceburi bidang perniagaan sepertimana Saidatina Siti Khadijah yang begitu gigih dalam perniagaan. Beliau merupakan seorang isteri, sahabat dan kekasih yang penyayang kepada baginda Rasulullah SAW. Namun, disebalik sifatnya yang lembut dan penyayang itu, beliau merupakan seorang ahli perniagaan wanita yang amat dikenali sekitar tahun 585 Masihi.





# PMBK & KUMPULAN di 5<sup>th</sup> OIC World Biz 2014

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad

Pertubuhan Kerjasama Islam atau OIC (Organisation of Islamic Cooperation) ialah satu pertubuhan antarabangsa dalam kalangan negara-negara Islam yang mempunyai delegasi tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Organisasi ini terdiri daripada gabungan 57 negara-negara Islam seluruh dunia yang kebanyakannya dari negara-negara Timur Tengah dan utara Afrika, Caucasus, Asia Tenggara, Asia Tengah, Balkan dan Asia Selatan.

Persidangan OIC World Biz 2014 yang kelima telah berlangsung pada 11 hingga 14 November 2014 bertempat di Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur. Majlis perasmian persidangan OIC telah disempurnakan oleh Tun Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam. Antara petikan ucapan beliau adalah, "tidak kira bagaimana kita berjaya, kita mesti sentiasa ingat mereka yang miskin melalui zakat dan wakaf."

Sebanyak 700 syarikat daripada seluruh negara telah menyertai pameran tersebut. Tidak ketinggalan Kerajaan Negeri Kelantan juga turut diundang menyertai program tersebut yang diwakili oleh Perbadanan Menteri Besar



Kelantan (PMBK) dan Kumpulan, Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Kumpulan, Perbadanan Bandar Baru Tunjong dan Pusat Pelaburan Negeri Kelantan. Antara syarikat yang menyertai pameran tersebut ialah Johor Corporation Sdn Bhd, Brunei Tourism, Ladybird Entertainment (Iran), Refrigeration Industries (Kuwait), Bangladesh Organic Products Manufacturers Association, Miyako International Tourist Co. (Japan), Unit Perancang Ekonomi Negeri Sembilan, Unit Perancang Ekonomi Terengganu, State of Kuwait, Kementerian Pendidikan dan banyak lagi.

PMBK dan Kumpulan turut mempromosikan produk antaranya pemilikan ruang niaga di Bazar Tok Guru, penjualan Dinar dan Dirham, produk kecantikan berasaskan bahan semulajadi Nutrifera dan industri gaharu (agarwood).

Pameran yang berlangsung selama empat hari amat meriah dengan kehadiran tetamu-tetamu kehormat ke ruang pameran PMBK. Antara tetamu yang hadir ialah Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir; Dato' Sri DiRaja Haji Adnan Haji Yaakob, Menteri Besar Pahang; Mr. Haji Ibrahim Nehramli, President of Avesta Concern, Azerbaijan, Dr. Nabyl Eddahar, dan beberapa ahli OIC yang lain.

Pelbagai manfaat yang diperolehi antaranya dapat memperkenalkan dinar dan dirham sebagai mata wang syariah yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Kelantan serta masyarakat umum dapat lebih mengetahui pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan di Kelantan.

MAJLIS UCAPTAMA  
 KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN  
 PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN

*"Untung Dunia, Untung Akhir"*


# Majlis Ucaptama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan 2015

Oleh Siti Norazami Mohd Anuar Foto Ahmad Nai'me Muhammad



Perbadanan Menteri Besar Kelantan telah menganjurkan satu Majlis Ucaptama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan 2015 pada 18 Rabiul Akhir 1436H bersamaan 08 Februari 2015. Majlis tersebut telah dihadiri oleh Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan, Ahli Jawatankuasa Penasihat PMBK, kakitangan PMBK dan kumpulan.

Dalam mengendalikan sebuah kumpulan yang penting seperti PMBK ini ianya bukan perkara mudah. Sebagai kumpulan yang mempunyai dua paksi yang sama pentingnya iaitu paksi komersial (paksi perniagaan) dan paksi kebajikan yang menjadikan kita sebagai wakil kepada Menteri Besar. Manakala yang penting dalam sudut paksi komersial adalah kebolehpercayaan rakyat kepada kita.

Sebagaimana sedia maklum dengan penutup tirai 2014 yang tidak berapa elok bagi negeri Kelantan iaitu bencana banjir yang tidak dijangkakan terjadi begitu besar. (Ia adalah satu bencana banjir besar yang tidak pernah dialami oleh



Negeri Kelantan). Kesan kepada rakyat dan ekonomi Negeri Kelantan bahkan kepada anak syarikat PMBK sendiri amat menyedihkan.

Contoh yang boleh diambil adalah seperti yang berlaku kepada Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) di mana apabila berlaku banjir dan bekalan elektrik diputuskan, maka bekalan air bersih juga turut berhenti disalurkan kepada rakyat. Di sini dapat dilihat kerja pembersihan loji-loji AKSB dilakukan dengan bertungkus lumus tanpa henti untuk menyalurkan bekalan air bersih kepada rakyat. Syabas dan terima kasih kepada warga AKSB dalam menjayakan pemulihan saluran bekalan air bersih seperti sedia kala.

Di Gua Musang, ladang-ladang milik PMBK Sawit Sdn Bhd juga terkesan dengan bencana banjir yang dialami. Kerosakan kepada prasarana seperti jalan yang dilalui di ladang dan jambatan yang dibuat telah rosak dan hanyut. Mereka terpaksa menggunakan sumber yang sedia ada untuk membangun pulih ladang-ladang tersebut. Manakala di Jeli, syarikat Sihhat-Afiat Sdn Bhd dilanda tanah runtuh dan sebahagian besar dinding kilangnya pecah dan aktiviti pemprosesan air terpaksa diberhentikan.

Kejadian bencana banjir ini boleh dirumuskan sebagai pembuka tirai 2015 yang amat mencabar. Melihat kepada ekonomi Malaysia sendiri pada tahun 2015 ini, dijangkakan ia bukan satu perkara yang nyaman dan selesa. Ini adalah kerana berlakunya kejatuhan harga minyak dunia dan ianya akan menjejaskan kepada hasil pengeluaran negara. Kita juga sedia maklum bahawa nilai Ringgit Malaysia semakin menurun berbanding dengan negara jiran dan negara lain dan ianya juga menjejaskan perbelanjaan seharian.

Jika dikaitkan dengan ekonomi negara yang mencabar ini, pergerakan PMBK sebagai satu kumpulan harus lebih mantap. Sebagai sebuah kumpulan yang berkait rapat dengan kerajaan negeri, PMBK perlu menangani cabaran-cabaran perniagaan yang luar biasa pada tahun 2015. Segala pertumbuhan yang dirancang mesti diteliti dengan lebih

baik serta kelestarian perniagaan wajib diberi keutamaan dan yang paling penting adalah pembangunan insan harus dimantapkan. Dengan itulah dapat mentransformasikan cara untuk mengendalikan perniagaan ini dengan matlamat yang masih sama dan memperkukuhkan sumber manusia yang sedia ada.

Kita juga inginkan tahap operasi yang efisien untuk kumpulan PMBK bagi memenuhi kepentingan pemegang taruh, rakyat, kerajaan dan menyumbangkan kepada hasil negeri. Keutamaan tahun 2015 adalah transformasi kumpulan PMBK. Kumpulan PMBK menceburi pelbagai bidang perniagaan dan untuk menyatukan kesemuanya, kita perlu ada bimbingan dari orang yang lebih berpengalaman dan perlu ada rasa kekeluargaan di antara satu sama lain.

Merujuk kata-kata sebuah buku iaitu dari tulisan Professor Noel M. Tichy – “syarikat-syarikat yang akan berjaya di masa hadapan adalah syarikat yang besar, pantas dan bijak”. Petikan tersebut akan diambil untuk dijadikan sebagai asas bagi Kumpulan PMBK. Di dalam peta transformasi Kumpulan PMBK, akan diwujudkan sejumlah sumber manusia yang bijak dengan diberikan didikan, latihan dan pendedahan supaya setiap kakitangan dapat menjadi lebih mantap dalam membuat keputusan. Sebagai syarikat induk, PMBK merupakan pusat perangkaan strategik bagi kumpulan PMBK.

Semangat kekeluargaan juga perlu diterap dan dihidupkan dalam setiap kakitangan Kumpulan PMBK untuk melalui setiap cabaran yang ditekankan kepada Kumpulan PMBK. Sokongan padu antara syarikat juga perlu menjadi erat agar sama-sama dapat menolok antara satu sama lain. Oleh yang demikian, satu program hari keluarga dan festival sukan telah dirancang yang melibatkan kesemua Kumpulan PMBK dan ahli keluarga kakitangan Kumpulan PMBK. Tidak lupa juga kepada teras pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan iaitu UMI – Ubudiyah, Mas’uliyah dan Itqan yang perlu diterapkan di dalam diri setiap kakitangan Kumpulan PMBK.



# Majlis Penyampaian Skim Bantuan Imam al-Ghazali 2015

**PMBK belanja RM375,000 bantu pelajar miskin**

*Oleh Shariah Derahman Foto Ahmad Nai'me Muhammad*



Memenuhi tanggungjawab sebagai sebuah agensi kerajaan negeri Kelantan, PMBK berperanan dalam menyalurkan bantuan kepada pelajar-pelajar cemerlang yang kurang berkemampuan. Bantuan ini diteruskan lagi pada tahun ini dengan tambahan 25 orang pelajar lagi menjadikan jumlahnya seramai 75 orang yang terpilih dari setiap Dewan Undangan Negeri (DUN). Pemilihan pelajar dilakukan oleh pihak Yayasan Islam Kelantan (YIK) berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak PMBK.

Majlis penyampaian pada tahun ini telah disempurnakan oleh Menteri Besar Ustaz Dato' Ahmad Yakob pada 05 April 2015 bersamaan 15 Jamadil Akhir 1436H. Hadir sama ialah ADUN Gual Periuk, Ustaz Mohamed Awang, Pengarah



Yayasan Islam Kelantan, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PMBK, Hj Ahmad Zakie Ahmad Shariff dan pihak pengurusan PMBK serta Kumpulan.

Bantuan ini telah memasuki tahun ketujuh semenjak ia dilancarkan oleh Allahyarham Tuan Guru pada tahun 2009 dengan jumlah bantuan setakat ini berjumlah RM375,000. Manakala jumlah penerima bantuan yang terkini adalah seramai 625 orang. Bantuan sebanyak RM50 sebulan akan dikreditkan secara terus ke akaun pelajar-pelajar yang terpilih melalui Bank Islam.

Ustaz Dato' Menteri Besar berkata, sumbangan itu diberi kepada pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan rendah bagi meringankan beban ibu bapa. Adalah menjadi

tanggungjawab bersama untuk membantu pelajar-pelajar tersebut dalam mencari ilmu pengetahuan tanpa memikirkan kekangan kewangan keluarga mereka.

Turut menerima sumbangan ialah empat pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2014 dari Maahad Muhammadi Lelaki dan Maahad Muhammadi Perempuan.

Hj Ahmad Zakie berkata, sebanyak RM40,000 telah diperuntukkan bagi membayar bantuan kepada 75 penerima baru skim berkenaan. "PMBK menambah jumlah penerima seramai 25 orang lagi berbanding 50 orang sebelum ini. Pelajar-pelajar yang terpilih ini akan diberikan bantuan selama dua tahun iaitu pada tahun 2015 dan 2016, diharapkan mereka dapat memanfaatkan sumbangan ini dengan sebaiknya dan dapat membantu para pelajar dalam meneruskan pengajian" katanya.

Beliau juga sempat berpesan kepada pelajar-pelajar, **"kekalkan kejayaan hingga ke akhirnya dan ingatlah kecemerlangan bukanlah satu kemahiran tetapi ia bergantung kepada sikap"**.

# Time Tunnel Terowong Masa

Sumber dan foto ehsan  
Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



## Bah Merah (1926)

Jalan Temenggong, Kota Bharu semasa Bah Merah 1926.

Nota: Banjir besar pada 1926 dipanggil Bah Merah disebabkan warna air banjir bertukar daripada warna teh susu kepada merah kerana dipercai ada bukit di bahagian hulu sungai runtuh dan mengakibatkan banjir lumpur.

## DULU...

Jalan Temenggong, Kota Bharu during Red Flood 1926.

Note: Big floods in 1926 called the Red Flood due to flood water color changes from milkyish color to red color as it is believed there is a hill in the upper reaches of the river to collapse and cause mudslides.



## **Bah Kuning (2014)**

Jalan Temenggong, Kota Bharu semasa Bah Kuning 2014.

Nota: Pada 18 hingga 29 Disember 2014, sekali lagi negeri Kelantan dilanda banjir yang dianggap paling teruk dan paling buruk juga agak luar biasa dan di luar jangkaan yang boleh ditilahkan sebagai 'tsunami kecil'. Banyak kawasan yang tidak pernah merasai banjir telah tenggelam sehingga penduduk terpaksa berpindah ke kawasan yang lebih selamat. Banjir ini dikenali sebagai Bah Kuning.

Jalan Temenggong, Kota Bharu during Yellow Flood 2014.

Note: On 18 until 29 December 2014, once again flood hit Kelantan which was considered the worst, severe and also quite remarkable and unexpected. It is also can be called as 'mini tsunami'. Many areas that had never been hit by flood before have submerged until the residents are forced to move to a safer area. This flood is known as Yellow Flood.

**KINI...**



# KELANTAN ENCYCLOPEDIA

By : Siti Norazami Mohd Anuar (Incollaboration with DBP, Wilayah Timur) Photo : Google Images



## Agah (*Proud*)

The feeling of deep pleasure or satisfaction and vain. Feeling great and famous, pronounced 'are-gah'.

**Contoh ayat:** Agah nyo dio tu, jjale tok kelih ore nah.

## Kakloh (*Either/Too*)

The same with something else or what has been mentioned before. Pronounced 'kark-lorh'.

**Contoh ayat:** Sedak kakloh nasi goreng hok make kemarin. Braso nok make plok hari ni.

## Luwok (*Less*)

Becoming less after being taken, thrown away, touched etc. Pronounced 'loo-walk'.

**Contoh ayat:** Tok ake luwok duit kito kalu kito rajin sedekoh.



## Cokeh (*Dig Out*)

An act of digging out with hands or things like spear, lath etc to take out something out of a hole or place with a lot of effort. Pronounced 'chor-keh'.

**Contoh ayat:** Pitu ni keno cokeh sebab koci iley.



## Bocong (*Water Flask*)

High quality vacuum insulated bottle (thermos) that can keep water cold or hot for more than 24 hours. Pronounced 'boar-cong'.

**Contoh ayat:** Bubuh la air dale bocong kalu nok tehe panas gak.



### **Cholay (A 3-Wheel Motorcycle)**

A 3-wheel motorcycle, usually used by the incapacitated persons and also vegetable merchants and fishmongers. Pronounced 'chor-lay'.

**Contoh ayat:** Kalu nok muat bare banyak, gi la nga cholay.



### **Bberi (Stretchable)**

Something that is able to revert to original size and shape after being stretched or pulled and easily measured to be more or less. Pronounced 'bbe-ree'.

**Contoh ayat:** sedak nyo paka baju ni, sebab kain jenis bberi.



### **Gelewak (Scattered/Messy)**

A scattered or messy surrounding due to having so many people. Pronounced 'gir-lair-wark'.

**Contoh ayat:** Bosey la budok ni duk gelewak depe ore.

### **Gong (Stupid)**

Foolish, careless, senseless and act like an immature and undignified person. Also refers to an elevated soil. Pronounced 'gong'.

**Contoh ayat:** Ore ttino jange kecek deggah-deggah, nati ore panggil gong lamo kae.



### **Ngatoh (Munch)**

An act of eating or munching cooked food without the main course (usually rice). Pronounced 'ngar-torh'.

**Contoh ayat:** Bakpo pakak ngatoh lauk tu? Nati tok cukup nok makey nga nasik.

### **Jjela (Too Excited)**

Acting too eager and impatient over something, usually food. Pronounced 'jir-laa'.

**Contoh ayat:** Abah sokmo pesey, jago perangai kalu gi ghumoh oghe. Jange napok jjela sangat.



## Pekong (*Throw*)

Propel something using objects like stones, wood etc with force towards a target. Pronounced 'pair-kong'.

**Contoh ayat:** Pekong jjauh sikit kulit pise tu, takot reboh kalu jjirek.

## Ssungut (*Grumbling*)

Muttering alone without knowing the exact words or reasons. Pronounced 'sue-ngut'.

**Contoh ayat:** Abah baru ssungut pasal Din, sapa doh eh.



## Teghok (*Force*)

An act of forcing and scrambling to get (or complete) something before someone else. Pronounced 'ter-rock'.

**Contoh ayat:** Pitu masuk stadium tu kecik, jange la teghok rama-rama. Nati pecoh.



## Ttumah (*Dally*)

An act of doing something with too much focus that it takes a longer time. Pronounced 'too-mah'.

**Contoh ayat:** Pok mat keno ttumah sari sutuk untuk hasilkan ukiran kayu hok molek.



## Ttuyup (*Dragonfly*)

A dragonfly is an insect characterized by large multifaceted eyes, two pairs of strong transparent wings and an elongated body. Usually found around the lake, pond, river and damp soil because its larvae, known as 'nimfa', is in aquatic form. Pronounced 'too-yoop'.

**Contoh ayat:** Ttuyup banyak dale hute nga ppadey.

## Cemok (*A small quantity*)

A small quantity of things. Pronounced 'cher-mork'.

**Contoh ayat:** Nok bubuh garey cemok mano ni dale gulaa?

## Kkicik (*Faeces*)

When someone lost his control to excrete body waste properly and end up doing so frequently and abnormally in a form of soft and watery faeces. Pronounced 'key-chick'.

**Contoh ayat:** Saya tok leh makey pedah sangat, takot beronar perut pahtu kkicik.



## Pongoh (*Bad Tempered*)

An act of an individual who can't seem to control his anger and therefore becomes bad tempered and easily annoyed due to petty things. Pronounced 'pour-ngoh'.

**Contoh ayat:** Kena beringat nge ore pongoh, takot dio marah tok tentu pasal.



## Medu (*Gastritis*)

Inflammation of stomach lining. Usually due to food intake pattern, surrounding or heredity. Pronounced 'mer-doo'.

**Contoh ayat:** Bakpo jaley nngokko gitu? Medu ko?



## Tebeng (*Trying Hard*)

An act of trying hard to achieve something. Pronounced 'ter-baing'.

**Contoh ayat:** Buat kijo ni biar ssungguh. Tebeng selagi boleh, baru la berjayo.



## Bbabak (*Cranky/Irritable*)

A negative act - easily annoyed and testy, throwing things and tantrums. Pronounced 'bar-bark'/'bba-bak'.

**Contoh ayat:** Jange duk bbabak gak, malu kok re duk kelih tuh.

# Riyadul Ilmi

KG AIR PUTEH (LAKOTA), JAJAHAN JELI, KELANTAN  
[1 Km Dari UMK. 100 Meter Dari Jalan Utama]

Harga Dari  
RM 159,000  
3 Bilik Tidur  
2 Bilik Air



**RUMAH TERES | 1 TINGKAT**

Terhad 52 Unit

Harga Dari  
RM 419,000.00  
5 Bilik Tidur  
4 Bilik Air



**RUMAH BANGLO | 2 TINGKAT**

Terhad 6 Unit Sahaja

Harga Dari  
RM 250,000  
4 Bilik Tidur  
3 Bilik Air



**RUMAH TERES | 2 TINGKAT**

Terhad 16 Unit



TUNJONG DEVELOPMENT  
CORPORATION SDN BHD

ANGG UTAMAKAT



**Hubungi**

**09-7477227 | 09-7477997**

**Pn Reena : 019-2174649**

Pt 403, Bandar Baru Tunjong, Jalan Kuala Krai  
16010 Kota Bharu, Kelantan

Faks : 09-7475551

Email : tunjongdc@gmail.com

No. Lesen : 13797-1/12-2016/01232(L)

No. Permit : 13797-1/12-2016/01232(P)

"Kebajikan Diutama Kecaknaan Bersama"

## SKIM YANG DITAWARKAN

- ➔ SKIM KIFAALAH TAKAFUL WARGA EMAS KERAJAAN NEGERI KELANTAN
  - ➔ SKIM KIFAALAH TAKAFUL KHAIRA UMMAH
  - ➔ SKIM KIFAALAH TAKAFUL AS-SYABAB / AN-NISA'
  - ➔ SKIM KIFAALAH TAKAFUL PENGHULU NEGERI KELANTAN
  - ➔ SKIM KIFAALAH TAKAFUL WARGA EMAS JOHOR
- Skim Takaful Am & banyak lagi.....

Untuk maklumat lanjut, layari laman web kami....  
[www.kifaalah.com.my](http://www.kifaalah.com.my)

## ANUGERAH DAN PENGIKTIRAFAN KIFAALAH SDN BHD

### 2008/2009

Takaful Malaysia Berhad  
1) BEST CORPORATE AGENSI -Family &  
General Takaful Category  
2) CHAMPION -Family Takaful Category

### 2009/2010

Takaful Malaysia Berhad -1st Runner  
Up(Producer Award)

### 2010/2011

Takaful Malaysia Berhad - Gold Cost Trip  
GMD Challenge 2010

### 2011/2012

Takaful Malaysia Berhad -Gold Achiever  
(Corporate Business Division)

### 2012/2013

1) Takaful Malaysia Berhad -Gold Agency  
Award for Family Takaful  
2) Takaful Ikhlas Berhad -Gold Agency  
Award for General Takaful

### 2013/2014

Takaful Malaysia Berhad  
Platinum Agency Award for Family Takaful



كفاالاه سڠ بڠ

**KIFAALAH SDN BHD**

(ANAK SYARIKAT PERBADANAN MENTERI BESAR KELANTAN)

Lot 256 Taman Maju, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200 Kota Bharu, Kelantan.

Tel : +609-747 6336

Fax : +609-747 6226

[www.kifaalah.com.my](http://www.kifaalah.com.my)

[www.facebook.com/kifaalah](http://www.facebook.com/kifaalah)

 **TAKAFULmalaysia**

 **TAKAFUL IKHLAS**

 **eTiqa**  
Takaful

**WAKIL KORPORAT TAKAFUL**

# Penghargaan & Terima Kasih



YAB. USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI YAKOB  
Menteri Besar Kelantan

## Kepada Semua yang Membantu Mangsa Banjir Kelantan

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan pelbagai bentuk bantuan serta bekalan kepada semua mangsa-mangsa banjir di Negeri ini. Penghargaan khas kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negara Thailand, Agensi-Agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, Pasukan Keselamatan, Tentera, Polis, Pertahanan Awam, Bomba, Rela, Pihak Hospital serta Pasukan Perubatan, Ahli-Ahli Korporat, Usahawan-usahawan, Semua NGO, Pertubuhan-Pertubuhan Profesional, Sukarelawan dari Palestin, Thailand, Singapura, Bangladesh, Turki, Para Dermawan dari dalam dan luar Negeri dan juga orang perseorangan. Pengorbanan masa, tenaga bahkan jiwa raga tidak akan dilupakan dan Allah pasti mengganjarinya.

